

Jilid I  
Bil. 97



Hari Jumaat  
27hb November, 1987

**MALAYSIA**

**PENYATA RASMI PARLIMEN**  
PARLIAMENTARY DEBATES

**DEWAN RAKYAT**  
*House of Representatives*

**PARLIMEN KETUJUH**  
*Seventh Parliameti*

**PENGGAL PERTAMA**  
*First Session*

**KANDUNGANNYA**

**PENGUMUMAN TIMBALAN YANG DI-PERTUA:**

Cuti Y.B. Tuan Hu Sepang dan  
Y.B. Dr Eng Seng Chal Kebenaran [Ruangan 15945]

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN [Ruangan 15946]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT (Ruangan 15996)

**RANG UNDANG-UNDANG:**

Rang Undang-undang Perbekalan, 1988

Jawalankuasa—

Jadual:

Maksud B. 35 hingga B. 43 [Ruangan 15997]

Maksud B. 46 hingga B. 48 [Ruangan 16002]

Maksud B. 49 dan B. 50 [Ruangan 16043]

**USUL:**

Anggaran Pembangunan, 1988

Jawatankuasa—

Maksud P. 35 hingga P. 37 dan P. 39 hingga P. 42 [Ruangan 15997]

Maksud P. 46 hingga P. 48 [Ruangan 16002]

Maksud P. 49 dan P. 50 [Ruangan 16043]

MALAYSIA

## DEWAN RAKYAT YANG KETUJUH

*Penyata Rasmi Parlimen*

### PENGGAL YANG PERTAMA

#### AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BBN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Dalam Negeri dan Menteri Kehakiman, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu).

.. Timbaian Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Labis).

.. Menteri Kerjaraya, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

.. Menteri Perusahaan Utama, DATO' DR LIM KENG YAIK, D.P.C.M. (Beruas).

.. Menteri Pertahanan, Y.B.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

.. Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

.. Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATIN PADUKA RAPIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

.. Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P., P.N.B.S., J.B.S. (Santuboug).

.. Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun Langkawi).

.. Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).

.. Menteri Pendidikan, TUAN ANWAR BIN IBRAHIM (Permatang Pauh).

.. Menteri Luar Negeri, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).

.. Menteri Kewangan, TUAN DAIM ZAINUDDIN (Merbok).

.. Menteri Kesihatan, DATO' CHAN SIANG SUN, S.I.M.P., D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentung).

Yang Berhormat Menteri Buruh, TUAN LEE KIM SAI, P.P.N. (Hulu Langat).

- .. Menteri Belia dan Sukan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (ORANG KAYA INDERA SHAHBANDAR), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P. (Pekan).
- .. Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN KASITAH BIN GADDAM (Kinabalu).
- .. Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN NG CHENG KIAT (Klang).
- .. Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.U., S.I.M.P., D.P.M.J., P.N.B.S., K.M.N. (Pulau).
- .. Menteri Kebudayaan dan Pelancongan, DATO' HAJI SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).
- .. Menteri Perusahaan Awam. DATO NAPSIAH BINTI OMAR, D.S.N.S. (Kuala Pilah).
- .. Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOR, D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Setiu).
- .. Menteri Kebajikan Masyarakat, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- .. Timbalan Yang di-Pertua, DATO' MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, D.I.M.P., A.M.N., A.M.P. (Rompin).
- .. Timbalan Yang di-Pertua, TUAN D. P. YIJANDRAN (Kapar).
- .. Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- .. Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., J.M.N. (Paloh).
- .. Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- .. Timbalan Menteri Pertanian, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- .. Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., S.M.J. (Segamat).
- .. Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' Oo GIN SUN, D.S.D.K., S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- .. Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).
- .. Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA (Batu Pahat).
- .. Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN NG CHENG KUAI, A.M.P. (Lumut).
- .. Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, TUAN WANG CHOON WING, A.M.N. (Lipis).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR Sm ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Mentakab).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' KOK WEE KIAT, A.M.N. (Selandar).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, TUAN WOON SEE CHIN, A.M.N., p.i.s. (Senai).
- „ Timbalan Menteri Buruh, TUAN KALAKAU UNTOL (Tuaran).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN LOKE YUEN YOW, A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN JAFFREY (Silam).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., p.B.s. (Sarikei).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN ALIAS BIN MD. Au, S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, S.M.S. (Baling).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, TOH MUDA DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, P.C.M. (Bukit Gantang).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN (Ledang).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DRS SULEIMAN BIN MOHAMED (Titivangsa).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (DUNGUN).
- „ SETIAUSAHA PARLIMEN KEMENTERIAN PENERANGAN, DATO' HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD, D.I.M.P. (Tumpat).

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, CIK TENG GAIK KWAN, A.M.N., P.P.N. (Raub).

- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN PETER CHIN FAH KUI (Lambir).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos. TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN M. G. PANDITHAN, K.M.N. (Tapah).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan, TUAN ABDUL RAMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).
- .. Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Pendang).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHAMED BIN JAMRAH, A.M.P., P.P.T. (Bagan Datok).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN ADAM BIN ABDUL KADIR (Kuantan).
- .. TUAN ABDOL MULO K AWANG DAMIT (Labuan).
- .. DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).
- .. DR ABDUL HADI BIN DERANI, K.M.N., A.M.K. (Kota Setar).
- .. DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim Bandar Baharu).
- .. TUAN HAJI ABDUL MANAF BIN HAJI AHMAD, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Sungai Petani).
- .. TUAN ABDUL RAHMAN BIN BAKAR (Marang).
- .. TUAN HAJI ABDUL RAZAK BIN ABU SAMAH, D.S.M., A.M.N., P.J.K. (Lembah Pantai).
- .. DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- .. DATO' ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S., A.D.K. (Kok Lanas).
- .. DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- .. TUAN HAJI NIK ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD (Pengkalan Chepa).
- .. DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).
- .. TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).
- .. TUAN HAJI BASRI BIN BAJURI, K.M.N., P.J.K. (Kuala Langat).
- .. DATUK BERNARD GILUK DOMPOK, P.G.D.K. (Penampang).

- Yang Berhormat TUAN HAJI BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- .. DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- .. TUAN CHEW KAM HOY, A.M.K., J.P. (Padang Serai).
- .. TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).
- .. TUAN SAMSON CHIN CHEE Tsu (Tawau).
- .. TUAN CHUA JUI MENG (Bakri).
- .. DR V. DAVID (Puchung).
- .. TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- .. DR ENG SENG CHAI (Petaling Jaya).
- .. TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- .. TUAN GERARD MATH LEE MIN, A.S.D.K. (Gaya).
- .. TUAN GHAZALI BIN AHMAD, A.M.N., P.C.K. (Jerai).
- .. DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- .. TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- .. TUAN HASHIM BIN SAFIN @ SHAFAIN, A.M.N. (Tanah Merah).
- .. TUAN HSING YIN SHEAN (Tanjong Aru).
- .. TUAN HAJI HUSSEIN BIN HAJI TAIB. P.P.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- .. TUAN Hu SEPANG (Rasah).
- .. TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).
- .. TUAN HAJI IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- .. TUAN ISMAIL (a MANSOR BIN SAID, S.M.T., A.M.N. (Kemaman).
- .. TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- .. TUAN JIMBUN ANAK PUNGGGA @ JAMES JIMBUN ANAK PUNGGGA, P.B.S. (Kapit).
- .. TUAN JUSTINE ANAK TEMENGGONG JINGGUT (Ulu Rajang).
- .. DATUK KADOH AGUNDONG, P.G.D.K. (Padas).
- .. DATO' HAJI KAMARUZAMAN BIN HAJI AHMAD, D.P.M.S., J.M.N., A.M.N., J.P. (Tanjung Karang).
- .. TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- .. TUAN LAINUS ANAK ANDREW LUWAK (Serian).
- .. TUAN LAU DAK KEE (Pasir Pinji).
- .. TUAN LAW LAI HENG @ GOH LAI HENG, P.I.S., B.S.I., K.M.N., A.M.N. (Pontian).
- .. TUAN LEE LAM THYE (Bukit Bintang).
- .. DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).

Yang Berhormat TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).

- .. DR LIM ANN KOON, S.S.A., P.J.K. (Ampang Jaya).
- .. TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- .. TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- .. PUAN LING CHOOI SIENG (Kluang).
- .. TUAN MADATANG BIN MOREJAL (Bandau).
- .. TUAN MAIDOM BIN PANSAI @ PAUL PANSAI (Kota Belud).
- .. TUAN MICHAEL ASANG, B.s.K. (Jambongan).
- .. TUAN HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, P J K . (Maran),
- .. DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M-.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- .. TUAN MOHAMED BIN HAJI ISA, A.M.N., PS. (Kuala Kerai).
- .. TUAN MOHAMED SAM BIN HAJI SAILAN, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Muar).
- .. TUAN MOHAMED TAWFIK BIN TUN DR ISMAIL (Sungai Benut).
- .. TUAN HAJI MOHAMED BIN YAACOB (Rantau Panjang).
- .. DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- .. TUAN MOHAMMAD SUBKY BIN HAJI ABDUL RAOF, A.M.N., PJ.M. (Balik Pulau).
- .. TUAN MOHAMMED YUSOFF BIN ABDUL LATIFF, J.P. (Tasek Gelugor).
- .. DATUK SERI HAJI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- .. TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).
- .. TUAN MOHD. SHARIF BIN JAJANG, A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- .. TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).
- .. TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- .. TUAN MOHD. ZIHIN BIN MoHD. HASSAN (Larut).
- .. DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.U., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Kota Tinggi).
- .. TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN (Limbawang).
- .. TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- .. TUAN NASRUDDIN BIN ALANG SAIDIN (Parit).
- .. TUAN NGOI THIAM WOH (Kampar).
- .. DR NICHOLAS MUNONG IBAU (Rajang).

Yang Berhormat TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).

- .. TUAN JOE OJIHI SUPIRING (Marudu).
- .. DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- .. DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
- .. TUAN P. PATTO (Ipoh).
- .. TUAN PETER PAUL DASON (Bayan Baru).
- .. DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., P.C., K.M.N., A.M.N. (Saratok).
- .. TUAN PITTING BIN HAJI MOHD. ALI (Kinabatangan).
- .. DATO' RADZI BIN SHEIKH AHMAD, D.P.M.P. (Kangar).
- .. DATIN PADUKA HAJJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, D.P.M.S., J.S.M., S.M.S., A.M.P., P.J.K. (Shah Alam).
- .. DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).
- .. Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
- .. DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Tasik Chenderoh).
- .. DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Semporna).
- .. TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).
- .. DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- .. PUAN HAJJAH SHARIFFAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMMED, S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Parit Sulong).
- .. TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- .. TUAN S. S. SUBRAMANIAM, P.J.K., A.M.S. (Hulu Selangor).
- .. TUAN TAIMAN BIN LUMAING (Pensiangan).
- .. DATUK DANIEL TAJEM ANAK Mmi (Batang Lupar).
- .. TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).
- .. DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- .. TUAN TEOH TEIK HUAT (Bagan).
- .. TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Jelau).
- .. TUAN TIEU SUNG SENG @ TIU SIING SENG (Sibu).
- .. TUAN TING CHEK MING (Batu Gajah).
- .. DR TING CHEW PEH (Gopeng).
- .. TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- .. TUAN HAJI WAN OMAR BIN WAN MAJID, S.M.K., P.P.N. (Pasir Puteh).
- .. DATUK HAJI YAHAYA BIN MOHD. SHAFIE (Tambun).

Yang Berhormat PUAN SITI ZAINABON @ ZAINAB BINTI ABU BAKAR (Tebrau).

- .. DATO' ZAINAL ABIDIN BIN JOHARI. D.S.D.K., K.M.N.. P.P.N..  
B.K.M., P.J.K., J.P. (Sik).
- .. DATO' ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai).
- .. DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.I.. K.M.N.,  
P.J.K. (Besut).
- .. TUAN ZUBIR BIN EMBONG (Kuala Terengganu).

## **DEWAN RAKYAT**

### **PEGAWAI-PEGAWAI KANAN**

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz, D.P.M.P.,  
J.M.N., S.M.P., P.P.T.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

### **BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN**

Ketua Penyunting: Haji Yahya Manap.

Penyunting Kanan: P. B, Menon.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: N, Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

### **PELAPOR PERBAHASAN PARLIMEN**

Haji Abdut Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Hajjah Julia binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

### **BENTARA MESYUARAT**

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim.

MALAYSIA  
DEWAN RAKYAT

---

Jumaat, 27hb November, 1987

---

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 3.00 petang*

**DOA**

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-*  
*pengerusikan Mesyuarat*)

**PENGUMUMAN  
TIMBALAN  
YANG DI-PERTUA**

**Cuti Y.B. Tuan Hu Sepang dan  
Y.B. Dr Eng Seng Chai—Kebenaran**

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud):** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Ahli-ahli Yang Berhormat iaitu pada menjalankan kuasa-kuasa yang telah diberikan kepada saya mengikut ketetapan yang dibuat oleh Dewan ini pada 25hb April, 1961, saya telah membenarkan cuti daripada menghadiri Mesyuarat Dewan Rakyat di bawah Perkara 52 Perlembagaan Persekutuan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang berikut:

- (i) Yang Berhormat Tuan Hu Sepang, Ahli Parlimen Kawasan Rasah mulai 28hb Oktober, 1987 hingga 4hb Disember, 1987; dan
- (ii) Yang Berhormat Dr Eng Seng Chai, Ahli Parlimen Kawasan Petaling Jaya mulai 30hb Oktober, 1987 hingga 4hb Disember, 1987.

**JAWAPAN-JAWAPAN  
MULUT BAGI  
PERTANYAAN-  
PERTANYAAN**

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat Tuan Zubir bin Embong.

*(Soalan No. 1 Y.B. Tuan Zubir bin Embong tidak hadir).*

**MULTILATERAL TRADE  
NEGOTIATIONS**

**2. Tuan Gerard Math Lee Min** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:

- (i) kenapakah perlunya dibentuk jawatankuasa kebangsaan untuk "Multilateral Trade Negotiations" (MTN);
- (ii) berapakah perbelanjaan dalam pembentukan jawatankuasa ini dan pembiayaan MTN; dan
- (iii) sejauh manakah kejayaan MTN setakat ini.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian (Tuan M. G. Pandithan):** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jawatankuasa Kebangsaan Mengenai Multilateral Trade Negotiations (MTN) perlu ditubuhkan untuk menentukan penyertaan Malaysia yang berkesan dalam MTN Pusingan Uruguay yang berjalan sekarang. Jawatankuasa ini

perlu menyelaraskan pendirian Kementerian dan Jabatan yang terlibat supaya dapat digubal strategi, pendirian dan pendekatan yang kukuh dan menyeluruh dalam rundingan di berbagai bidang yang diliputi oleh Pusingan Uruguay termasuk perdagangan barangan, pelaburan, pemeliharaan hak cipta dan perdagangan di bidang perkhidmatan. Penyertaan Malaysia yang berkesan dalam Pusingan Uruguay ini adalah penting untuk mengatasi sekatan perdagangan dan tangkai-langkah perlindungan dalam usaha untuk menentukan pasaran antarabangsa yang lebih terbuka bagi barang-barang eksport tempatan dan pengaliran terus pelaburan asing ke dalam negeri.

Bagi menjawab bahagian kedua soalan itu, saya ingin memaklumkan Ahli Yang Berhormat bahawa tiada perbelanjaan khas diuntukkan bagi menubuhkan Jawatankuasa Kebangsaan MTN itu. Jawatankuasa ini dianggotai oleh pegawai-pegawai kanan dari berbagai Kementerian dan Jabatan yang bertanggungjawab ke atas perkara-perkara perdagangan luar, ekonomi, kewangan pelaburan dan perhubungan antarabangsa. Segala kertas-kertas yang disediakan bagi mesyuarat-mesyuarat Jawatankuasa ini dibiayai daripada peruntukan yang telah diluluskan kepada Kementerian dan Jabatan berkenaan. Ahli-ahlinya menyumbang tenaga dan kepakaran kepada Jawatankuasa itu dalam konteks pengendalian tugas dan tanggungjawab harian masing-masing dan tidak dibayar apa-apa elaun baginya.

Mengenai bahagian ketiga soalan itu, saya ingin memaklumkan Ahli Yang Berhormat bahawa setakat ini negara-negara anggota GATT sedang merumuskan peraturan-peraturan rundingan di bidang-bidang yang diliputi dalam Pusingan Uruguay.

Pertukaran konsesi dalam Pusingan Uruguay dijangka akan bermula pada pertengahan tahun 1988. Dengan itu penilaian kejayaan Jawatankuasa Kebangsaan Mengenai MTN tidak dapat dilakukan sehingga rundingan bagi pertukaran konsesi dilakukan kelak di GATT.

### JEMAAH HAJI KESELAMATAN

**3. Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis** minta Perdana Menteri menyatakan memandangkan bahawa keadaan keselamatan semakin kurang terjamin bagi para jemaah haji semasa mengerjakan haji di Tanah Suci dewasa ini:

- (a) apakah langkah-langkah keselamatan yang sedang diambil oleh Kerajaan untuk menjamin keselamatan para jemaah haji kita;
- (b) apakah Kerajaan kita telah berbincang dengan Kerajaan Arab Saudi mengenai perkara ini;
- (c) apakah jaminan yang telah diberi oleh Kerajaan Arab Saudi mengenai perkara ini; dan
- (d) apakah jaminan OIC, Bangsa-bangsa Bersatu dan Badan-badan Dunia lain terhadap keselamatan jemaah-jemaah haji keseluruhannya.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor):** Tuan Yang di-Pertua, masalah keselamatan bagi Jemaah Haji tidak perlu diragukan kerana Kerajaan Arab Saudi sedia mengambil tindakan yang berkesan bagi menjamin keselamatan mereka. Walaupun demikian, Tabung Haji dan Kedutaan Besar Malaysia di Arab Saudi telah mengambil langkah-langkah yang sepatutnya bagi

menjamin keselamatan Jemaah Haji. Di antara langkah-langkah itu ialah:

- (i) menyewa rumah-rumah tempat menginap Jemaah Haji di kawasan-kawasan yang selamat mengikut nasihat Kementerian Haji dan Wakaf dan Kementerian Dalam bagi Negeri Arab Saudi;
- (ii) mengesan semua tempat tinggal Jemaah Haji supaya mereka senang dihubungi sekiranya berlaku sebarang peristiwa yang boleh mengancam keselamatan mereka;
- (iii) menasihatkan Jemaah Haji supaya tidak mengambil bahagian dalam sebarang tunjuk perasaan atau kegiatan politik semasa di Tanah Suci; dan
- (iv) menyampaikan kepada Jemaah Haji dengan serta-merta sebarang amaran bahaya yang diterima dari pihak yang berkuasa Arab Saudi supaya mereka boleh mengambil langkah menjaga keselamatan diri.

Pada masa ini Kerajaan tidak bercadang hendak mengadakan rundingan dengan Kerajaan Arab Saudi kerana setakat ini Kerajaan berpuas hati dengan langkah-langkah keselamatan yang telah dilaksanakan oleh pihak Arab Saudi dan mempunyai penuh keyakinan di atas langkah-langkah keselamatan yang diambil oleh pihak Kerajaan Arab Saudi.

Mengenai peranan OIC, Bangsa-bangsa Bersatu dan Badan-badan Dunia lain pula, Badan-badan itu tidak memberi sebarang jaminan terhadap keselamatan Jemaah Haji keseluruhannya. Ini mungkin Badan-badan tersebut menyedari bahawa masalah keselamatan Jemaah Haji

yang mengerjakan Haji di Makkah dan Madinah itu adalah masalah dalam negeri Arab Saudi sendiri. Namun begitu, Raja Hassan II dari Morocco ada mencadangkan supaya OIC mengadakan satu sidang kemuncak pemimpin-pemimpin negara Islam dengan tujuan untuk membincangkan, kejadian rusuhan yang telah berlaku di Makkah pada 31hb Julai, 1987 yang lalu serta langkah-langkah keselamatan yang perlu diambil. Cadangan tersebut sedang ditimbang oleh negara-negara anggota.

**Tuan Ismail bin Said:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri mengenai rusuhan yang berlaku baru-baru ini, sama ada jemaah haji kita terlibat atau pun tidak. Jika terlibat, adakah mereka ini daripada jemaah haji yang dianjurkan oleh Tabung Haji ataupun mereka yang dianjurkan oleh pihak swasta?

**Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor:** Tuan Yang di-Pertua, mengikut laporan yang saya terima sewaktu saya berada di Arab Saudi memastikan kedudukan dan suasana yang berlaku tidak adapun satu laporan yang menyatakan ada orang daripada Malaysia terlibat. Cuma yang memeranjatkan sedikit saya dan juga Kerajaan ialah apabila ada seorang dalam negara ini yang membuat kenyataan dalam akhbar mengatakan dia terlibat dan itu mungkin atas inisiatif dia sendiri, mungkin juga kerana dia memandai-mandai.

**Dato Haji Saidin bin Haji Mat Piah:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat Menteri telah menerangkan beberapa langkah yang diambil oleh pihak Kerajaan bagi menjamin keselamatan para jemaah haji semasa mengerjakan ibadat haji di Mekah, akan tetapi saya ingin mendapat penjelasan adakah mereka yang dimaksudkan itu

termasuk para jemaah haji yang pergi menerusi pihak swasta dan tidak melalui Tabung Haji? Kalau langkah-langkah keselamatan itu tidak termasuk mereka yang pergi menerusi pihak swasta, apakah langkah-langkah lain yang akan diambil oleh pihak Kerajaan untuk mengingatkan kepada pihak penganjur atau pihak swasta yang membawa jemaah haji supaya mematuhi aturan dan nasihat yang diberikan oleh pihak Lembaga Urusan dan Tabung Haji bagi menjamin keselamatan para jemaah haji kita?

**Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor:** Tuan Yang di-Pertua, mengikut senarai yang ada pada Tabung Haji, kesemua atau dengan lain perkataan seratus-peratus jemaah yang pergi dengan Tabung Haji adalah mengikut disiplin yang telah diatur kerana Tabung Haji adalah sebuah badan yang penuh dengan disiplin. Laporan yang diterima itu ialah kemudiannya sewaktu kembali ke tanahair, kerana yang bersama-sama saya termasuk juga Yang Berhormat Menteri Penerangan, kami berdua terperanjat kerana rupa-rupanya ada orang-orang yang tidak termasuk dalam senarai Tabung Haji yang berada di Mekah. Oleh kerana perkara ini kita dapat berlaku maka nasihat, kalau Ahli Yang Berhormat meminta nasihat daripada saya, ialah kalau sekiranya seseorang bakal haji itu sukakan kepada disiplin iaitu nizam atau peraturan, maka hendaklah mengikuti sebuah badan yang mengekalkan disiplin seperti Tabung Haji. Kalau pergi di luar daripada Tabung Haji, mungkin itu menandakan bahawa mereka tidak suka kepada disiplin.

#### INSTITUSI KEWANGAN— MENGAWASI

**4. Tuan Ahmad bin Omar** minta Menteri Kewangan menyatakan adakah langkah Bank Negara Malaysia menubuhkan satu Jawatankuasa Khas

(Special Task Force) yang tetap bagi mengawasi sepanjang masa amalan-amalan di bank-bank khususnya dari segi mematuhi arahan dan peraturan yang berkaitan dengan pinjaman dan juga pengurusan dan perjawatan peringkat tinggi dan rendah.

**Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Loke Yuen Yow);** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, salah satu daripada peranan utama Bank Negara Malaysia ialah untuk mengawasi kegiatan dan operasi institusi-institusi kewangan yang diletakkan di bawah kawalannya. Tujuan pengawasan ialah untuk memastikan bahawa segala undang-undang, peraturan-peraturan dan garis panduan yang dikeluarkan adalah dipatuhi oleh mereka.

Peranan ini dikendalikan oleh sebuah Jabatan Khas di Bank Negara yang dikenali sebagai Jabatan Pengawasan Bank. Tugas Jabatan itu bukan sahaja setakat mengawasi, malahan mengeluarkan dari masa ke semasa arahan atau garis panduan agar institusi-institusi kewangan menjalankan aktiviti mereka sejajar dengan dasar dan matlamat Kerajaan. Ini termasuklah arahan-arahan dan garis panduan-garis panduan yang berkaitan dengan Dasar Ekonomi Baru yang meliputi hal-hal pengeluaran pinjaman, latihan dan pengambilan kakitangan di semua peringkat.

Oleh kerana sistem pengawasan yang dilaksanakan sekarang oleh Bank Negara didapati memuaskan, Kementerian Kewangan berpendapat bahawa satu Jawatankuasa Khas (Special Task Force) seperti yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat itu tidak perlu diwujudkan bagi mengawasi amalan-amalan institusi kewangan.

**Dr Ting Chew Peh:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi

menyebutkan arahan-arahan serta juga garis panduan. Saya ingin mengetahui apakah bentuk garis panduan-garis panduan dan arahan-arahan yang telah dikeluarkan kepada institusi-institusi kewangan dan apakah tindakan yang akan diambil terhadap institusi kewangan yang enggan mematuhi garis panduan dan arahan Bank Negara itu?

**Tuan Loke Yuen Yow:** Tuan Yang di-Pertua, garis panduan Bank Negara Malaysia kepada institusi-institusi kewangan yang telah dikeluarkan pada masa ini, di antara lain, adalah seperti berikut:

- (i) Garispanduan pinjaman yang meliputi pinjaman untuk bumiputera pinjaman untuk sektor utama dan pinjaman peniaga kecil;
- (ii) garispanduan mengenai tabung tatihan kakitangan;
- (iii) garispanduan mengenai had kredit kepada orang perseorangan; dan
- (iv) garispanduan mengenai penyampaian akaun tahunan.

Tuan Yang di-Pertua, institusi-institusi kewangan yang tidak mematuhi arahan atau garispanduan yang telah dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia yang telah dikuatkuasakan akan dikenakan denda sebagaimana yang telah ditetapkan. Ini termasuk denda dalam bentuk kewangan atau juga menarik balik sesuatu taraf yang diberikan kepada mereka.

**Tuan S. S. Subramaniam:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Walaupun Bank Negara kita telah mengadakan beberapa banyak garis panduan dan syarat-syarat sejak beberapa lama, tetapi saya dapat tahu kecuali dua-tiga bank, semua bank di negara kita telah menghadapi masalah "bad debts" yang begitu besar. Saya

ingin mendapat tahu mengapakah perkara ini boleh berlaku? Sefain daripada ini juga tanpa satu Jawatankuasa Khas, saya ingin dapat tahu bagaimanakah kita akan mengawal bank-bank oleh kerana berdasarkan pengalaman kita, kita dapati hampir semua bank telah menghadapi masalah "bad debts" ini dan saya ingin tahu bagaimanakah kita akan mengawalkannya pada masa yang akan datang?

**Tuan Loke Yuen Yow:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu bagi pihak Kementerian Kewangan, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat tadi. Tetapi saya ingin di sini menyatakan bahawa tidak ada sistem yang sempurna dapat dikeluarkan oleh Kerajaan di mana setiap institusi kewangan atau syarikat di dalam negara kita ini dapat dijamin supaya mereka tidak akan mengalami kerugian.

Walau bagaimanapun, untuk makluman Ahli Yang Berhormat bahawa Jawatankuasa Khas yang disebutkan tadi itu tidak perlu diwujudkan kerana walaupun kita mungkin mengadakan Jawatankuasa yang tersebut, tetapi management of the institution, dengan izin, adalah di dalam tangan mereka sendiri iaitu bank masing-masing. Jadi, Kerajaan pada masa ini berpuas hati bahawa sistem kewangan di dalam negara ini dapat dikendalikan dengan baik.

## PENYAKIT AIDS

**5. Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah** minta Menteri Kesihatan menyatakan apakah langkah-langkah Malaysia untuk mengelakkan penyakit AIDS merebak di kalangan rakyat Malaysia kerana negara kita bebas dan menggalakkan pelancongan datang ke negara ini, kita takut mereka ini membawa kuman AIDS tebih-lebih lagi dari Amerika kerana masyarakat Amerika sendiri mengikut laporan

Perkhidmatan Kesihatan Awam Amerika menganggarkan kira-kira 1.5 juta rakyat Amerika mengidap AIDS dan lebih daripada 38,000 rakyat Amerika dijangkiti penyakit pembunuhan itu. Ingin tahu juga berapakah jumlah rakyat kita yang kena penyakit tersebut.

**Menteri Kesihatan (Dato' Chan Siang Sun):** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, beberapa langkah telah pun diambil oleh Kementerian Kesihatan untuk mencegah dan mengawal merebaknya penyakit AIDS. Di antaranya ialah:

- (1) Mewarta AIDS sebagai satu penyakit yang wajib diberitahu kepada pihak kesihatan (a notifiable disease).
- (2) Memberi makluman yang secukup-cukupnya kepada orang ramai berkenaan penyakit AIDS, cara-cara penyakit ini merebak dan cara-cara mencegah penyakit berkenaan. Makluman-makluman ini adalah diberi melalui media massa, ceramah atau seminar yang diberi oleh kakitangan Kementerian Kesihatan, kakitangan Jabatan Kerajaan yang lain serta ahli-ahli pertubuhan sukarela dan profesional. Risalah-risalah dan poster-poster berkenaan perkara yang sama juga telah diedarkan kepada orang ramai.
- (3) Kementerian Kesihatan juga tidak membenarkan mereka yang dalam golongan berisiko tinggi menderma darah kepada tabung-tabung darah di seluruh negara kita. Semua darah yang didermakan dan yang akan digunakan untuk rawatan pesakit adalah diperiksa dengan telitinya untuk memastikan yang darah-darah ini tidak mengandungi kuman AIDS/HIV.

(4) Kementerian Kesihatan juga telah memastikan bahawa semua "blood product and blood concentrates" atau bahan-bahan darah yang dibeli dari luar negeri telah pun dt "heat-treated" untuk menentukan yang ianya bebas dari kuman AIDS.

(5) Memberi bimbingan perubatan (medical counselling) kepada pesakit AIDS dan juga pembawa kuman AIDS.

(6) Mempertingkatkan perhubungan dan perbincangan (consultation) dengan pertubuhan antarabangsa.

Bilangan rakyat kita yang kena penyakit AIDS adalah seperti berikut:

<i>Kategori Penyakit</i>	<i>Bilangan</i>
KesAIDS .. ..	2
AIDS Related Complex (ARC)	1
Pembawa HIV (Carrier)	5
<b>JUMLAH</b>	<b>8</b>

**Dr Goh Cheng Teik:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri Kesihatan, satu soalan tentang AIDS dan sekiranya tidak dapat dijawab sekarang harap dapat dijawab secara bertulis. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri sama ada AIDS boleh dibawa dari seorang pesakit AIDS kepada orang lain oleh nyamuk (mosquitoes).

**Dato' Chan Siang Sun:** Tuan Yang di-Pertua, tidak payah bertulis sekarang boleh beri (*Ketawa*). Nyamuk tidak boleh memindahkan atau transfer penyakit AIDS kepada orang lain.

**Tuan Sim Kwang Yang:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat Menteri memberi angka dua kes AIDS (1) ARC dan (2) Carrier. Apakah yang terjadi kepada semua mereka itu. Adakah pesakit itu telah mati atau tidak. Apakah kemajuan telah dicapai untuk mengenal pasti (tracing) contact mereka supaya memastikan bahawa AIDS ini tidak diedarkan kepada orang lain.

**Dato' Chan Siang Sun:** Dua kes AIDS. Yang pertama, seorang warganegara Amerika Syarikat dan dia telah berlepas ke Amerika Syarikat pada 15hb Januari tahun ini. Lepas itu kalau tidak silap saya dua bulan selepas itu beliau pun meninggal.

Kes yang kedua AIDS, pesakitnya masih berada di Hospital Besar Kuala Lumpur. Dia masih di peringkat penyembuhan.

Bagi ARC pula, kes ini ada di rumah; dan pihak Kementerian Kesihatan ada memberi bimbingan (counselling) dan kita selalu mengadakan perhubungan dengan beliau. Dan kita pun ada kes-kes seperti yang saya sebutkan tadi ada dua yang masih berada di negara kita ini. Kita telah buat perhubungan dengan apa yang kita dapat maklumat daripada kedua pesakit ini dan setakat hari ini kita dapat tahu contact yang mereka lakukan adalah bebas dari pengidapan AIDS.

**Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya sejauh manakah Kementerian penuh yakin setakat ini bahawa mereka telah secara berkesan mengenal pasti pembawa penyakit AIDS ini di seluruh negara. Kerana mungkin ada yang malu hendak datang ke hospital ataupun macam yang banyak duit barangkali pergi ke luar negeri untuk rawatan; kerana perasaan malu.

Jadi yang kedua, ialah sejauh manakah tindakan Kementerian sekiranya perasaan malu ini menyebabkan kurangnya laporan diperolehi. Sejauh manakah Kerajaan atau Kementerian setakat ini berusaha untuk menentukan setiap manusia atau sesiapa membawa AIDS ini tidak malu tampil ke hadapan untuk menyelesaikan masalah yang mereka hadapi.

**Dato' Chan Siang Sun:** Tuan Yang di-Pertua, perasaan malu ini tentulah menjadi sebab kalau ada pembawa AIDS atau kalau ada orang yang mengidap AIDS itu sendiri tidak tampil ke hadapan untuk melapor kepada pihak berkuasa kesihatan. Tetapi kita, apa yang saya katakan tadi melalui maklumat dan juga penerangan oleh badan-badan dan agensi-agensi Kerajaan kita berharap ini sedikit sebanyaklah dapat mengadakan satu cara memberikan galakan mereka tampil ke hadapan untuk memaklumkan penyakit mereka.

Tetapi satu hakikat yang kita mesti menginsafi bahawa di negara sebelah timur seperti negara kita ini oleh kerana adat resam kita pun satu masalah juga. Oleh kerana apabila seseorang datang untuk memberitahu dia ialah seorang pengidap AIDS barangkali bukan dia sendiri sahaja tetapi keluarga dia atau culai-culai dia (*Ketawa*) semua barangkali pun rasa dia pun seorang luar daripada masyarakat. Jadi ini pun satu hal atau satu hakikat yang kita mesti ambil kira.

Walau bagaimanapun, kita berharap melalui apa yang kita telah buat setakat hari ini dan juga ringkasnya melalui mass media kita berharaplah jikalau ada pembawa atau merasa dia sendiri sudah ada mengidap AIDS, haraplah mereka tampil ke hadapan untuk mendapatkan rawatan dengan secepat mungkin.

Saya suka juga memaklumkan bahawa ada satu petikan di sini yang saya fikir sangat berguna dan ini ialah satu petikan daripada WHO (World Health Organisation) atau Pertubuhan Kesihatan Sedunia. Ini adalah the latest, "stop press", dengan izin:

"A global problem of this magnitude demands a global response," added Dr Mane".

Dia Ketua Pengarah menjaga program khas untuk AIDS di WHO.

Selanjutnya:

"The spread of HIV can be stopped even though a vaccine is not yet available. People must be informed and educated about how their own actions can stop AIDS because individual action is the key to AIDS prevention."

Selanjutnya:

"Learn about AIDS. Contact your local health centre or Health Ministry for more information".

Kita ada macam-macam risalah-risalah penyakit dalam banyak bahasa.

"By protecting yourself against infection you will also be protecting others and you will be contributing your part to stopping the AIDS epidemic".

Dengan izin, this in a nutshell sums up what we have to do to fight AIDS. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato\* Mohamed Amin bin Haji Daud):** Bolehlah satu lagi soalan. (*Ketawa*) Ramai lagi dapat tahu.

**Dato' Zainal Abidin bin Zin:** Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik hati dengan jawapan daripada Yang Berhormat Menteri mengenai jangkitan penyakit AIDS ini kepada "culai-culai".

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud):** Apakah dia "culai-culai" itu?

**Dato' Zainal Abidin bin Zin:** Saya pun tidak tahu. (*Ketawa*) Adakah yang "culai-culai" ini dia kena AIDS ataupun yang tidak ada "culai-culai" tidak kena AIDS? Yang keduanya, apakah penyakit AIDS ini akan menjadl satu penyakit turun-temurun apabila seorang ibu sudah terkena AIDS dan apabila ibu ini akan menyusu anaknya nanti adakah kemungkinan pemindahan susu kepada anak ini tidak terjadi, tidak ada kaitan ataupun tidak berjangkit penyakit ini seperti pemindahan darah yang dibuat oleh nyamuk? Dan yang kedua, sekiranya kita sudah melebihi.....

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato Mohamed Amin bin Haji Daud):** Bukan soalan kedua, itu yang ketiga.

**Dato' Zainal Abidin bin Zin:** Yang ketiga. Bolehkah soalan yang ketiga?

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato Mohamed Amin bin Haji Daud):** Tidak boleh. (*Ketawa*) Sudah lebih.

**Dato\* Zainal Abidin bin Zin:** Saya tidak buat soalan yang ketiga, saya sambungkan soalan yang kedua tadi. (*Ketawa*) Bolehkah, Tuan Yang di-Pertua?

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato Mohamed Amin bin Haji Daud):** Bolehlah. (*Ketawa*)

**Dato' Zainal Abidin bin Zin:** Jadi, bagaimana kalau kita sudah ketahui bahawa ibu ini sudah terkena AIDS supaya anaknya yang dalam kandungan ini tidak mendapat penyakit AIDS.

**Dato' Chan Siang Sun:** Tiga soalan tambahan. Satu culai-culai, saya maksud di sini ialah cutai-culai yang berasa sangat simpati kepada penyakit itu jikalau dia mengidap.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud):** Ini dia hendak tahu apa makna culai-culai itu Yang Berhormat.

**Dato' Chan Siang Sun:** Apakah itu?

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud):** Makna. Apa maksud culai-culai ini?

**Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:** Tuan Yang di-Pertua, mungkin....

**Dato' Chan Siang Sun:** Culai-culai dia punya relatives. (*Ketawa*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud):** Saudara-mara.

**Dato' Chan Siang Sun:** Saudara-mara, maaflah.

**Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:** Jiran-jiran.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud):** Nanti Yang Berhormat.

**Dato' Chan Siang Sun:** Mahu buat soalan tambahan?

**Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:** Mungkin jiran-jiran.

**Dato' Chan Siang Sun:** Bukan, culai-culai bagus! (*Ketawa*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud):** Teruskan Yang Berhormat.

**Dato' Chan Siang Sun:** Kedua, ibu yang menyusu anak bolehkah transfer penyakit AIDS, ini dari segi perubatan, saya fikir setakat hari ini kita belum adakan satu faktor di mana ibu menyusu anak boleh jangkitkan anak. Tetapi jikalau ibu itu mengandung, anak itu kalau melahirkan ada kemungkinan besar anak itu boleh menjangkiti dengan AIDS oleh kerana AIDS ini ditransfer melalui darah. Jikalau tidak ada

berdarah, barangkali tidak ada kemungkinan boleh mengidap ataupun transfer penyakit AIDS itu kepada anak itu.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud):** Tiga soalan tadi. Satu lagi.

**Dato' Chan Siang Sun:** Yang ketiga apakah itu, saya pun lupa. Bukan, tadi tiga kepada dua. (*Ketawa*)

**Dato' Zainal Abidin bin Zin:** Boleh pakailah. (*Ketawa*)

#### AKTA KUALITI ALAM SEKELILING—AKTIYITI DI BAWAHNYA

**6. Tuan Sim Kwang Yang** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan bilakah dan berapakah aktiviti ekonomi telah dijadikan "prescribed activities" di bawah pindaan baru kepada Environment Quality Control Act, dan berapakah projek telah mengemukakan ETA (Environment Impact Assessment) kepada Kementerianya dan adakah DOE (Department of Environment) mempunyai kakitangan, pakaran dan kelengkapan yang sesuai untuk menguatkuasakan pindaan tersebut itu.

**Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Datuk Amar Stephen Yong Kuet Tze):** Tuan Yang di-Pertua, aktiviti-aktiviti yang telah ditetapkan di bawah Seksyen 34A, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 meliputi 19 kategori aktiviti seperti berikut:

- (i) pertanian.
- (ii) lapangan terbang.
- (iii) saluran dan pengairan.
- (iv) tebusguna tanah.
- (v) perikanan.
- (vi) perhutanan.
- (vii) perumahan.
- (viii) industri.
- (ix) infrastruktur.

- (x) pelabuhan.
- (xi) perlombongan.
- (xii) petroleum.
- (xiii) penjanaan dan pemancaran kuasa.
- (xiv) kuari.
- (xv) keretapi.
- (xvi) pengangkutan.
- (xvii) pemajuan rekreasi dan peranganin.
- (xviii) pengolahan dan pelupusan buangan.
- (xix) bekalan air.

Perintah untuk menetapkan aktiviti-aktiviti yang tersebut telah pun diwartakan dalam Warta Kerajaan pada 5hb November ini.

Mengenai soalan kedua, sejak pindaan kepada Akta, sebanyak enam laporan EIA telah diulangkaji dan diluluskan, manakala dua lagi sedang disemak. Untuk melaksana dan menguatkuasakan pindaan kepada Akta, iaitu keperluan mengenai penilaian kesan-kesan ke atas alam sekitar, Jabatan Alam Sekitar rncadang untuk menggunakan kakitangan yang sedia ada dan ini adalah dianggap mencukupi buat sementara waktu. Walau bagaimanapun, Jabatan Alam Sekitar perlu mempunyai kakitangan tambahan dan kepakaran yang sesuai pada tahun-tahun akan datang selaras dengan tambahan beban kerja yang dijangkakan.

**Tuan Sim Kwang Yang:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan mengenai penguatkuasaan Akta Kualiti Alam Sekeliling. Akta ini pun sudah memberi peruntukan supaya pihak yang bersalah, pihak yang menjalankan projek tanpa mengemukakan EIA (Environmental Impact Assessment), dengan izin, supaya pihak yang bersalah diheret ke mahkamah dengan denda maksima \$10,000 sehari dan soalan saya ialah apakah tindakan akan diambil oleh pihak Kementerian Sains, Teknologi

dan Alam Sekitar jikalau pihak yang bersalah bukan pihak swasta, tetapi pihak Kerajaan sendiri. Contohnya, sekiranya LLN membina sebuah ampangan hidro elektrik tanpa mengemukakan EIA ini, adakah Yang Berhormat Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar akan menghadapkan Yang Berhormat Menteri Tenaga, Telekom dan Pos kepada mahkamah supaya menghukum dia supaya dia membayar hukuman itu sebanyak \$10,000 sehari? Adakah ini demikian ataupun macam mana boleh Akta ini dikuatkuasakan?

**Datuk Amar Stephen Yong Kuet Tze:** Tuan Yang di-Pertua, soalan ini saya rasa spekulasi. Dasar Kerajaan ialah "Kepimpinan Melalui Teladan". Ini tidak mungkin.

**Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:** Tuan Yang di-Pertua, dalam senarai yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri tadi memasukkan keseluruhan aspek-aspek alam sekitar, termasuk secara samar-samar, hakisan. Jadi, bagaimanakah dapat didiferensiasikan, diperbezakan antara kesan hakisan oleh manusia hingga dapat diambil tindakan terhadapnya dan juga kesan alam semulajadi sendiri? Saya mengemukakan ini kerana kawasan saya, Simunjan, terlibat dari kesan hakisan begitu teruk sepanjang zaman dan tidak pernah diperbaiki, kerana dikatakan bahawa faktor semulajadi menyebabkan keadaan ini berlaku.

**Datuk Amar Stephen Yong Kuet Tze:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak berapa faham soalan itu.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud):** Samar-samar, saya pun begitu juga, samar-samar (*Ketawa*). Yang Berhormat faham?

**Datuk Amar Stephen Yong Kuet Tze:** Ya. Tetapi bolehkah saya beri sedikit

sebanyak penjelasan kepada prosedur itu?

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud):** Sila.

**Datuk Amar Stephen Yong Kuet Tze:** Laporan-laporan EIA sebaik sahaja diterima oleh Ketua Pengarah Alam Sekitar dirujuk kepada satu panel iaitu Panel Pengulas yang dianggotai oleh ahli-ahli yang mempunyai kepakaran yang ada berhubung kait dengan jenis projek. Panel Pengulas akan mengkaji semula laporan tersebut dan mengemukakan ulasan dan syor kepada Ketua Pengarah Alam Sekitar yang akan mengemukakannya kepada pihak berkuasa yang meluluskan projek. Tujuan EIA ini ialah untuk mengkaji masalah kemungkinan kesan-kesan kepada alam sekeliling dan kesan-kesan buruk kepada penduduk di sekitar industri yang berkenaan.

#### SKIM INSURANS ISLAM

**7. Tiian Abdul Manaf bin Haji Ahmad** minta Menteri Kewangan menyatakan adakah Kerajaan bercadang hendak menyemak dan mengemaskini Akta Insurans dengan mengambil kira Skim Insurans Islam yang memberi faedah dan perlindungan adil bagi kedua-dua pihak. Jikalau tidak, mengapa.

**Tuan Loke Yuen Yow:** Tuan Yang di-Pertua, pihak Kerajaan tidak bercadang untuk menyemak dan mengemaskinikan Akta Insurans dengan mengambil kira Skim Insurans Islam kerana Kerajaan telah pun mewujudkan sebuah Akta lain iaitu Akta Takaful, 1984 yang memperuntukkan perniagaan insurans mengikut lunas-lunas Islam.

#### JAMBATAN PULAU PINANG—HUTANG

**8. Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad** minta Menteri Kerjaraya menyatakan benarkah hutang Jambatan Pulau Pinang hanya akan selesai dibayar dalam masa 80 tahun.

Kalau tidak benar, berapa lamakah ia hendak diselesaikan. Sebutkan jumlah pinjaman kadar bunga dan jumlah bayaran semua yang dianggarkan.

**Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed):** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab bagi pihak Menteri Kerjaraya.

Tuan Yang di-Pertua, menurut perhitungan, hutang Jambatan Pulau Pinang dah sumber komersial dijangka boleh diselesaikan dalam tempoh masa 71 tahun. Jumlah kos pembinaan Jambatan Pulau Pinang adalah sebanyak \$850.0 juta. Jumlah pinjaman dari bank-bank komersial yang telah dibuat oleh Lembaga Lebuhraya Malaysia ialah sebanyak \$706.35 juta yang mana merupakan lebih kurang 83.1% daripada jumlah kos projek. Bakinya adalah dibiayai oleh Kerajaan Persekutuan. Kadar faedah yang dikenakan terhadap pinjaman bank-bank komersial tersebut ialah sebanyak 10% setahun dengan tempoh bayaran balik selama 10 tahun yang berjumlah lebih kurang \$565.08 juta. Tempoh pertanggunghan, ataupun dengan izin, grace period, bagi bayaran balik pinjaman pokok ialah selama 5 tahun. Oleh itu jumlah bayaran semua, iaitu bayaran balik pinjaman pokok dan faedah, adalah dianggarkan sebanyak \$1.27 bilion.

Pada masa ini jumlah hasil pungutan tol Jambatan Pulau Pinang ialah berjumlah lebih kurang \$17.9 juta setahun, setelah ditolak kos-kos operasi. Sekiranya berdasarkan kepada hasil yang diperolehi tersebut, maka jumlah keseluruhan pinjaman pokok dan faedah yang berjumlah \$1.27 bilion itu hanya akan dapat diselesaikan dalam tempoh 71 tahun.

#### KEPAHAMAN TERHADAP PERLEMBAGAAN NEGARA/NEGERI

**9. Tuan Haji Ghazali bin Ahmad** minta Menteri Penerangan menyatakan

apakah usaha-usaha Kementerian untuk memahami rakyat berhubung dengan Perlembagaan Negara dan Perlembagaan Negeri menerusi semua media massa.

**Menteri Penerangan (Dato' Mohamed bin Rahmat):** Tuan Yang di-Pertua, RTM melalui radio dan televisyen menyiarkan berbagai-bagai rancangan untuk meningkatkan kesedaran dan pemahaman orang ramai terhadap Perlembagaan negara dan Perlembagaan Negeri.

Di samping itu, Jabatan Penerangan juga mengadakan berbagai kursus dan aktiviti-aktiviti seperti Perhimpunan Sivik untuk memahamkan kepada orang awam mengenai Perlembagaan Negara dan Perlembagaan Negeri.

Tentang media massa yang lain, semua telah dan akan terus diminta untuk memberikan kerjasama supaya penerangan-penerangan kepada rakyat berhubung dengan Perlembagaan Negara dan Negeri dapat ditingkatkan lagi. Ini adalah penting untuk membina sebuah negara dan rakyat yang bersatu-padu, yang setia kepada Raja dan pemimpin-pemimpin dan maju dari segi pemikiran mereka untuk pembangunan negara.

**Tuan Mutang Tagal:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu daripada Menteri Penerangan apakah aspek-aspek Perlembagaan Negara dan Perlembagaan Negeri yang diutamakan dalam usaha untuk memberitahu rakyat jelata mengenai dengan Perlembagaan tersebut?

**Dato' Mohamed bin Rahmat:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya daripada semua aspek Perlembagaan itu yang diberitahu.

**Dato' Zainal Abidin bin Zin:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membuat soalan tambahan. Saya rasa semua rakyat mengetahui Kementerian Penerangan telah menjalankan

tanggungjawab yang bersungguh-sungguh untuk memberi kefahaman kepada rakyat tentang kandungan Perlembagaan dan.....

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud):** Ada soalkah, Yang Berhormat?

**Dato' Zainal Abidin bin Zin:** Ada (*Ketawa*). Ada, bukan tidak ada soalan. Saya terlupa yang Kesetiaan kepada Raja, Kedaulatan undang-undang, Oh! Rukunegara,

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud):** Rukunegara! (*Ketawa*).

**Dato' Zainal Abidin bin Zin:** Perlembagaan dan Rukunegara ini, tetapi hari ini masih terdapat rakyat yang mempersoalkan tentang isi kandungan Perlembagaan yang telah kita terima dalam tahun 1957 dan mempersoalkan juga kedudukan Raja-raja di dalam Perlembagaan pada hari ini. Apakah Kementerian ini bercadang untuk menerapkan ataupun memberi penerangan lebih meluas bukan sahaja kepada golongan Melayu, golongan bukan Melayu tetapi kepada orang-orang yang baru sampai, yang tinggal di dalam negara ini?

**Dato' Mohamed bin Rahmat:** Tuan Yang di-Pertua, masalah kita ini semuanya rambut hitam tetapi hati lain-lain, tetapi dari segi masalah negara kita ada Perlembagaan kita, ada Rukunegara kita dan sebagai rakyat yang sudah menyatakan taat-setianya kepada negara dan akan berkorban untuk negara, saya fikir mereka tidak boleh lari dari hakikat bahawa mereka perlu menghormati baik Pertembagaan ataupun Rukunegara dan lebih penting lagi ialah mengamalkan segala kandungan yang ada pada Perlembagaan dan yang ada pada Rukunegara itu.

Selain daripada itu dalam masalah membina satu masyarakat yang benar-benar cinta dan setia kepada negara, ia

bukan merupakan satu masalah yang mudah malahan ia memerlukan tindakan yang lebih berkesan daripada semasa ke semasa dan ini akan terus dilakukan dan malahan bukan Kementerian ini sahaja yang menjalankan usaha ini, saya fikir Kementerian-kementerian lain, terutamanya Kementerian Pendidikan dan juga badan-badan, baik badan-badan politik mahupun badan-badan sosial di dalam masyarakat harus juga bekerjasama untuk membolehkan rakyat benar-benar faham dan mengamalkan sebarang kandungan yang ada pada Perlembagaan dan Rukunegara itu. Dan usaha ini, Kerajaan akan terus laksanakan supaya perasaan hormat dan taat dan mengamalkan segala sesuatu yang ada pada Perlembagaan dan Rukunegara itu dapat dilaksanakan dengan baik agar kita dapat membina suatu masyarakat yang benar-benar bersatu-padu, yang maju serta aman damai.

### PERSATUAN PARLIMEN KOMANWEL (CPA) FAEDAH

**10. Tuan Thomas Salang Siden** minta Perdana Menteri menyatakan apakah faedah Malaysia daripada Kesatuan Parlimen Komanwel dari segi pertahanan, pendidikan dan perdagangan?

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Kasitah bin Gaddam):** Tuan Yang di-Pertua, Persatuan Parlimen Komanwel (Commonwealth Parliamentary Association) merupakan sebuah badan untuk Ahli-ahli Parlimen Komanwel.

Antara matlamat Persatuan ini ialah mengadakan perbincangan dan pertukaran pendapat di antara ahli-ahli Parlimen Komanwel melalui Persidangan Tahunan, Seminar Serantau dan forum-forum untuk memupukan persefahaman dan kerjasama antara negara-negara

Komanwel. Tajuk-tajuk yang dibincangkan termasuklah perkara-perkara yang berkaitan dengan pertahanan, pendidikan dan perundangan. Menerusi interaksi semasa Persidangan tersebut, negara-negara peserta termasuk negara kita telah dapat mengutarakan pandangan dan pendirian negara masing-masing terhadap isu-isu semasa dan juga telah dapat memahami hasrat dan pandangan negara Komanwel yang lain. Oleh hal yang demikian, Malaysia telah banyak menemui faedah melalui keahliannya dalam Persatuan Parlimen Komanwel.

**Dato' Haji Mohammad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi, Persatuan Parlimen Komanwel ini mengadakan persidangan-persidangan tahunannya dan setengah-setengah negara telah pun dipilih menjadi tuan rumah kepada persidangan-persidangan tahunan ini. Malaysia telah pun bernasib baik menjadi tuan rumah, kalau tidak silap saya sudah pun tiga kali menjadi tuan rumah Persidangan Tahunan Kesatuan ini. Kali yang terakhir kita menjadi tuan rumah ialah pada tahun mi yang kita telah adakan baru-baru ini di Kuala Lumpur.

Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, adakah Kerajaan memandang berat persidangan yang kita adakan di Kuala Lumpur itu telah pun memberi faedah kepada negara kita dan apakah faedah-faedah yang khusus yang dapat Yang Berhormat sebutkan di dalam Dewan yang mulia ini.

**Tuan Kasitah bin Gaddam:** Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang saya telah terangkan tadi, bahawa Persatuan Komanwel ini adalah merupakan persatuan untuk ahli-ahlinya sahaja, bukanlah merupakan persatuan untuk negara. Suka saya memberitahu bahawa Persidangan

yang telah diadakan di Kuala Lumpur baru-baru ini telah mendatangkan banyak hasil kepada negara bukan sahaja dah segi negara kita ini telah dapat "dijual" dari segi pelancongannya, tetapi ahli-ahli yang telah datang ke negara kita ini untuk menghadiri mesyuarat tersebut telah dapat melihat keadaan negara kita yang sebenar. Mereka ini telah pun dihantar ke beberapa tempat seperti Penang, Sarawak, Sabah dan juga beberapa tempat di Semenanjung Malaysia. Dari segi interaksi di antara ahli-ahli yang datang dan juga kepada ahli-ahli kita yang ada di Malaysia ini telah banyak pendapat-pendapat yang telah ditukar di antara satu sama lain. Dari interaksi itu, maka banyaklah pendapat-pendapat dan cadangan-cadangan yang telah diutarakan di antara satu sama lain. Dari segi itu bagi pihak Kerajaan, saya rasa ianya telah memberikan banyak manfaat kepada negara dan juga khususnya kepada Ahli-ahli Parlimen kita yang telah mengambil bahagian dalam Persidangan baru-baru ini.

### HOSPITAL SWASTA—IKLAN

**11. Dr Chen Man Hin** minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada Kementeriannya telah bersetuju membenarkan hospital swasta menjalankan kegiatan iklan dan sama ada beliau sedar langkah ini boleh melanggar Kod Etika Perubatan dan menimbulkan perselisihan dalam bidang perubatan.

**Dato' Chan Siang Sun:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini di bawah Akta Ubat (Iklan dan Penjualan) 1956 (Disemak 1983), tiada seorang pun boleh mengambil bahagian dalam penyiaran apa-apa iklan yang merujuk kepada apa-apa kemahiran atau perkhidmatan yang berhubung dengan rawatan perubatan. Walau bagaimanapun, badan-badan profesional yang berhubung dengan

profesion perubatan boleh menyiarkan iklan-iklan ini dengan kebenaran khas daripada Menteri Kesihatan.

Saya ingin juga menerangkan bahawa Majlis Perubatan Malaysia sedang menyediakan satu garis-panduan am untuk membolehkan hospital-hospital swasta memberitahu orang ramai tentang kemudahan-kemudahan dan perkhidmatan-perkhidmatan yang diberi. Garis-panduan ini adalah untuk menentukan yang ianya bersesuaian dengan Kod Etika Perubatan. Selain daripada itu, tindakan sedang juga diambil untuk mengkaji dan jika perlu meminda peruntukan-peruntukan di bawah Akta yang saya sebutkan tadi supaya orang ramai boleh diberitahu tentang kemudahan-kemudahan ataupun perkhidmatan-perkhidmatan yang diberi oleh satu-satu hospital swasta. Sehingga kerja-kerja ini diselesaikan, peruntukan Akta yang saya sebutkan tadi masih berkuatkuasa.

**Dr Chen Man Hin:** Tuan Speaker, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Menteri sedar di kalangan doktor-doktor perubatan ramai orang berkhuatir berkenaan hal iklan untuk hospital-hospital swasta oleh sebab mereka takut kalau ada pengiklanan oleh hospital swasta, ia boleh sampai kepada satu keadaan yang tidak berdisiplin dalam bidang kedokteran. Kesatuan-kesatuan Pengguna juga membantah pengiklanan hospital-hospital swasta ini oleh sebab akhirnya apa yang mereka belanjakan akan dibeban dan ditanggung oleh pengguna-pengguna (consumers) dan fees atau charges yang kena dibayar akan juga dinaikkan.

Oleh sebab itu, bolehkah Kerajaan atau pihak Kementerian jangan memberi kebenaran kepada hospital-hospital swasta untuk pengiklanan?

**Dato' Chan Siang Sun:** Tuan Yang di-Pertua, seperti saya katakan tadi,

garispanduan ini adalah untuk menentukan yang ianya bersesuaian dengan Kod Etika Perubatan, Garispanduan ini tentulah akan meliputi perkara-perkara yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi. Walau bagaimanapun, kita juga mestilah mengakui bahawa pihak hospital-hospital swasta ini telah pun melaburkan beberapa banyak wang untuk melengkapi hospitalnya dengan kemudahan-kemudahan, dan mereka sudah pun membuat investment yang besar untuk hospital-hospital ini khasnya hospital-hospital swasta yang ada mempunyai "speciality" tersendiri.

Jadi, oleh sebab itulah kita merasakan dari segi keadilan sosial adalah wajar untuk mereka memberi tahu kepada umum bahawa mereka ada kemudahan-kemudahan dan juga perkhidmatan dan tentulah kita tidak membenarkan mereka menonjol-nonjolkan kepakaran. Itu barangkali sangat penting. Katau dikatakan dalam hospital saya ada specialist yang baik sekali dalam dunia dan sebagainya, ini tentulah kita tidak membenarkan mereka membuat pengiklanan seperti itu, tetapi dah segi kemudahan, dari segi perkhidmatan atau consultation barangkali dalam gahs panduan ini kita benarkan. Saya berharap Ahli Yang Berhormat boleh mengambil perhatian atas perkara ini dan tentulah MMC (Majlis Perubatan Malaysia) setahu saya ahli-ahlinya pun ada dari pihak swasta, jadi mereka tentulah dapat memberikan pandangan mereka supaya garis panduan ini tentulah boleh menjaga semua pihak.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat Dato' Zainal Abidin bin Johari.

*(Soalan No, 12 Y, B. Dato' Zainal Abidin bin Johari tidak hadir).*

## PROJEK SABAH FOREST INDUSTRIES

**13. Tuan Fung Ket Wing** minta Menteri Kewangan menyatakan apakah peranan yang dimainkan oleh Kerajaan Persekutuan dalam projek Sabah Porest Industry (SFI) di Sipitang dan sama ada Kerajaan Persekutuan bertindak sebagai penjamin bagi sebarang pinjaman SFI dan jika benar, bagaimanakah kedudukan syarikat ini pada masa ini dan juga menyatakan sama ada projek itu mampu berdikari.

**Tuan Loke Yuen Yow:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek Sabah Forest Industry ini adalah projek Kerajaan Negeri Sabah sendiri dan pinjaman-pinjaman syarikat ini dijamin oleh Kerajaan Negeri Sabah. Walau bagaimanapun, oleh kerana projek SFI adalah satu projek yang besar dan penting dari segi kegunaan sumber asli negara kita ini, Kerajaan Persekutuan mengikut kemajuan projek ini dengan penuh minat. Tiga orang wakil Kerajaan Persekutuan telah dilantik bagi mewakilinya dalam Lembaga Pengarah SFI.

Projek SFI ini dijangka akan memulakan operasi komersial pada akhir tahun 1987. Mengikut kajian yang dibuat oleh pakar-pakar, projek ini mampu berdikari.

**Tuan Nasruddin bin Alang Saidin:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya difahamkan bahawa Pengerusi SFI ini adalah terdiri daripada Ketua Setiausaha Kementerian Kewangan dan saya ingin tahu siapakah pengerusinya sekarang?

**Tuan Loke Yuen Yow:** Minta maaf, Tuan Yang di-Pertua, saya tidak dengar, kuat sedikit.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud):** Tidak dengar, kuat sedikit.

**Tuan Nasruddin bin Alang Saidin:** Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan bahawa pengerusi ini secara automatik adalah diduduki oleh Ketua Setiausaha Kementerian Kewangan dan sekarang ini siapakah pengerusinya. Jika sekiranya betul kenyataan saya yang pertama tadi, bilakah perubahan Pengerusi akan dilakukan?

**Tuan Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua,** saya difahamkan bahawa Pengerusi Lembaga ini pada masa sekarang ini masih bekas KSP iaitu Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Tan Sri Thong dan saya tidak berapa pasti bilakah Pengerusi ini akan diubah.

#### RANCANGAN KAMPUNG ANGKAT

**14. Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan** minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan kalau dulu-dulunya terkenal dengan nama projek anak angkat, sekarang diperkenalkan pula dengan Kampung Angkat apakah projek-projek yang sesuai bagi memenuhi kampung angkat ini dan bagaimanakah caranya yang sebenar dan adakah satu-satu cadangan bagi memajukan kampung lama bagi mendapat kemajuan kampung.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Tuan Mohamed bin Jamrah):** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar tidak ada menjalankan rancangan kampung angkat. Untuk membangunkan kampung-kampung lama ataupun kampung-kampung tradisional sebenarnya hendaklah bermula dari usaha penduduk itu sendiri. Kerajaan pada masa ini telah menggalakkan penduduk luar bandar supaya mengusahakan sama ada tanah-tanah yang telah terbiar sekian lama. Di

samping itu, Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar pula boleh membantu penduduk-penduduk di luar bandar dalam kegiatan pembangunan industri kampung bagi menambahkan pendapatan penduduk-penduduk. Bagi kampung-kampung yang masih belum mempunyai kemudahan-kemudahan asas yang sempurna seperti bekalan elektrik, bekalan air ataupun jalan-jalan kampung, Kerajaan dari masa ke semasa akan mengadakan kemudahan-kemudahan asas ini mengikut kemampuan.

Walau bagaimanapun, untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar telah menjalankan program "Halacara Baru" yang memberikan penumpuan pembangunan kepada Kampung-kampung Tradisional.

Pada masa ini terdapat sebanyak 25 projek perintis di seluruh negara yang telah dipilih oleh Kerajaan-kerajaan Negeri.

Tujuan utama projek Halacara Baru ini adalah untuk meningkatkan pendapatan dalam usaha Kerajaan untuk membasmi kemiskinan penduduk-penduduk di luar bandar. Halacara Baru ini melibatkan tiga aspek penting iaitu:

- (i) Kemajuan pertanian dengan mengadakan cara pengurusan perladangan bagi kebun-kebun kecil dan bendang-bendang.
- (ii) Pengwujudan industri kampung dan perusahaan kecil atau lain-lain kegiatan ekonomi bukan pertanian.
- (iii) Pengelompokan dan penyusunan semula kampung-kampung secara teratur untuk membabitkan pusat-pusat pertumbuhan baru.

Tiap-tiap kampung di kawasan luar bandar akan diberi perhatian yang

saksama oleh Kerajaan tetapi Kerajaan hanya boleh membantu sekadar kemampuannya sahaja. Yang penting ialah penduduk-penduduk itu sendiri hendaklah menanamkan semangat bekerja kuat dan berusaha untuk memajukan kampung-kampung mereka.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud):** Masa sudah cukup.

*(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 1, 12 dan 15 hingga 29 adalah diberi di bawah ini)*

## PROJEK HIDRO HULU TERENGGANU

**1. Tuan Zubir bin Embong** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan justifikasi LLN untuk mengadakan satu lagi empangan di Terengganu yang diumumkan semasa ditandatangani pembayaran pampasan kepada Kerajaan Negeri Terengganu dan berapakah anggaran belanja dan apakah LLN telah mengambilkira kesemua faktor seperti ekologi dan alam sekitar sebelum melaksanakan projek tersebut dan berapakah jumlah anggaran pampasan yang akan dibayar kepada Kerajaan Negeri Terengganu jika ianya dilaksanakan dan mengapakah di Terengganu yang menjadi tumpuan untuk mengujudkan empangan seperti itu dan ttdak di negeri-negeri lain di Malaysia.

**Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Datuk Leo Moggie anak Irok):** Cadangan pembangunan projek-projek tenaga hidro seperti juga pembangunan tenaga dari punca-punca yang lain bukan sahaja dinilai daya majunya semata-mata dari segi teknikal dan ekonomi tetapi juga dari segi impak projek cadangan tersebut ke atas ekologi dan alam sekitar kawasan yang terlibat. Dalam hal cadangan projek hidro Hulu

Terengganu LLN masih sedang menjalankan kajian yang teliti dan mendalam ke atas daya majunya walaupun kajian-kajian awal menunjukkan bahawa projek ini adalah sesuai dari segi teknikal dan ekonomi dan kesan-kesan ke atas alam sekitar tidaklah begitu membimbangkan. Ingin dinyatakan di sini bahawa rundingan-rundingan sewajarnya dengan pihak Kerajaan Negeri Terengganu akan diadakan mengenai pelaksanaan projek ini sebelum keputusan muktamad dibuat oleh Kerajaan Persekutuan.

Kos projek yang dicadangkan itu dianggarkan berjumlah \$450 juta termasuk juga faedah dalam tempoh pembinaan. Menyentuh tentang pembayaran pampasan kepada Kerajaan Negeri Terengganu, perkara tersebut akan dirundingkan kelak di antara pihak LLN dengan Kerajaan Negeri Terengganu sekiranya keputusan dibuat untuk melaksanakan projek Hulu Terengganu.

Pemilihan tempat pembangunan sesebuah projek hidro itu adalah bergantung ke atas kesesuaian tempat tersebut dari segi teknikal, ekonomi, ekologi, alam sekitar dan sebagainya. Daripada beberapa kajian kemungkinan yang dibuat ke atas tapak-tapak potensi pembangunan hidro di Semenanjung Malaysia, kawasan Hulu Terengganu di dapati paling sesuai untuk membangunkan projek hidro elektrik.

## DASAR KEBUDAYAAN KEBANGSAAN

**12. Dato' Zainol Abidin bin Johari** minta Menteri Kebudayaan dan Pelancongan menyatakan sama ada sudah ada Dasar Kebudayaan dan Pelancongan Negara setelah 30 tahun merdeka dan katau ada sila nyatakan, kalau tidak ada bila hendak diadakan.

**Menteri Kebudayaan dan Pelancongan (Datuk Haji Sabbaruddin Chik):** Dasar Kebudayaan Kebangsaan telah digubal dalam tahun 1971 iaitu kira-kira 14 tahun selepas negara mencapai kemerdekaan, membuktikan bahawa memang ada usaha untuk menuju ke arah pembentukan budaya bangsa Malaysia seperti ternyata di dalam Perlembagaan Negara. Perkara-perkara yang berhubung dengan nilai imperatif seperti kedudukan bahasa kebangsaan, institusi beraja sebagai warisan sejarah dan budaya dan nilai-nilai yang boteh diambil dari agama rasmi merupakan ciri penting kebudayaan kebangsaan. Simbol kebangsaan dipupuk tanpa menjejaskan hal dan kebebasan rakyat dalam mengamalkan adat resam atau tradisi budaya suku kaum masing-masing. Pada masa yang sama budaya suku kaum juga berkembang atau boleh membantu di mana mungkin usaha membangunkan kebudayaan kebangsaan baik dari segi unsur-unsur linguistik, sastera, pakaian dan perhiasan, nilai dan norma sebagainya. Kerajaan tidak bercadang untuk menggubal dasar Kebangsaan yang baru kerana dasar yang ada telah cukup mengambilkira realiti masyarakat, sejarah dan ilmu alam dan lain-lain pengalaman negara sejak beberapa lama.

Setakat ini Kementerian belum lagi mempunyai dasar pelancongan negara yang jelas walau bagaimanapun kita mempunyai prinsip dan strategi tertentu dalam memastikan pelancongan negara sendiri berkembang maju. Prinsip yang kita pakai ialah:

- (a) membangun sebuah industri pelancongan yang sihat, menarik dan sesuai kehendak pelancong.
- (b) memasarkan negara ini sebagai sebuah destinasi pelancong yang terkemuka di rantau di sebelah sini.

Di samping itu Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan di masa sekarang sedang mengkaji sebagai langkah permulaan untuk mengadakan Pelan Induk Pelancongan Negara bagi memajukan industri pelancongan ke arah mencapai matlamat pembangunan ekonomi negara terutamanya dalam menambahkan pendapatan pertukaran wang asing. Dalam usaha ini pihak Kementerian telah mendapat kerjasama dari agensi kerjasama antarabangsa Jepun "Japan International Co-operation agency" bagi mengumpulkan segala sumber dan kemudahan dari segi pelancongan yang terdapat di negara ini.

#### **KEMAJUAN PENDUDUK LUAR BANDAR**

**15. Tuan Haji Wan Omar bin Wan Majid** minta Perdana Menteri menyatakan sesudah 30 tahun Merdeka, apakah sebenarnya kemajuan yang telah dicapai oleh penduduk luar bandar berbanding dengan penduduk bandar di dalam semua bidang. Apakah ianya telah menetapi dengan hasrat Kerajaan.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman):** Semenjak negara mencapai kemerdekaan, memang telah banyak kejayaan yang dicapai dalam usaha Kerajaan untuk meningkatkan taraf dan kualiti hidup semua rakyat, sama ada di bandar atau luar bandar. Berbanding dengan keadaan sebelum merdeka, taraf hidup rakyat masa kini, khasnya bagi penduduk luar bandar, tiada syak lagi adalah jauh lebih baik dan selesa.

Kejayaan ini dicapai melalui berbagai program yang dilaksanakan oleh Kerajaan. Di antara program yang dilaksanakan termasuklah penyediaan kemudahan asas dan infrastruktur (seperti bekalan air, elektrik dan jalanraya), program perumahan

awam, perkhidmatan kesihatan, sekolah-sekolah serta penyediaan peluang-peluang pekerjaan dan memperkembangkan kegiatan ekonomi baik di bidang pertanian mahupun perniagaan.

Dalam bidang ekonomi pula, berkat usaha yang dijalankan oleh Kerajaan melalui berbagai program, ekonomi penduduk luar bandar telah bertambah baik. Pendapatan purata penduduk luar bandar telah meningkat daripada \$200.00 sebulan pada tahun 1970 kepada \$824.00 sebulan pada tahun 1984. Walaupun pendapatan purata penduduk luar bandar adalah lebih rendah daripada penduduk bandar, tetapi peningkatan pendapatan bagi penduduk luar bandar bagi tempoh 1970-1984 adalah lebih tinggi iaitu pada kadar pertumbuhan purata sebanyak 10.6 peratus setahun berbanding dengan 9.6 peratus bagi penduduk bandar. Kadar kemiskinan di luar bandar telah berkurang daripada 58.7 peratus pada tahun 1970 kepada 24.7 peratus pada tahun 1984. Dalam tempoh yang sama, bilangan isi rumah miskin di luar bandar juga telah berkurangan daripada 705,900 kepada 402,000 iaitu pengurangan sebanyak 43 peratus, berbanding dengan 5.7 peratus sahaja di kawasan bandar.

Semua kumpulan miskin utama di luar bandar seperti pekebun kecil getah, penanam padi-nelayan, pekebun kecil kelapa dan petani-petani lain telah mengalami pengurangan kadar kemiskinan dalam tempoh 1970-1984. Sungguhpun kadar kemiskinan di luar bandar lebih tinggi daripada kawasan bandar, tetapi berdasarkan angka-angka di atas, ternyata pengurangan kadar kemiskinan di luar bandar adalah pesat daripada kawasan bandar.

Sungguhpun kita tidak mempunyai maklumat yang lengkap bagi tahun-tahun sebelum 1970, adalah tidak perlu diragui bahawa kedudukan sosio-ekonomi penduduk luar bandar telah

bertambah baik sejak tahun 1957 lagi seperti yang dinyatakan di dalam rancangan-rancangan lima tahun Malaysia yang terdahulu. Kerajaan akan sentiasa berusaha meningkatkan kedudukan sosio-ekonomi penduduk luar bandar supaya ianya setaraf dengan penduduk bandar dalam semua aspek kehidupan.

### SKIM PINJAMAN PERUMAHAN/KENDERAAN

**16, Dato Haji Kamaruzaman bin Haji Ahmad** minta Menteri Kewangan menyatakan bilangan pegawai-pegawai Kerajaan yang meminjam wang kerajaan untuk membeli rumah dan kenderaan dalam kategori A, B, C, dan D sehingga 31-12-1986 dan berapakah anggaran jumlah faedah yang diperolehi oleh Kerajaan apabila selesai hutang-hutang tersebut dibayar.

**Tuan Loke Yuen Yow:** Semenjak Skim Pinjaman Perumahan dilaksanakan dalam tahun 1970, sejumlah 187,608 pinjaman perumahan telah diluluskan sehingga akhir Disember 1986. Pembahagian pinjaman ini mengikut kakitangan kerajaan di dalam kategori A, B, C dan D adalah seperti berikut:

Jumlah Pinjaman Perumahan dari  
1970 hingga 1986 mengikut Kumpulan

Kumpulan	Bilangan Permohonan diterima hingga Disember 1986	%
A	24,340	13
B	14,538	8
C	101,319	54
D	47,411	25
JUMLAH	187,608	100

#### *Pinjaman Kenderaan*

Sehingga 31-12-1986 sejumlah 29,440 pinjaman telah dikeluarkan

kepada pegawai-pegawai Kerajaan. Pecahan pinjaman-pinjaman mengikut jenis kenderaan yang dibeli adalah seperti berikut:

<u>Kereta</u>	<u>Motosikal</u>	<u>Basikal</u>	<u>Jumlah</u>
20,730	6,762	1,948	29,440

Bagi pinjaman kereta, 95% daripada jumlah pinjaman yang dikeluarkan adalah untuk kumpulan A dan B manakala 5% daripadanya adalah untuk kumpulan C. Bagi pinjaman motosikal pula, 40% daripada peminjam adalah dari kumpulan C manakala 60% terdiri dari kumpulan D. Bagi pinjaman basikal, kebanyakannya adalah terdiri dari kumpulan D.

#### *Pinjaman Perumahan*

Anggaran jumlah faedah yang diperolehi oleh Kerajaan apabila hutang pinjaman perumahan diselesaikan ialah lebih kurang \$210 juta satu tahun. Bagaimanapun, tempoh yang sama kerajaan membayar subsidi faedah sebanyak \$315 juta.

#### *Pinjaman Kenderaan*

Anggaran jumlah faedah yang diperolehi oleh Kerajaan sehingga pinjaman-pinjaman yang ada itu selesai ialah \$32.1 juta (sehingga tahun 1991).

### PROJEK PERIKANAN USAHASAMA MALAYSIA— THAILAND

**17. Tuan Haji Hussein bin Haji Taib** minta Menteri Pertanian menyatakan setelah berjaya melancarkan Projek Bersama Penangkapan Ikan Tuna di laut dalam bersama Perdana Menteri Thailand di Kuantan baru-baru ini:

- (a) apakah Malaysia bercadang mengadakan rundingan dan projek bersama dengan Kerajaan-kerajaan Filipina dan

Indonesia bagi kawasan penangkapan ikan di laut dalam di kawasan perairan laut Sabah dan Sarawak;

- (b) apakah dengan pelancaran projek ini akan dapat mengatasi pencerobohan oleh nelayan-nelayan Thai terhadap kawasan perairan kita Malaysia khususnya di kawasan ZEE.

**20. Tuan Ngoi Thiam Woh** minta Menteri Pertanian menyatakan:

- (i) dengan cara manakah projek kerjasama penangkapan ikan di laut dalam di antara Malaysia dengan Negeri Thai dapat memunafatkan Malaysia;
- (ii) apa jaminan yang terdapat untuk menjamin pihak Thai menunaikan segala syarat-syarat yang terkandung dalam perjanjian projek kerjasama ini;
- (iii) mengapa hanya 10% saham saja yang diberi kepada Malaysia Off Shore Fishing Corporation Sdn Bhd syarikat milik NEKMAT; dan
- (iv) adakah syarikat-syarikat kepunyaan parti politik atau ahli-ahli politik yang memegang saham dalam syarikat K & I Industries; jika ya, beritahu nama mereka.

**24. Tuan Shahidan Kassim** minta Menteri Pertanian menyatakan sejauh manakah usahasama dengan pihak Thailand dalam perusahaan perikanan dalam yang dilancarkan oleh Perdana Menteri Malaysia dan laut Thailand baru-baru ini boleh mendatangkan faedah kepada nelayan-nelayan Malaysia. Apakah kemudahan-kemudahan jangka panjang yang disediakan kepada nelayan-nelayan negara ini dalam perusahaan tersebut.

**Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed):** Saya

mohon izin untuk menjawab soalan ini bersama dengan soalan No. 20 yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Kampar dan soalan No. 24 daripada Yang Berhormat dari Arau kerana ketiga-tiga soalan ini adalah mengenai perkara yang sama.

Saya fikir masih ramai lagi bukan sahaja Ahli-ahli Yang Berhormat tetapi masyarakat umum yang mempunyai anggapan yang salah terhadap projek kerjasama itu sebagai satu projek perikanan usahasama di antara Kerajaan-kerajaan Malaysia dan Thailand. Saya ingin mengambil kesempatan hari ini untuk menjelaskan bahawa projek perikanan yang dilancarkan itu bukanlah perusahaan usahasama perikanan tetapi adalah perusahaan kerjasama di mana terdapat pakatan di antara syarikat swasta tempatan dengan syarikat swasta dari Thailand di dalam bidang-bidang tertentu perikanan iaitu pemasaran, pemindahan teknologi dan penukaran kepakaran. Bot-bot yang diusahakan adalah dimiliki sepenuhnya atau seratus-peratus oleh syarikat tempatan. Hasil tangkapan dieksport oleh syarikat tempatan ke Thailand setelah membayar cukai eksport sebanyak 5%. Kerajaan Malaysia dan kerajaan Thailand tidak langsung menyertai projek ini. Bot-bot yang beroperasi oleh K & I Industries diberi lesen "laut dalam" yang sama dengan 361 lesen yang dikeluarkan setakat ini kepada pengusaha-pengusaha tempatan lain.

Faedah yang diperolehi oleh nelayan-nelayan tempatan dari projek tersebut ialah mereka diberi peluang untuk bekerja di atas bot-bot tersebut, di samping mempelajari teknik moden dalam operasi menangkap ikan. Nelayan-nelayan tempatan juga mendapat faedah dari perusahaan berkenaan melalui pertubuhan mereka iaitu Pertubuhan Nelayan Kebangsaan (NEKMAT) yang mana adalah

dipelawa untuk memegang saham di dalam Malaysia Deep Sea Fishing Corporation (MDSFC) dan MDSFC pula ditawarkan saham sebanyak 10% oleh Syarikat K & I Industries (M) Sdn Bhd. Oleh sebab projek ini ialah satu projek yang baharu dan pertama kali dilaksanakan di negara kita, MDSFC menghadkan penyertaan mereka sebanyak 10% sahaja. Semua pelabur dalam projek ini telah bersetuju bahawa MDSFC boleh menambah penyertaan mereka apabila diperlukan.

Tiada syarikat-syarikat kepunyaan parti politik atau ahli-ahli politik yang memegang saham di dalam Syarikat K & I Industries (M) Sdn Bhd ini.

Dengan terlancarnya projek ini, kehadiran bot-bot yang dilesenkan itu akan dapat mengurangkan pencerobohan bot-bot asing di perairan Zon Ekonomi Eksklusif Malaysia oleh kerana kawasan-kawasan yang biasanya di cerobohi oleh mereka itu sedang diterokai oleh bot-bot tersebut ketika ini. Bot-bot yang dilesenkan itu akan menjadi sebagai sumber maklumat yang diperlukan untuk membenters kegiatan pencerobohan bot-bot asing. Oleh kerana kawasan ZEE itu terlalu luas maka kegiatan ini tidak dapat dibenters sepenuhnya.

Setakat ini tiada perjanjian kerjasama perikanan di antara dua Kerajaan ini dan Kerajaan belum lagi bercadang untuk mengadakan perundingan dengan mana-mana kerajaan lain di dalam bidang penangkapan ikan di laut dalam di negeri ini.

## PENDATANG HARAM INDONESIA

**18. Tuan Ting Chek Ming** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan jumlah pendatang haram orang Indoneisa yang telah dihantar balik. Mengapa Kementerian gagal

mencegah kemasukan pendatang-pendatang haram itu. Nyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk memberhentikan kemasukan pendatang-pendatang haram itu dan menghantar mereka balik ke negerinya.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato Megat Junid bin Megat Ayob):** Jumlah pendatang haram Indonesia yang dihantar pulang ke negara asal adalah seperti berikut:

<u>Tahun</u>	<u>Jumlah</u>
1984 .. .. .	<u>7,873</u>
1985 .. .. .	<u>14,977</u>
1986 .. .. .	<u>11,591</u>
1987 (September)	<u>9,888</u>

Langkah-langkah yang ketat dan berkesan telah diambil untuk mencegah kemasukan pendatang haram ke negara ini. Jabatan Imigresen dengan dibantu oleh Polis di Raja Malaysia memperketatkan lagi rondaan dan pengawasan di kawasan perairan Malaysia dan di sempadan Malaysia/Indonesia. Di samping itu juga pemeriksaan mengejut sering dijalankan di tempat-tempat yang disyaki menjadi tempat pendaratan dan perkampungan pendatang-pendatang haram.

Walau bagaimanapun perairan Malaysia adalah terlalu panjang dan luas untuk dikawal di sepanjang masa.

### JABATAN PERPADUAN NEGARA—STATUS

19. Tuan Chua Jui Meng minta Perdana Menteri menyatakan adakah Kerajaan bercadang meningkatkan status Jabatan Perpaduan Negara kepada menjadi Kementerian Perpaduan Negara memandangkan ketegangan dan polarisasi kaum kian meningkat.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Raja Ariffin bin Raja Sulaiman):** Buat masa ini, Kerajaan tidak bercadang untuk meningkatkan status Jabatan Perpaduan Negara kepada Kementerian Perpaduan Negara. Ini adalah kerana Kerajaan berpuashati dengan peranan dan fungsi yang dimainkan oleh Jabatan Perpaduan Negara.

(Soalan No. 20. Sila lihat jawapan No. 17)

### MENYAMAR SEBAGAI PENAGIH DADAH

21. Puan Hajjah Shariffah Dorah binti Dato' Syed Mohammed minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau akan melatih pemuda-pemuda untuk mengenali dan mendekati penagih-penagih serta menangkap mereka dengan menyamar sebagai golongan dengan mereka juga serta memberi bimbingan supaya mereka insaf diri, jika bila dan jika tidak mengapa.

**Dato Megat Junid bin Megat Ayob:** Kementerian saya tiada rancangan untuk melatih pemuda-pemuda menyamar sebagai penagih dadah untuk tujuan mengenali, mendekati, serta menangkap penagih-penagih dadah.

Undang-undang di negara ini, khususnya Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983 mempunyai peruntukan undang-undang yang hanya memberi kuasa kepada Polis dan Pegawai Pemulihan untuk menahan mereka yang disyaki sebagai penagih dadah bagi tujuan pemeriksaan pegawai perubatan untuk mengesahkan sama ada benar atau tidak mereka yang berkenaan sebagai penagih dadah. Pihak yang berkenaan akan dapatkan perintah mahkamah bagi kemasukan penagih-penagih dadah untuk menjalani rawatan dan pemulihan. Peruntukan undang-undang tersebut adalah mencukupi.

Sungguhpun begitu, Kementerian saya mengalu-alukan sebarang usaha positif ahli-ahli masyarakat, khususnya pihak pemuda-pemudi, dalam membimbing bekas-bekas penagih yang telah tamat menjalani program rawatan dan pemulihan.

#### AKTA PENDIDIKAN 1961— PERUNTUKAN

**22. Dr Ting Chew Peh** minta Menteri Pendidikan menyatakan mengikut peruntukan dalam Akta Pendidikan 1961, kanak-kanak dididik mengikut kehendak ibu bapa dan Menteri Pendidikan adalah bertanggungjawab mendirikan dan menyelenggarakan semua jenis Sekolah Rendah. Adakah Yang Berhormat Menteri Pendidikan sudi memenuhi hasrat golongan ibu bapa keturunan Cina dan India yang ingin mendidik anak-anak mereka di SRJK(C) dan SRJK(T) tetapi di tempat-tempat berkenaan tidak menyediakan SRJK(C) dan SRJK(T) baru.

**Timbalan Menteri Pendidikan (Tuan Woon See Chin);** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sungguhpun terdapat peruntukan berkenaan dalam Akta Pelajaran 1961, tetapi dinyatakan juga dalam Akta itu bahawa pelaksanaannya adalah tertakluk kepada kehendak dasar dan dengan menggunakan perbelanjaan yang berpatutan. Kementerian Pendidikan sentiasa mengambilkira peruntukan ini selain daripada adanya kesesuaian tapak, kemampuan perbelanjaan dan keperluan menyeluruh penduduk-penduduk tempatan bila merancang untuk membina sekolah-sekolah baru. Walau bagaimanapun, sesuai dengan amalan demokrasi negara ini pihak-pihak berkenaan yang dapat memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan boleh membina sekolah rendah jenis kebangsaan di tapak-tapak yang lain dengan perbelanjaan sendiri.

#### INDUSTRI KECIL DI LUAR BANDAR

**23. Tuan Mohammad Yussof bin Haji Abdul Latiff** minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan:

- (a) sejauh manakah kejayaan projek mewujudkan industri-industri kecil di kawasan luar bandar;
- (b) kenapa proses pelaksanaan sesuatu projek itu mengambil masa yang begitu lama; dan
- (c) tidakkah Kementerian sedar bahawa syarat dikenakan bagi meluluskan bantuan kepada industri kecil itu menyulitkan permohonan-permohonan seperti disyaratkan itu terlebih dahulu menjalankan perusahaannya.

#### Tuan Mohamed bin Jamrah:

- (a) Pengwujudan projek industri-industri kecil di kawasan luar bandar adalah dianggap berjaya. Pada tahun 1986 sejumlah 492 projek telah diluluskan oleh Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar. Dan sehingga Julai, 1987 ini sejumlah 748 projek industri kecil telah diluluskan oleh Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar. Dalam jangka setengah tahun 1987 sahaja telah bertambah 52% dari perangkaan sepanjang tahun 1986.
- (b) Proses pelaksanaan projek dapat dilihat sebagai:
  - (i) memproses permohonan hingga kelulusan 3 bulan
  - (ii) proses pembelian mesin melalui sebut harga 5 bulan

- (iii) pemasangan dan penyerahan mesin kepada pengusaha-pengusaha

1 bulan

mengapa membatalkan dasar ini baru-baru ini.

—————  
9 bulan  
—————

kadar proses pelaksanaan ini tidaklah sebegitu lama jika diambilkira perlunya semua peraturan pembelian mengikut Arahan Perbendaharaan di samping memastikan pengusaha mendapat bekalan mesin yang terbaik.

- (c) Adalah tidak benar syarat-syarat yang dikenakan adalah ketat dan menyulitkan pemohon, Kementerian perlu menentukan penyaluran bantuan adalah dibuat kepada pengusaha-pengusaha yang benar-benar ingin dan tahu menjalankan perusahaan. Kementerian ada juga menimbangkan permohonan-permohonan dari mereka-mereka yang belum menjalankan perusahaan tetapi ada kepakaran, kemahiran, latihan dan kesungguhan. Malahan Kementerian menggalakkan permohonan-permohonan dan belia-belia dan siswazah-siswazah yang berminat untuk menceburkan diri dalam industri kecil.

(Soalan No. 24. Sila lihat jawapan No. 17).

#### **DASAR MEMBELAKANGKAN BARANGAN BUATAN BRITISH**

25. **Tun Teoh Teik Huat** minta Menteri Luar Negeri menyatakan sebab-sebab diadakan dasar "membelakangkan Barangan-barangan Buatan British" dan juga menyatakan sebab-sebab

**Menteri Luar Negeri (Dato' Abu Hassan bin Haji Omar):** Dasar "membelakangkan barangan-barangan buatan British" yang dimulakan pada awal tahun 80'an bolehlah disifatkan sebagai menunjukkan rasa kekecewaan Malaysia terhadap keangkuhan dan sikap tidak peduli British terhadap keperluan dan kehendak Malaysia seperti yang termaktub di dalam Dasar Ekonomi Baru. Sikap British ini telah menggugat segala kepercayaan Malaysia terhadap keikhlasan British di dalam menjalin hubungan dua hala di antara kedua-dua buah negara. Keadaan ini menyebabkan Malaysia bertindak untuk melaksanakan "Dawn Raid" di Pasaran Saham London, yang mana bolehlah ditakrifkan sebagai kemuncak rasa kekecewaan Malaysia terhadap dasar melengah-lengahkan "restructuring" pegangan saham tempatan di Syarikat-syarikat British. Keadaan ini menjadi semakin meruncing dengan adanya pengumuman Kerajaan British untuk menaikkan yuran Pelajaran Tinggi di Britain. Isu-isu yang dinyatakan di atas telah memaksa Malaysia untuk mengubalkan dasar "Buy British Last". Dasar ini telah memberikan kesedaran kepada pihak British untuk menilai semula dasar-dasarnya terhadap Malaysia; Pihak British, melalui Suruhanjaya Tingginya di Kuala Lumpur, telah berusaha dengan sedaya upaya untuk memulihkan hubungan dua hala di tahap sebelum dasar ini dilancarkan. Usaha-usaha ini mencapai objektifnya apabila Perdana Menteri Britain, Puan Margaret Thatcher, mengadakan lawatan rasmi ke Malaysia pada tahun 1985. Bagi pihak Malaysia pula, kita telah meneliti dan mengawasi perubahan-perubahan sikap British dan kita amat berpuas hati dengan keadaan hubungan dua hala di antara kedua-dua buah negara. Dengan ini, Malaysia berpendapat

sudah kena pada masanya untuk menggugurkan dasar itu. Pengguguran ini telah disambut baik oleh pihak British.

**PEKERJA LOMBONG  
BUIH TIMAH  
SUNGAI LEMBING**

**26. Tuan Lim Guan Eng** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) berapa ramaikah pekerja-pekerja di lombong bijih timah Sungai Lembing, Pahang >ang memerlukan bantuan; berapa banyakkah jumlah wang yang dihutangi oleh Syarikat Pahang Consolidated dan sejauh manakah berjaya usaha untuk mendapat balik yang dituntut oleh mereka, sila sebutkan jumlahnya;
- (b) adakah pihak Kerajaan mempunyai rancangan untuk menyelamatkan dan mengambilalih lombong bijih timah itu untuk menyara kehidupan mereka;
- (c) apakah projek-projek kecil ekonomi yang telah dilaksanakan untuk pelombong-pelombong tersebut mencari pendapatan lain; dan
- (d) berapa banyakkah jumlah yang diberikan oleh Kerajaan kepada pelombong-pelombong setiap orang dan bilakah Kerajaan akan memberikan mereka bantuan tagi.

**Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor:** Oleh kerana jawapan kepada soalan (b) dan (c) telah diberikan di dalam jawapan saya kepada soalan daripada Ahli Yang Berhormat daripada Tanjung pada 14hb Oktober, 1987, saya akan hanya memberikan jawapan kepada soalan (a) dan (d).

Berhubung dengan soalan (a) dimaklumkan bahawa jumlah pekerja-pekerja lombong bijih timah Sungai Lembing yang memerlukan bantuan ialah 743 orang. Sehingga kini hutang yang ditanggung oleh Syarikat Pahang investments Public Limited Company kepada pekerja-pekerja di dalam bentuk tunggakan gaji ialah \$1.4 juta. Usaha-usaha untuk mendapatkan tunggakan-tunggakan ini sedang diambil mengikut kehendak undang-undang.

Berhubung dengan soalan (d) pula ingin saya memaklumkan bahawa secara kasar dan secara pukol rata bantuan yang telah diberikan sehingga kini ialah sebanyak \$705.00 tiap-tiap seorang. Bantuan ini telah disalurkan melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat dan juga Kerajaan Negeri Pahang. Bagi masa hadapan, apa-apa bantuan yang hendak diberikan akan dipertimbangkan mengikut keadaan.

**FANDI AHMAD SEBAGAI  
PEMASTUATIN TETAP**

**27. Tuan P. Patto** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan, memandangkan Kerajaan rela memberi status pemastautin tetap kepada Fandi Ahmad, pemain handal bola sepak Singapura, di Malaysia kerana sumbangan beliau untuk rneinajukan sukan negara, bolehkah Kerajaan juga memberi status yang sama kepada pemain-pemain hoki atau kriket dari India, pemain-pemain bola keranjang dari Filipina atau Republik Rakyat China atau Taiwan dan pemain-pemain sepak takraw dari Thailand, jika tidak, mengapa.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Setiap permohonan untuk mendapatkan taraf penduduk tetap dikaji dengan teliti sebelum ianya dipertimbangkan oleh Kerajaan dan ianya bergantung kepada merit setiap permohonan.

## MAS—PENERBANGAN KE LONDON

28. **Tuan Hu Sepang** minta Menteri Pengangkutan menyatakan apakah tindakan yang ingin dan telah diambil oleh Kerajaan untuk memastikan MAS berjaya memperolehi penerbangan keenam ke London dan nyatakan sebab-sebab yang diberi oleh Kerajaan British kerana menolak permintaan kita untuk mendapat penerbangan keenam ke London.

**Timbalan Menteri Pengangkutan (Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail):** Permohonan Malaysia untuk mendapat penerbangan-penerbangan tambahan ke London perlulah dirundingkan di bawah perbekalan Perjanjian Udara Malaysia/United Kingdom. Di antara syarat yang perlu dipenuhi sebelum mana-mana pihak diberi kelulusan mengadakan penerbangan keenam ialah pencapaian "seat factor" pada penerbangan-penerbangan yang ada berasaskan kepada peratus pencapaian yang tertentu. Oleh yang demikian, rundingan-rundingan telah diadakan di peringkat syarikat penerbangan untuk memastikan pencapaian "load factor" ini.

Berasaskan kepada rundingan-rundingan yang telah diadakan, pihak British masih belum bersetuju dengan perangkaan yang ditunjukkan oleh pihak Malaysia mengenai pencapaian "load factor" tersebut. Dengan yang demikian, rundingan-rundingan "bilateral" di peringkat syarikat penerbangan dan juga Kerajaan akan diteruskan sehingga mencapai hasil yang diharapkan.

## MAHKAMAH RAYUAN

29. **Tuan R. Karpal Singh** tntina Menteri Kehakiman menyatakan sama ada Kerajaan bersedia mengadakan satu Mahkamah Rayuan di antara Mahkamah Tinggi dengan Mahkamah

Agung seperti terdapat di kebanyakan negara kita. Jika tidak, nyatakan sebab-sebabnya.

**Dato Oo Gin Sun:** Perkara yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat ini adalah dalam kajian Kerajaan.

## RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

### RANG UNDANG-UNDANG PEMBERIPINJAM WANG (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Ordinan Pemberipinjam Wang 1951; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

### RANG UNDANG-UNDANG PEMBERIPINJAM WANG (SABAH) (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Ordinan Pemberipinjam Wang Sabah; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

### RANG UNDANG-UNDANG PEMBERIPINJAM WANG (SARAWAK) (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Ordinan Pemberipinjam Wang Sarawak; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1988

DAN

USUL

### ANGGARAN PEMBANGUNAN 1988

#### Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas "Rang Undang-undang Perbekalan 1988" dan "Anggaran Pembangunan 1988" dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis. (Hari Ketigabatas)

*Majlis bersidang dalam  
Jawatankuasa.*

*(Timbalan Yang di-Pertua mem-  
pengerusikan Jawatankuasa)*

*Maksud B. 35, B. 36, B. 37, B. 38,  
B. 39, B. 40, B. 41, B. 42 dan  
B. 43 (Jadual)—*

*Maksud P. 35, P. 36, P. 37, P. 39,  
P. 40 dan P. 42 (Anggaran Pempa-  
ngunan 1988)—*

**Tuan Pengerusi (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat Timbalan Menteri di jemput menyambung semula Jawapan.

4.08 ptg.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Megat Junid bin Megat Ayob):** Tuan Pengerusi, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Tuan Pengerusi kerana mengizinkan saya meneruskan ucapan menggulung pada petang ini. Petang ini saya cuba menjawab sebahagian lagi daripada teguran-teguran dan saranan-saranan

yang tidak sempat saya jawab semalam kerana kehabisan masa.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat dari Tanah Merah membangkitkan tentang permusnahan kad-kad pengenalan selepas dua tahun tidak dipungut.

Mengenai hal ini sukacitalah saya jelaskan bahawa kad pengenalan biasanya dipungut oleh sebilangan besar pemohon. Bagi yang tidak memungut kerana berpindah alamat atau mati tidaklah ramai. Ada yang tidak memungut kerana telah jumpa semula kad pengenalan yang disangkakan hilang. Pemusnahan perlu dibuat selepas tempoh tertentu bagi menjaga kepentingan keselamatan.

Jabatan Pendaftaran Negara ada memberi peringatan kepada pemohon kad pengenalan untuk memungut kad pengenalan yang sudah siap dan diikuti pula dengan maklumat kepada Penghulu, Wakil-wakil Rakyat di setengah-setengah tempat dan melalui media massa.

Yang Berhormat dari Tanah Merah juga membangkitkan tentang kedudukan Pejabat Pendaftaran Negeri Cawangan Tanah Merah yang dikatakan tidak selesa dan kotor dan menyarankan supaya Pejabat Cawangan itu ditukar ke tempat lain. Mengenai hal ini sukalah saya memaklumkan bahawa Kementerian sedar tentang masalah tersebut. Usaha-usaha sedang dibuat untuk mendapatkan bangunan yang sesuai.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat dari Simunjan membangkitkan tentang kesukaran mendaftar kad pengenalan, sijil lahir/kematian di kawasan pendalaman Sarawak dan Sabah. Berhubung dengan ini Kementerian sedar tentang apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat itu. Masalah ini berlaku disebabkan kawasan-kawasan yang terpencil "inaccessibility", dengan izin, dan

masalah perhubungan. Jabatan Pendaftaran Negara sememangnya mengadakan lawatan ke kawasan-kawasan pendalaman untuk mendaftar penduduk. Program ini akan diteruskan dari masa ke semasa.

Yang Berhormat dari Simunjan juga membangkitkan tentang masalah orang Penan dan mencadangkan orang Penan ditempatkan di bawah Pentadbiran Jabatan Hal Ehwal Orang Asli. Berhubung dengan ini sukalah saya memaklumkan kepada Yang Berhormat bahawa Kerajaan Negeri Sarawak telah membuat keputusan tidak meletakkan orang-orang Penan di bawah Pentadbiran Jabatan Hal Ehwal Orang Asli.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat dari Marang mencadangkan supaya Ibu Pejabat Jabatan Pendaftaran Negara yang sekarang ini terletak di Petaling Jaya dipindahkan ke Kuala Lumpur kerana dikatakan sukar dicari dan dihubungi oleh orang ramai. Untuk makluman Yang Berhormat, Ibu Pejabat Jabatan Pendaftaran Negara berada di Petaling Jaya sudah hampir 20 tahun. Untuk makluman Yang Berhormat juga di Kuala Lumpur ada terdapat pejabat cawangan Pendaftaran Negara, Cawangan Wilayah Persekutuan iaitu di Jalan Puncak off Jalan P. Ramlee. Kedudukan Ibu Pejabat di Petaling Jaya sekarang adalah amat sesuai. Bagi orang-orang kampung yang menghadapi masalah yang tidak dapat datang ke Ibu Pejabat, mereka boleh berurusan di pejabat-pejabat cawangan di daerah masing-masing.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat dari Tanah Merah juga membangkitkan masalah cawangan-cawangan parti politik dan cawangan-cawangan belia yang dikatakan pendaftarannya dibatalkan kerana gagal mengirim penyata tahunan walaupun cawangan itu masih aktif. Beliau juga menyarankan supaya satu cara difikirkan untuk pendaftaran

secara longgok diadakan. Perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat itu di bawah Akta yang ada sekarang adalah menjadi tanggungjawab tiap-tiap pertubuhan atau cawangan pendaftar mengemukakan penyata tahunan masing-masing setiap tahun. Lazimnya masa yang cukup diberi kepada tiap-tiap pertubuhan atau cawangan mengirim penyata-penyata tahunan. Notis juga dikeluarkan kepada pemegang-pemegang utama jawatan cawangan dan badan induknya sebelum cawangan itu dibatalkan. Mengenai cadangan pendaftaran secara longgok saya kurang jelas dan harap Yang Berhormat mengemukakan cadangan secara bertulis kepada Kementerian Dalam Negeri.

Yang Berhormat dari Rantau Panjang membangkitkan tentang keadaan Kompleks Imigresen di Rantau Panjang yang dikatakan kurang sesuai lagi. Ahli Yang Berhormat dari Lembah Pantai pula membangkitkan tentang keperluan membaiki pondok-pondok Polis dan berek-berek Polis. Pihak Kementerian menyedari masalah yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Tindakan bagi memperbaiki bangunan-bangunan tersebut akan dikaji dan dilaksanakan dari masa ke semasa.

Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa membangkitkan bahawa beliau tidak nampak adanya peruntukan bagi Cawangan Khas untuk tahun 1988 ini. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat peruntukan Cawangan Khas bagi tahun 1988 ada diperuntukkan. Peruntukan itu adalah di bawah Butiran 040000, Maksud Bekatan B. 36 Risikan Keselamatan yang berjumlah \$79,959,200.00.

Tuan Pengerusi, setakat inilah sahaja yang dapat saya jelaskan tentang saranan-saranan dan juga teguran-teguran yang dibuat oleh

pihak-pihak Yang Berhormat pada semalam, Bagi mana-mana cadangan yang tidak sempat saya sentuh, saya akan mengambil perhatian. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud):** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$74,365,700 untuk Maksud B.35; \$1,016,725,100 untuk Maksud B. 36; \$43,910,600 untuk Maksud B. 37; \$2,825,400 untuk Maksud B. 38 dan \$37,370,700 untuk Maksud B. 39; \$105,963,300 untuk Maksud B. 40; \$24,997,000 untuk Maksud B. 41; \$24,626,900 untuk Maksud B. 42 dan \$2,455,800 untuk Maksud B. 43 di bawah Kementerian Dalam Negeri jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$74,365,700 untuk Maksud B. 35; \$1,016,725,100 untuk Maksud B. 36; \$43,910,600 untuk Maksud B. 37; \$2,825,400 untuk Maksud B. 38 dan \$37,370,700 untuk Maksud B. 39; \$105,963,300 untuk Maksud B. 40; \$24,997,000 untuk Maksud B. 41; \$24,626,900 untuk Maksud B. 42 dan \$2,455,800 untuk Maksud B. 43 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

**Tuan Pengerusi (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud):** Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$13,436,000 yang disebutkan dalam Maksud P. 35; \$263,420,810 untuk Maksud P. 36; \$4,476,000 untuk Maksud P. 37; \$4,999,990 untuk Maksud P. 39; \$32,720,000 untuk Maksud P. 40; \$13,340,000 untuk Maksud P. 41 dan \$3,070,000 untuk Maksud P. 42 dalam Anggaran Pembangunan, 1988 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$13,436,000 yang disebutkan dalam Maksud P. 35; \$263,420,810 untuk Maksud P. 36; \$4,476,000 untuk Maksud P. 37; \$4,999,990 untuk Maksud P. 39; \$32,720,000 untuk Maksud P. 40; \$13,340,000 untuk Maksud P. 41 dan \$3,070,000 untuk Maksud P. 42 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1988.

*Maksud B. 46, B. 47 dan B. 48 (Jadual)—*

*Maksud P. 46, P. 47 dan P. 48 (Anggaran Pembangunan 1988)—*

**Tuan Pengerusi (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud):** Kepala B.46, B.47, B.48 dan Kepala P.46, P.47 dan P.48 di Bawah Kementerian Sains Teknologi dan Alam Sekitar terbuka untuk dibahas. Ahli Yang Berhormat dari Gopeng.

*4.16 ptg.*

**Dr Ting Chew Peh (Gopeng):** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk kepada mukasurat 205, maksud Bekalan B. 46, Butiran 020000 dan 030000.

Saya ingin menyentuh beberapa jenis warisan semula jadi di Negeri Perak yang sedang menghadapi bahaya terpusus sama sekali dan saya rasa kita memerlukan langkah-langkah yang positif seperti menggubal undang-undang untuk memelihara dan melindungi warisan semula jadi itu. Warisan semula jadi yang saya maksudnya itu ialah pertama sekali bunga pakma ataupun Rafflesia Flower, dengan izin, di Hu'u Groh, Gopeng. Bunga ini merupakan bunga yang terbesar di dunia ini. Jenis bunga Pakma yang dijumpai di Gopeng dikenali sebagai Rafflesia hasselti dan diameter bunga ini berukuran kira-kira setengah meter.

Tuan Pengerusi, bunga ini sedang menghadapi bahaya terpujus kerana kuntumnya dikutip untuk tujuan perubatan. Menurut kepercayaan kaum Orang Asli di kawasan Gopeng, kuntum bunga ini membantu menyusutkan rahim wanita dan memulihkan tubuh badannya selepas kelahiran anak. Jadi, untuk menjamin bunga Pakma ini tidak mengalami nasib buruk iaitu pemupusan, saya mengesyorkan pihak Kementerian mengisytiharkan bunga itu sebagai satu spesies terlindung ataupun satu spesies terpelihara. Barangkali Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan juga boleh memberikan kerjasama dalam hal ini untuk menjadikan bunga ini sebagai satu tarikan pelancong.

Kedua, berhubung dengan masatah yang dihadapi oleh tuntung. Tuntung merupakan satu jenis haiwan yang amat popular di negeri Perak, terutama sekali bagi penduduk-penduduk yang hidup di sekitar Sungai Perak. Pada satu ketika dahulu Sungai Perak pernah menjadi sungai yang mempunyai bilangan tuntung yang paling besar di dunia ini dan tuntung yang terkenal di kalangan penduduk negeri Perak ini mungkin juga akan pupus sama sekali sekiranya langkah-langkah munasabah tidak diambil segera, ini sebenarnya menurut seorang profesor, Prof. Edward Owen Moll dari Eastern Illinois University.

Dua faktor sebenarnya menyebabkan bilangan tuntung makin berkurangan di Perak. Yang pertama pembukaan hutan berhampiran dengan Sungai Perak.

Yang Kedua, aktiviti-aktiviti pengutipan telur dan penangkapan tuntung yang tidak dikawal. Tuntung sebenarnya ditangkap dan dijual ke restoran sebagai satu delicacy, dengan izin.

Tuan Pengerusi, bila kita membincangkan hal ehwal ataupun kebijakan tuntung ini tidak dapat tidak kita ingat kepada satu puisi, satu pantun tempatan yang berbunyi:

Ikut sahaja resmi tuntung,  
Telor berpuluh haram tak sombong,  
Jangan ikut resmi ayam,  
Bertelur sebiji riuw sekampung

Puisi ini jelas membuktikan betapa rapatnya hubungan si tuntung ini dengan kehidupan masyarakat tempatan.

Saya sungguh bimbang sekiranya si tuntung ini tidak diberikan perlindungan, suatu hari nanti akan menjadi lebih sukar bagi cucu cicit kita memahami puisi yang saya sebutkan di atas itu, malah generasi kita yang akan datang tidak lagi berpeluang untuk menyaksikan si tuntung itu bertelur atau cuma dapat mengenali tuntung itu melalui gambar di Muzium sahaja. Tentunya kita tidak ingin perkara ini berlaku. Oleh sebab itu, saya suka mencadangkan supaya langkah-langkah segera diambil sebelum si tuntung menjadi pupus.

Dalam hubungan ini, saya mengucapkan syabas kepada Jabatan Perhilitan kerana usahanya di kawasan pemeliharaan tuntung di Bota Kanan.

Pada pandangan saya satu langkah yang lebih berkesan ialah kita menetapkan satu kawasan perlindungan untuk memastikan si tuntung itu mendarat dan bertelur dengan selamatnya. Kawasan penetasan juga perlu dikhaskan dan diberi perlindungan.

Selain daripada itu satu lagi langkah ialah kita menggubal undang-undang berhubung dengan penangkapan si tuntung dan pemungutan telornya.

Tuan Pengerusi, perkara yang ketiga berhubung dengan Gua Tempurung di Sungai Siput Selatan. Ini merupakan salah satu gua yang terbesar di Semenanjung Malaysia dan

gua ini perlu dipelihara dan diberikan perlindungan untuk menjamin keindahan alam semula jadi supaya ia tidak terjejas.

Perkara yang keempat berhubung dengan berbagai jenis burung yang dijumpai di Kuala Gula, Perak khususnya jenis "Milky Stork", dengan izin, iaitu burung bangau yang sukar dijumpai dan hanya didapati di Pulau Kelumpang di Kuala Gula. Apa yang diperlukan ialah diwartakan satu tempat, satu sanctuary di Kuala Gula untuk melindungi berbagai jenis burung itu.

Tuan Pengerusi, tujuan kita untuk menggubal dan meluluskan undang-undang untuk perkara-perkara yang saya sebutkan di atas itu ialah seperti berikut:

- (i) untuk memelihara dan melindungi warisan semula jadi kita dan mengelakkan pemupusan jenis flora dan fauna yang jarang dijumpai;
- (ii) untuk menggalakkan industri pelancongan;
- (iii) untuk menyediakan kemudahan rekreasi yang sihat, misalnya untuk tujuan trekking dan bird watching, dengan izin.

Akhirnya untuk tujuan penyelidikan para saintis. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat dari Padang Terap.

4.27 ptg.

**Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar (Padang Terap):** Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada muka surat 205, Maksud Bekalan B. 46, Butiran 040000 mengenai Institut Piawaian dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia (SIRIM).

Tuan Pengerusi, SIRIM sebagai satu Institut Piawaian dan Penyelidikan Perindustrian mestilah diperkuatkan lagi memandangkan bahawa negara kita sedang membangunkan sektor industri khususnya dengan adanya Pelan Induk Perindustrian yang akan menentukan satu pembangunan industri yang pesat di hari muka.

Sebagaimana kita maklum sektor industri kita sekarang ini merupakan sektor yang paling cepat mambangun, jesteru itu fungsi SIRIM janganlah ditumpukan kepada kerja-kerja piawaian sahaja, yang lebih penting ialah fungsi penyelidikan.

Saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri berkenaan adakah kemudahan-kemudahan penyelidikan dan kepakaran yang ada di dalam SIRIM sekarang ini berkebolehan menjalankan kerja-kerja penyelidikan yang melibatkan aspek-aspek teknologi tinggi.

Saya bertanya ini kerana setakat ini apa yang dilaporkan mengenai usaha-usaha penyelidikan hanya berkisar di sekeliling industri-industri yang menggunakan teknologi-teknologi rendah sahaja.

Apabila diteliti bidang-bidang industri yang perlu dibangunkan untuk memperkuatkan sektor industri kita, SIRIM perlulah diperbesar dan diperkuatkan lagi untuk membina industri asas yang mengeluarkan bahan-bahan kimia asas untuk diperbuatkan kimia-kimia gunaan yang lain. Oleh sebab pelaburan modal untuk membangunkan kilang-kilang pengeluaran kimia-kimia asas ini adalah tinggi dan juga ianya memerlukan teknologi yang tinggi yang mengaitkan tekanan yang tinggi dan suhu yang tinggi, kita berpuas hati dengan mengimport sahaja kimia-kimia mi.

Tuan Pengerusi, kita tidak seharusnya terus mengimport bahan-bahan ini, kita perlu mengeluarkannya dan saya fikir pihak SIRIM perlu menerajui pengkajian-pengkajian tentang kemungkinan-kemungkinan ini.

Tuan Pengerusi, pada muka surat yang sama iaitu Butiran 020000 mengenai alam sekitar.

Tuan Pengerusi, alam sekitar kita akan menghadapi cabaran-cabaran yang lebih hebat di hari muka memandangkan bahawa negara kita sedang menuju ke arah industrialisasi sepertimana yang saya katakan tadi.

Saya fikir pada masa ini keupayaan Jabatan Alam Sekitar tidaklah mencukupi untuk menghadapi masalah-masalah pencemaran yang akan bangkit di hari-hari muka.

Dalam jawapan Yang Berhormat Menteri pada hari ini pun membayangkan kemungkinan ini. Hal ini dapat dibuktikan dengan pencemaran terus-menerus oleh kenderaan-kenderaan yang mengeluarkan asap-asap yang berlebihan, khususnya lori-lori dan bas-bas yang menjadi culprit, dengan izin, yang utama.

Saya harap pihak Kementerian mengambil berat mengenai masalah ini kerana peningkatan bilangan kenderaan sedang berlaku dengan cepat dan ini akan memastikan bahawa pencemaran asap dari segi "carbon monoxide" dan juga lain-lain gas beracun akan meningkat di kawasan-kawasan yang berhampiran dengan highway dan juga jalanraya-jalanraya kita.

Tuan Pengerusi, yang ketiga dan akhir iaitu muka surat yang sama juga, Butiran 030000 mengenai Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara. Saya menyokong sepenuhnya saranan yang dibuat oleh rakan saya tadi, iaitu Yang Berhormat

dari Gopeng mengenai dengan potensi kepupusan sebahagian daripada species di dalam kumpulan flora dan fauna kita, khususnya bunga pakma (*rafflesia*), tuntung dan juga bangau serta lain-lain binatang.

(Tuan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Tuan Pengemsi, pentingnya kita menjalankan usaha-usaha melindungi kehidupan liar kita tidak perlulah dipertikaikan lagi. Warisan negara kita kepada generasi akan datang serta khazanah pemberian Tuhan untuk kehidupan kita yang selesa di dalam bentuk kehidupan liar patut sangat diberi perhatian yang amat serius. Memandangkan potensi kepupusan sebilangan jenis-jenis binatang liar kita, selain daripada apa yang saya sebutkan tadi, termasuk juga tapir, kambing gurun, gajah dan seladang serta sebilangan burung-burung lain selain daripada bangau melalui usaha kita membuka tanah hutan untuk pembangunan, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri adakah satu rangka kerjasama di antara Jabatan-jabatan ataupun Kementerian-kementerian diwujudkan sebelum satu-satu kawasan hutan dibuka untuk pembangunan? Kalau ada, mengapakah berlakunya kejadian binatang-binatang liar terkandas, seperti apa yang berlaku di Empangan Kenyir yang kita dengar baru-baru ini diadakan Operasi Rescue yang besar oleh Kerajaan dan memakan belanja yang banyak dan juga berlakunya kekandasan binatang-binatang liar yang sehingga kini telah pupus di kawasan Empangan Muda dan Pedu di Kedah. Jikalau ada, mengapa perlunya diadakan pagar elektrik di setengah rancangan-rancangan FELDA yang menelan ongkos yang tinggi selain daripada membunuh binatang-binatang ataupun mencederakan binatang-binatang liar dan kemungkinan juga membunuh dan

mencederakan manusia yang ialu ataupun yang tersentuh pagar mi.

Tuan Pengerusi, kita mestilah sedar bahawa sesuatu pembukaan tanah hutan di samping menggugat ekologi hutan juga membunuh banyak binatang-binatang Har yang bergantung makanan kepada sumber-sumber hutan yang berkenaan. Tetapi tanah hutan juga perlu dibuka untuk kepentingan ekonomi rakyat. Oleh itu, saya ingin mencadangkan di dalam kita menimbang dua kehendak ini, satu kordinasi yang berkesan perlu diadakan di antara Jabatan-jabatan yang terlibat. Jikalau telah pun ada mana-mana Jawatankuasa yang menjalankan kerja ini, saya fikir Jawatankuasa ini perlu bekerja lebih kuat. Kalau tidak ada bidang kuasa yang lebih meluas dan lebih berkesan, saya menyarankan kepada Yang Berhormat Menteri supaya mengadakan "term of reference" yang lebih berkesan lagi untuk Jawatankuasa-jawatankuasa ini. Saya fikir keseluruhan ongkos memindahkan binatang-binatang liar ini sebelum air naik ataupun sebelum penanaman kelapa sawit misalnya adalah lebih rendah daripada selepas ianya berlaku.

Dengan itu, saya pohon menyokong Maksud Bekalan ini dengan hujah-hujah yang saya berikan tadi. Sekian.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat dari Bandar Kuching.

*4.34 ptg.*

**Tuan Sim Kwang Yang (Bandar Kuching):** Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada Maksud B. 46, Butiran 020000 dan Butiran 030000, Program Alam Sekitar, Perlindungan dan Pemeliharaan.

Tuan Pengerusi, terlebih dahulu ingin saya mengambil kesempatan ini untuk mendapati jawapan-jawapan tepat daripada Yang Berhormat

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar berkenaan dengan empat soalan-soalan seperti berikut.

Soalan pertama, apakah telah terjadi kepada, dengan izin, "Noise Abatement Regulations" yang dicadangkan. Saya difahamkan bahawa peraturan tersebut telah digubal oleh pihak Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar selepas perbincangan selama hampir 8 tahun, tetapi sehingga kini peraturan ini belum pun dijadualkan secara rasmi dan diwartakan. Peraturan-peraturan tersebut untuk mengurangkan pencemaran bising (noise pollution) telah menjadi kian mendesak, khususnya memandangkan bahawa kajian-kajian yang telah dijalankan oleh pihak Department of Environment (DOE) dan Environmental Protection Society Malaysia (EPSM). Kajian-kajian tersebut menunjukkan bahawa masalah ini merupakan salah satu masalah yang makin buruk, khususnya di pusat-pusat bandar besar dan kawasan perindustrian serta di dalam kilang-kilang tersebut.

Soalan kedua, apakah telah terjadi kepada, dengan izin, "Scheduled Hazardous Waste Regulations" ataupun Peraturan-peraturan untuk Mengawal Sisa-sisa yang Merbahaya. Peraturan-peraturan tersebut telah digubal dan dikaji untuk tujuan memberi klasifikasi sisa-sisa yang merbahaya serta mengawal pembuangan sisa-sisa tersebut. Sekali lagi saya difahamkan bahawa pada peringkat akhir sebelum peraturan-peraturan ini diwartakan 2-3 tahun lalu itu, Kementerian berkenaan telah menghadapi bantahan-bantahan dari pihak swasta ke atas asas kos tambahannya dalam melaksanakan pengawalan sisa-sisa industri. Maka ingin saya mendapat tahu dari Yang Berhormat Menteri mengumumkan, memberitahu kepada Dewan yang mulia ini bilakah akan peraturan-peraturan itu disiap sediakan untuk

diwartakan dengan mengatasi segala bantahan-bantahan yang telah dikemukakan itu, khususnya memandangkan bahawa bahaya pencemaran oleh sisa-sisa industri yang dibuang dengan sisa-sisa sahaja telah menjadi masalah teruk di kawasan pusat-pusat bandar besar ataupun kawasan perindustrian seperti Petaling Jaya, Shah Alam, Pulau Pinang dan sebagainya.

Tuan Pengerusi, soalan ketiga, bilakah akan pihak Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar membolehkan laporan, dengan izin, "Klang Valley Environmental Improvement Project" dikeluarkan kepada orang ramai untuk menggalakkan percibaraan awam dan perundingan dengan pihak pertumbuhan-pertubuhan alam sekitar bagi tujuan mengenalpasti kelemahan-kelemahan yang mungkin ada dalam cadangan-cadangan yang telah dikemukakan. Projek ini, iaitu Klang Valley Environmental Project untuk memperbaiki persekitaran Klang Valley itu adalah dianjurkan oleh Bank Pembangunan Asia (ADB), Klang Valley itu pun telah merupakan salah satu kawasan di negara kita yang paling tercemar sama sekali kerana kegiatan-kegiatan dan perindustrian yang "concentrated" selama 30 tahun ialu. Masalah pencemaran air, udara dan bising juga telah mendekat satu tahap yang tidak dapat dibiarkan ataupun ditoleransikan lagi. Maka projek untuk memperbaiki persekitaran Klang Valley amat perlu untuk membanteraskan masalah itu.

Tuan Pengerusi, saya ditahamkan laporan penuh bagi projek ini dengan keputusan-keputusan tetap telah dikemukakan kepada Kerajaan dan sedang di bawah tangan Jabatan Perdana Menteri. Malangnya laporan itu pun belum dikeluarkan kepada orang ramai untuk, dengan izin "public scrutiny" dan kelemahan-kelemahan tertentu tidak dapat didedahkan. Sebagai misalannya, satu

cadangan telah pun dibuat dalam laporan itu sebagai penyelesaian masalah pencemaran air di Klang Valley itu untuk satu parit raksasa dibina supaya menyalurkan air dari Klang Valley kepada Straits of Malacca. Kos untuk membina parit raksasa di Klang Valley itu amat tinggi, iaitu dalam lingkungan \$2,000 juta.

Tuan Pengerusi, penyelesaian yang dicadangkan ini tidak begitu bijaksana kerana ianya hanya memindahkan masalah pencemaran air dari tanah Klang Valley ke perairan di Straits of Malacca. Masalah pencemaran masih wujud.

Saya berpendapat bahawa lebih eloklah bagi kita menyelesaikan masalah pencemaran air di Klang Valley ini pada peringkat sumber-sumber pencemaran itu iaitu untuk mengawal aktiviti yang mengeluarkan bahan-bahan yang mencemarkan air seperti kilang-kilang dan sebagainya. Maka laporan Klang Valley Environmental Improvement Project ini dijadikan dokumen awam supaya maklumbalas yang berguna dapat diperolehi oleh Kementerian berkenaan.

Soalan terakhir iaitu soalan keempat, yang ingin saya tumpukan ialah mengenai "Environmental Impact Assessment Study" (EIAS) dan saya merujuk kepada Maksud Pembangunan P. 46, Butiran 00500—Kawalan Alam Sekitar iaitu satu program yang dikhususkan untuk tujuan, yakni menurut Buku Anggaran Prestasi dan Program yang berkaitan untuk mengawal dan memelihara kualiti alam sekitar selaras dengan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

Saya rasa peruntukan bagi tahun ini bagi projek ini tidak mencukupi sama sekali, memandangkan betapa pentingnya pelaksanaan Environmental Quality Control Act ini untuk menjamin kesihatan dan

kesejahteraan rakyat Malaysia. Peruntukan bagi tahun ini hanya sebanyak \$1.13 juta sahaja, walaupun jumlah anggaran projek itu telah dianggarkan sebanyak \$64.9 juta dan di bawah Rancangan Malaysia Kelima (1986-1990), wang yang diperuntukkan dianggarkan ialah \$46 juta, tetapi tahun ini baru dapat lebih kurang \$1 juta sahaja. Dengan keupayaan, kemampuan kewangan yang begitu terhad ini, saya ragu-ragu sama ada pihak Kementerian berkenaan dapat mengatasi masalah yang kian mendesak ini. Jika sekiranya Akta ini, Akta yang penting ini dapat dikuatkuasakan dengan berkesan, isu-isu seperti Asian Rare Earth di Papan, Perak, Projek Bakun ataupun pencemaran minyak di perairan Pantai Johor tidak timbul sama sekali.

Tuan Pengerusi, apakah EIA ini? EIA ataupun Environmental Impact Assessment adalah kajian saintifik yang mendalam yang perlu dijalankan untuk menentukan kesan-kesan yang dilakukan akibat daripada pelaksanaan sebarang projek. di bawah Akta ini, kajian EIA hendaklah dibuat dan diluluskan oleh Department of Environment (DOE) sebelum pelaksanaan sesuatu aktiviti yang ditetapkan dan dijamin. Jika peraturan ini tidak dipenuhi, pihak-pihak bersalah akan dihukum dengan denda \$10,000 sehari sepanjang tempoh kesalahan itu dilakukan.

Saya sedar bahawa keperluan EIA ini telah diwartakan pada 5hb November, 1987. Saya ingin mengambil perhatian Dewan yang mulia ini terhadap masalah-masalah dan cabaran-cabaran di dalam pelaksanaan dan penguatkuasaan Akta ini. Contohnya, akan menjadi cabaran besar untuk Kementerian berkenaan supaya memerlukan semua projek besar dan kecil untuk mengemukakan EIA untuk meningkatkan kesedaran bukan

dikalangan rakyat sahaja, tetapi di kalangan ahli-ahli politik dan kalangan pegawai-pegawai yang berpangkat tinggi yang membuat keputusan ke atas projek-projek tertentu. Kerana di dalam Malaysia, negara kita ini tidak mempunyai suatu kebudayaan saintifik, dengan izin, we don't have a scientific culture, maka akibatnya adalah kekurangan kesedaran mengenai bagaimana dan betapa pentingnya untuk memelihara alam sekitar, alam semulajadi.

Maka kesalahfahaman banyak telah wujud, contohnya banyak ahli-ahli politik ataupun pegawai-pegawai tinggi Kerajaan menganggap tugas memelihara alam sekitar sebagai tugas untuk menyelamatkan monyet atau bunga atau burung sahaja. Ini tidak benar, Tuan Pengerusi. Tugas untuk memelihara, alam sekitar tidak terhad kepada tugas untuk melindungi monyet sahaja, tetapi tugas yang penting sekali ialah supaya menyelamatkan manusia sendiri, untuk menjamin bahawa.....

**Tuan Shahidan bin Kassim:**  
(Bangun).

**Tuan Pengerusi:** Ahli Yang Berhormat dari Arau nampaknya bangun.

**Tuan Sim Kwang Yang:** Masa terhad, tetapi boleh cuba.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Tuan Pengerusi, saya minta penjelasan. Saya hendak bertanya apakah yang dimaksudkan "scientific culture" itu? Saya tak faham.

**Tuan Sim Kwang Yang:** Ketidakhahaman itu menunjukkan kekurangan scientific culture—kebudayaan saintifik maksudnya ialah pengetahuan umum ke atas tajuk-tajuk saintifik ataupun perkara scientific. Contohnya, cadangan Ahli Yang Berhormat dari Nibong Tebai bahawa nyamuk boleh membawa

AIDS adalah satu tanda kekurangan kebudayaan saintifik.

**Tuan Pengerusi:** Ahli Yang Berhormat, bolehkah gulungkan?

**Tuan Sim Kwang Yang:** Baiklah. Satu cabaran lagi ialah konsep pembangunan sosio-ekonomi.....

**Dr Goh Cheng Teik:** Tuan Pengerusi, minta penjelasan.....

**Tuan Sim Kwang Yang:** Tidak ada masa, kecuali kalau Tuan Pengerusi boleh memberikan masa, saya boleh beri jalan.

**Tuan Pengerusi:** Kita tidak ada masa, sila teruskan.

**Tuan Sim Kwang Yang:** Lain kali boleh, ada chance. Konsep pembangunan negara kita dikuasai oleh Pusat seperti Jabatan Perdana Menteri adalah berdasarkan kepada konsep kuantitatif di mana prestasi pembangunan diukur dengan terma-terma seperti berapa kilometer lebuh raya telah dibina, berapa duit telah dibelanjakan, berapa buah klinik telah didirikan. Itu satu konsep yang terhad kepada terma-terma kuantitatif tetapi perlindungan dan pemeliharaan alam sekitar adalah kerja kualitatif oleh kerana materialistic concept pembangunan ini masalah untuk menguatkuasakan Akta untuk mengawal mutu alam sekeliling negara kita dan peranan Department of Environment (DOE) pun amat terhad. Bagi pihak swasta mereka mempunyai lobi yang kuat oleh kerana mereka telah melabur modal yang besar.

Bagi pihak awam—pihak awam adalah penting kerana pihak awam adalah alat pelaksanaan projek raksasa seperti LLN untuk membina empangan hidroelektrik, contohnya seperti projek PKEN, projek HICOM, projek Lembaga Lebuhraya Malaysia dan agensi-agensi Pertanian yang membuka tanah dengan akibat

yang mencemarkan alam sekitar, oleh kerana runtuh-runtuh tanah dan juga PETRONAS dan juga Kerajaan-kerajaan Negeri.

Oleh kerana itu bagaimana DOE mempunyai kuasa yang cukup? Tadi saya sudah mengemukakan persoalan bagaimanakah Yang Berhormat Menteri Sains untuk menghadapkan Yang Berhormat Menteri Tenaga, Telekom dan Pos ke mahkamah kerana tidak mengemukakan EIA sebelum membuat suatu empangan. Yang Berhormat Menteri itu akan menjawab, itu mungkin tak wujud. Tetapi kalau wujud macam mana? Adakah Yang Berhormat Menteri sanggup untuk meletakkan jawatan? Itu satu masalah yang besar.

**Tuan Pengerusi:** Ahli Yang Berhormat, bolehkah gulungkan?

**Tuan Sim Kwang Yang:** Okay, inipun aimat berkaitan dengan masalah alam sekeliling dan akhirnya saya harapkan semua kajian EIA dapat diumumkan kepada orang ramai.

Sebagai menggulung, Tuan Pengerusi, saya mahu Dewan yang mulia ini mengambil perhatian kepada ajaran disebuah buku Confucius dari satu tulisan bertajuk "Chung Yung" atau "Moderation", dengan izin, di mana Confucius berkata "Apa yang sederhana, prinsip bagi dunia. Apa yang berharmoni, jalan itu betul bagi semua segala yang di bawah langit. Untuk mencapai sederhana dan keharmonian, langit, tanah, air, orang dan semua kehidupan pun mendapat tempat yang sesuai untuk hidup selama-lamanya."

Saya harap Yang Berhormat Menteri boleh mengajar supaya kita dapat mencapai keharmonian dengan alam sekitar kita.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat dari Kota Setar.

#### 4.51 ptg.

**Dr Abdul Hadi bin Derani (Kota Setar):** Tuan Pengerusi, saya bangun untuk bercakap berkenaan dengan Maksud Bekalan B. 46, Butiran 030000 di bawah aktiviti Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara seperti di muka surat 205, Belanjawan Persekutuan, 1988.

Tuan Pengerusi, pada amnya Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara atau nama singkatnya PERHILITAN boleh dipuji oleh kerana telah menjalankan berbagai usaha untuk memberi perlindungan kepada hidupan liar kita terutama species-species yang disayangi seperti gajah, seladang, harimau, badak, tapir, beruang, buaya, rusa, kijang, kambing gurun, burung-burung dan lain-lain yang diancam oteh kepupusan.

Undang-undang yang ketat telah pun dikuatkuasakan di negara ini dengan tujuan untuk menyelamatkan hidupan liar. Malahan dalam sesi Parlimen kali ini pun satu pindaan Rang Undang-undang akan dikemukakan bagi memberi kuasa yang lebih kepada PERHILITAN menjalankan tugas-tugasnya.

Pada pendapat saya, usaha untuk menyelamatkan hidupan liar harus diberi sokongan. Namun begitu saya juga berpendapat bahawa undang-undang sahaja tidak boleh memberi perlindungan sebenar kepada hidupan liar walaupun pihak yang bersalah di bawah Akta tersebut boleh didakwa serta dihukum. Yang lebih penting lagi ialah usaha-usaha untuk mewujudkan keadaan di mana hidupan liar dapat berada dalam environment yang natural dan jauh daripada gangguan manusia.

Pihak PERHILITAN harus mengambi! langkah-langkah yang lebih berkesan seperti mewujudkan kawasan perlindungan (sanctuary) di

tempat-tempat tertentu lagi membiakkan hidupan liar. Kawasan-kawasan seperti Taman Negara yang sedia ada sekarang ataupun hutan-hutan simpanan yang telah diwartakan itu boleh dijadikan kawasan perlindungan. Di sinilah perlu diperkuatkuasakan undang-undang supaya hidupan liar tidak diganggu oleh manusia.

Apa yang terjadi sekarang ialah seolah-olah pihak PERHILITAN tidak mempunyai perancangan yang menyeluruh selain dari memperkuatkuasakan peruntukan undang-undang bagi mencegah pihak yang memusnah hidupan liar. Adakah pihak PERHILITAN menganggap bahawa undang-undang itu yang paling penting dalam usaha melindungi kehidupan liar kita? Tidakkah faktor-faktor lain seperti mewujudkan kawasan-kawasan ecology yang sesuai bagi hidupan liar itu lebih berkesan lagi daripada mengenakan hukuman atau penalti terhadap pihak yang melanggar undang-undang?

Saya amat khuatir bahawa sekiranya pihak PERHILITAN tidak mempunyai perancangan yang baik maka hidupan liar kita akan berkurangan, malahan sebilangan daripadanya akan pupus. Tidak ada gunanya jika PERHILITAN mengharapkan penduduk-penduduk di pinggiran hutan berdiam diri sekiranya hidupan liar seperti monyet, babi hutan, ular sawa, musang dan lain-lain memusnahkan tanaman atau ternakan mereka. Binatang-binatang buas yang membinasakan tanaman dan ternakan manusia harus disekat daripada menjadi ancaman. Sekiranya perlu binatang-binatang ini mestilah dimusnahkan daripada kawasan yang berhampiran dengan kampung-kampung manusia ataupun di pinggiran hutan. Kalau tidak, gangguan-gangguan dari hidupan liar yang merbahaya boleh menyebabkan kematian manusia ataupun

kecederaan akibat serangan. Banyak laporan berkenaan dengan kejadian-kejadian tersebut dibuat oleh akhbar-akhbar kita.

Tahun lalu sekumpulan gajah telah merayau-rayau di kawasan pinggir-pinggir kampung di Perak dan Pahang. Terdapat juga seekor harimau yang membaham ternakan seperti lembu dan kerbau di daerah Kuala Pilah, Negeri Sembilan. Dalam bulan November tahun ini puia suratkhbar telah melaporkan seorang petani terbunuh akibat diserang oleh gajah liar di Kampung Bagan, Naka, di daerah Padang Terap. Beberapa bulan terdahulu daripada itu seorang lelaki di daerah Baling juga terbunuh akibat serangan gajah liar. Begitu juga kejadian-kejadian di tempat-tempat lain di mana manusia terancam akibat pertembungan dengan hidupan liar.

Pihak PERHILITAN mungkin tidak memandang berat atas hal ini. Mungkin alasan diberi bahawa PERHILITAN tidak mungkin dapat mengawal pertembungan manusia dengan hidupan liar terutama di kawasan-kawasan bersempadan dengan hutan besar. Tetapi kadangkala punca-punca pertembungan tersebut adalah disebabkan oleh kurang kawalan. Di kawasan Padang Terap umpamanya, orang-orang kampung sentiasa bertembung dengan gajah-gajah liar di tengah jalan. Kerap kali gajah-gajah ini memusnahkan tanaman-tanaman mereka. Malahan kebun-kebun tebu kepunyaan Syarikat Gula Padang Terap sentiasa dimusnah oleh gajah-gajah liar. Mengikut cerita penduduk-penduduk tempatan, gajah-gajah yang merayau-rayau di tepi-tepi kampung mereka terlalu banyak hingga menakutkan. Perkara ini telah dimaklumkan kepada PERHILITAN tetapi nampaknya gajah-gajah tersebut masih kelihatan merayau-rayau di pinggir-pinggir kampung dan ladang-ladang tebu. Keadaan sebegini tidak harus berlaku sekiranya pihak

PERHILITAN mempunyai satu program yang baik untuk melindungi dan mengurus hidupan liar. Saya percaya pihak PERHILITAN lebih maklum bahawa negara-negara jiran adalah lebih maju dalam bidang perlindungan hidupan liar mereka.

Di India umpamanya terdapat tidak kurang dari 12 kawasan perlindungan hidupan liar yang dipanggil sebagai National Park. Di Bangladesh pun terdapat tiga kawasan simpanan di kawasan Sundarban. Di Nepal pun sama iaitu di Chitwan, Karnali dan Sukhla Pantha.

Thailand mempunyai satu National Park yang besar iaitu di Khao Yai dan enam kawasan simpanan yang lain untuk hidupan liar mereka. Begitu juga Indonesia yang mempunyai tiga kawasan simpanan.

Maiaysia sendiri mempunyai Taman Negara dan hutan simpanan di Krau, Pahang. Tetapi nampaknya keadaan di Taman Negara kita jauh bezanya jika dibandingkan dengan National Park di negara-negara lain dari segi program dan juga cara urusannya. Mungkin pihak PERHILITAN harus berusaha bagaimana Taman Negara kita dapat dipertingkatkan supaya pengurusan hidupan liar dapat dibuat secara lebih teratur. Sekiranya kawasan di Taman Negara sekarang tidak mencukupi maka kawasan rimba Endau/Rompin adalah juga sesuai untuk hidupan liar. Tidak ada faedahnya bagi PERHILITAN mengharapakan peruntukan undang-undang bagi mencegah aktiviti buruan hidupan liar secara haram sekiranya usaha-usaha positif tidak diambil untuk menyediakan kawasan-kawasan perlindungan yang teratur dan sesuai untuk pembiakan hidupan liar seperti gajah, seladang, harimau, badak, rusa, kijang, burung-burung dan sebagai. Kemungkinan juga PERHILITAN boleh mendapat bantuan teknik dan penyelidikan daripada World Wild Life Fund ke

arah penubuhan hutan-hutan simpanan yang lebih teratur dan sesuai dengan keperluan ekologi kita. Di samping itu, PERHILITAN juga harus membuat kajiannya sendiri dalam hal-hal yang sama.

Sekian sahaja, Tuan Pengerusi, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Ahli Yang Berhormat dari Arau.

*5.01 ptg.*

**Tuan Shahidan bin Kassim (Arau):** Tuan Pengerusi, saya ucap terima kasih kerana inilah kali pertama saya dapat bercakap di bawah Committee Stage, dengan izin, walaupun telah banyak kali saya bangun.

Tuan Pengerusi, mula-mula saya hendak sentuh fasal Maksud Bekalan B. 46 di bawah 020000 Alam Sekitar. Saya hendak tuju kepada Yang Berhormat Menteri. Kementerian ini ialah Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar. Saya percaya Yang Berhormat Menteri setuju dengan saya bahawa Kementerian ini kurang popular kalau dibandingkan dengan Kementerian-kementerian lain.

**Tuan Pengerusi:** Dia tidak setuju.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Dia tidak setuju?

**Tuan Pengerusi:** Ya.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Tetapi ini hakikat, Tuan Pengerusi, tidak popular kalau dibandingkan dengan Kementerian-kementerian lain. Tetapi Yang Berhormat Menteri harus faham bahawa Kementerian ini kalau dilihat dari segi kepentingan, saya lihat banyak perkara-perkara yang penting daripada Kementerian-kementerian lain. Jadi, inilah tugas utama ahli-ahli politik, Yang Berhormat Menteri, Timbalan Menteri dan Setiausaha di Kementerian yang berkenaan untuk memastikan penonjolan Kementerian ini dalam usaha kita untuk menjalankan tugas-tugas yang

telah ditetapkan, Alam Sekitar, 020000 di bawah Kementerian yang berkenaan.

Kita dapati sekarang ini kita menghadapi masalah alam sekitar. Yang Berhormat tahu, rakyat tahu, saya tahu, Tuan Pengerusi pun tahu, tidak payah kita pergi jauh. Kita pergi dekat sini pun kita nampak. Kita menghadapi masalah alam sekitar. Masalah orang yang mengotorkan alam sekitar, masalah faktori-faktori yang mengotorkan alam sekitar, masalah kilang-kilang yang mengotorkan alam sekitar. Tetapi penguatkuasaan, saya berkata ini sebab berdasarkan saya sebagai Ahli Parlimen yang praktikal. dengan izin, kalau dibandingkan dengan kawan-kawan lain. Saya hendak tunjuk sekejap lagi.

Tuan Pengerusi, saya terpaksa sebut di sini, tetapi janganlah pergi cek selepas ini. Saya mempunyai satu perusahaan yang mana saya rasa boleh mengotorkan alam sekitar. Tetapi pihak alam sekitar cuma denda \$500. Dia tidak mengambil usaha untuk menutup perusahaan tersebut atau memberi amaran kepada pengusaha yang berkenaan supaya tidak bertindak untuk mengotorkan alam sekitar. Tujuan saya bukan untuk memberi lest ataupun percubaan supaya mereka ini bertindak tegas, tidak. Tetapi saya hendak lihat sejauh mana mereka ini bertindak tegas. Kalau hendak denda \$500, saya rasa semua pengusaha-pengusaha tidak takut menghadapi masalah \$500 setahun. Semua orang boleh berbuat demikian. Tetapi kita mesti menjalankan kuatkuasa undang-undang sampai ke peringkat boleh menutup, sehingga mereka memastikan bahawa tidak ada perkara-perkara yang boleh mengotorkan alam sekitar. Ini saya hendak tunjukkan betapa pentingnya penguatkuasaan di pihak

Kementerian, di pihak Menteri supaya lebih tegas menjalankan kuasa-kuasa. Penonjolan Kementerian cukup penting, sebab Kementerian ini yang akan menentukan bahawa bukan kesihatan sahaja supaya kita sihat, supaya alam sekitar kita sentiasa memuaskan. Itu saya berharap kepada Yang Berhormat Menteri, supaya perkara ini diberi perhatian.

Saya tahu bahawa pegawai-pegawai Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar sentiasa bergerak di sana sini tetapi kalau penguatkuasaan dalam bentuk denda \$500 ini, saya ingat pengusaha-pengusaha tidak endah, tetapi mesti dalam bentuk yang boleh menahan, yang boleh mengeluarkan injunction, dengan izin, supaya mereka memberhentikan perusahaan tersebut sehingga mereka pastikan bahawa mereka tidak mendatangkan mudarat kepada keadaan alam sekitar. Saya beri contoh yang kecil. Sebagai contoh, kilang padi. Tuan Pengerusi tahu, banyak perkara-perkara macam ini di Kedah, Perlis dan sebagainya, \$500 setahun. Saya ingat pengusaha, \$500 ini dia kata lekat celah gigi sahaja. Ini perkara kecillah, ini tidak termasuk masalah-masalah pembuangan sisa-sisa kimia yang lebih berat daripada itu. Ini masalah pembuangan sekam sahaja saya timbulkan ini yang mana tidak ada tindakan tegas diambil.

Di samping tindakan tegas, Kementerian ini harus juga memikirkan tempat pembuangan. Jangan kita mengambil tindakan tegas menutup, lepas itu kita tidak fikirkan jalan keluar di mana tempat pembuangan yang selamat yang membolehkan pengusaha-pengusaha itu untuk membuang sisa-sisa bahan pengeluaran mereka. Sebagai contohnya sekarang ini di seluruh Malaysia, bukan sahaja di Kedah dan Perlis, kilang-kilang padi termasuk LPN, termasuk Menteri Pertanian sekarang ini menghadapi masalah pembuangan sekam-sekam.

Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar mengambil tindakan supaya kilang-kilang ini menyediakan rumah sekam. Sekam ini hendak buang di mana? Yang Berhormat Menteri tolong beritahu pada saya. Hendak buang di laut tidak boleh, hendak buang di tempat pembuangan sampah tidak boleh, hendak buang di mana? Akhirnya pengusaha-pengusaha kilang-kilang padi ini terpaksa membuang di tepi-tepi jalan, lagi mengotorkan alam sekitar. Adalah lebih baik kalau sekiranya dibenarkan mereka ini, LPN ataupun pengusaha-pengusaha sendiri membakar sekam-sekam tersebut. Tetapi kalau bakar, Kementerian berkenaan berkata, abu ini mengancam kesihatan. Jadi, yang mana satu kita hendak pakai?

Tadi, saya pun mengeluarkan kenyataan yang silap, saya kata Kementerian mesti bertindak tegas, menutup dan sebagainya. Kalau tutup, Bank Pertanian pula marah, pihak-pihak lain juga marah, fasal apa bayaran tidak boleh dibuat. Jadi, ini masalah dilema.

Yang Berhormat Menteri kata jaga alam sekitar, tetapi dia tidak beritahu tempat mana kita hendak selesaikan masalah alam sekitar. Majlis Bandaran tidak dihubungi tempat yang sesuai untuk pembuangan sekam. Ini mesti difikir, jangan pergi denda sahaja. sebab kalau buat macam itu, saya rasa seluruh LPN saya ingat Menteri Pertanian pun nanti naik berang ke mana hendak diletakkan sekam-sekam ini. Sila pergi ke Kedah, Perlis, Tanjung Karang ataupun Kelantan, Terengganu, pergi lihat. Sekarang ini sekam-sekam dibuang di tepi jalan. Lepas itu mereka bakar pula.

Ada berlaku satu kematangan jalanraya melibatkan tujuh orang mati. Menteri mesti bertanggungjawab kepada perkara ini. Yang berlaku di Perlis, saya lupa

dalam tahun berapa, tetapi melibatkan kemalangan tujuh orang meninggal dunia, kereta terbakar. Sebab sekam ini di senja hari apabila hujan turun, dia akan mengeluarkan asap dan kereta berlaku kemalangan kerana tidak nampak jalan. Fikir elok-elok. Bukan sahaja penguatkuasaan undang-undang, tetapi jalan keluar ke arah ini mesti difikir. Ini termasuklah perkara-perkara yang lain. Tetapi oleh kerana yang saya nampak tiap-tiap hari sebab ini dalam tugas saya sebagai ahli politik, saya lihat ini yang lebih penting. Di mana kita hendak letak sekam padi ini, tolong cerita pada saya, di mana? Majlis Bandaran tidak beri, LPN nasib baik ada kawasan yang luas, dia terpaksa hamburkan sekam. Tetapi apabila sampai ke musim Timur pada bulan Januari ini sekam-sekam ini akan mengancam orang ramai, budak-budak sekolah. Ada pengusaha-pengusaha oleh kerana di arah oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar ini supaya membina rumah sekam, dia buat rumah sekam kecil sahaja tetapi sebenarnya serombong untuk mengeluarkan sekam diluahkan ke tempat lain yang boleh dibakar. Jadi, ini merupakan mockery, dengan izin, orang kata membuat jenaka dengan Kementerian yang berkenaan.

Sekarang ini saya cadangkan kepada Kementerian, kita fikirkan jalan keluar di mana tempat yang khusus di samping tindakan undang-undang yang tegas yang dicadangkan oleh pihak Kementerian. Tajuknya ialah sekam, saya tidak mahu cakap banyak.

Yang keduanya ialah di bawah 030000 Perlindungan hidupan Liar dan Taman Negara. Maaf tadi kawan, saya sebut saya sebagai Ahli Parlimen yang praktikal. Tuan Pengerusi, saya terpaksa sebut ini sebab seronok cerita. Sebab sebelum saya bercakap ini saya telah pergi ke Taman Negara walaupun berat saya 220 paun tetapi

saya telah menjadi Ahli Parlimen yang pertama memanjat Gunung Tahan selama tujuh hari tujuh malam, sebab saya hendak bercakap tajuk ini walaupun saya diberikan cuma 10 minit, tetapi saya hendak tunjukkan kepada Menteri dan juga pegawai-pegawai yang saya rasa setengahnya tidak sampai lagi ke Gunung Tahan. Bukan senang hendak memanjat Yang Berhormat, susah, tujuh hari tujuh malam; lima hari memanjat, dua hari setengah turun. Apabila saya memanjat Gunung Tahan, melalui semua kem-kem Melantai, Siputeh, Tuku, Race, Padang dan akhirnya sampai ke puncak Gunung Tahan.

Saya lihat betapa pentingnya, itu sebab saya selalu memberi penekanan bahawa siapa yang sepatutnya menjaga Taman Negara ini—Kementerian Sains dan Teknologi ataupun Kementerian Pelancongan. Yang melawat di situ adalah pelancong-pelancong yang mengawalinya ialah Kementerian Sains dan Teknologi. Jadi sekarang ini kita lihat kita mahu tengok siapa.

Di samping kita hendak menjaga Taman Negara, kita hendak menjaga hidupan liar dan sebagainya, kita hendak pastikan bahawa perkara-perkara ini mendatangkan keuntungan kepada negara. Jadi dengan itu timbul persoalan di dalam kepala saya supaya perkara ini dikawal oleh Kementerian Pelancongan sebab ianya boleh menarik pelancong-pelancong, tetapi dalam masa yang sama kita kata bahawa hidupan liar dan juga tumbuh-tumbuhan serta kawasan Taman Negara ini perlu dijaga oleh Kementerian yang specialised dengan masalah-masalah hutan dan juga hidupan liar. Jadj sebenarnya soal siapa hendak jaga ini soal nombor dua sekarang, yang penting ialah kita pastikan bahawa Taman Negara ini dipertahankan.

Baru-baru ini, malah bukan baru-baru ini, 2-3 tahun yang lepas bahawa

Taman Negara di Pahang, satu di antara Taman Negara yang terbesar, ada pihak juruperunding Russia, kalau saya tidak silap, telah membuat kajian dan didapati kawasan itu sesuai untuk dijadikan kawasan hidro-elektrik dan saya telah membuat soalan tambahan tetapi malangnya soalan itu telah dimasukkan ke No. 25, tidak mungkin akan dijawab, tetapi saya cuma bercakap melalui inilah. Jadi, saya minta supaya Kementerian ini pertahankan, Menteri ini pertahankan, tonjolkan Kementerian ini sebagai Kementerian yang cukup penting untuk menjaga keseimbangan sebab Allah ini maha adil, Tuan Pengerusi, Dia mengadakan manusia, Dia mengadakan pokok-pokok, Dia mengadakan binatang-binatang untuk tujuan keseimbangan. Sebab kalau Dia mengadakan manusia tanpa pokok-pokok dan binatang, nanti manusia itu menjadi salah satu daripada yang Dia tidak adakan tadi. Itu sebab di kota-kota besar di New York dan sebagainya, oleh kerana tidak ada pokok-pokok, tidak ada binatang, jadi orang terpaksa menjadikan dirinya benda yang tidak ada tadi, tetapi bagi orang yang ada pokok, ada binatang, dia terdapat keseimbangan. Jadi pertahankanlah supaya perkara-perkara ini tidak pupus.

Saya tidak mahu sebutlah manusia ini jadi kera, manusia ini jadi pokok tetapi kalau tidak ada benda-benda yang macam ini, dia tidak seimbangan, itu sebab Allah maha adil. Tetapi manusia ini kadang-kadang ganas tangannya, tebang pokok-pokok, wujudkan pembangunan tanpa memikirkan soal-soal ini. Jadi timbul soatan tambahan fasal gajah dan sebagainya. Gajah mana yang tidak marah, kalau saya jadi macam itu pun, saya marah sebab tempat tidur saya diganggu, tempat saya mencari makan diganggu. Selepas itu cadang ditembak, diadakan pagar elektrik dan sebagainya. Ini cerita-cerita yang saya

rasa yang kita buat kita tidak memikirkan keseimbangan. Mungkin kita tidak memikirkan soal keseimbangan ini, mungkin Kementerian ini tidak memberi cadangan yang konkrit tidak mensyaratkan bahawa kalau sekiranya FELDA hendak buka kawasan baru, FELCRA baik, Kerajaan Negeri baik, mesti dirujuk kepada Kementerian ini. Kita tahu bahawa kuasa tanah, kuasa perhutanan ini terletak kepada Kerajaan Negeri, tetapi.....

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, masa Yang Berhormat sudah cukup.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Ini penting, Tuan Pengerusi, saya melawat Taman Negara, teruk, Tuan Pengerusi, satu bulan saya berada di sana. Bagi saya peluang seminit lagi.

**Tuan Pengerusi:** Seminit lagi.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Jadi Kementerian ini mesti pastikan bahawa kita mempunyai pejabat yang Kerajaan Negeri mesti rujuk, Kerajaan Persekutuan mesti rujuk apa-apa sahaja pembangunan yang berhubung dengan perhutanan. Saya tidak sebut binatang, kalau ada hutan adalah binatang, senang cerita begitu, supaya Kementerian ini dirujuk. Jadi dengan itu Kementerian ini dapat menonjolkan bahawa Kementerian ini penting. Kita tahu bahawa Kementerian ini ada juga soal-soal kita hendak membangunkan kuasa nuklear dan lain-lain lagi, cukup penting Kementerian ini tetapi saya hendak sentuh fasal Taman Negara dan hidupan liar tadi.

Sekarang ini saya minta Yang Berhormat Menteri supaya mulai daripada sekarang, mana-mana Taman Negara yang ada sekarang termasuk di Terengganu yang akan dicadangkan untuk diadakan hidro-elektrik itu dimansuhkan, dikeluarkan akta seumur hidup macam Soekarno boleh isytiharkan sebagai Presiden

seumur hidup, isytihar Taman Negara ini seumur hidup tidak boleh diganggu, tidak boleh diganggu-gugat oleh mana-mana pihak. Kalau tidak, kita teruk sebab kita mengerjakan pembangunan yang bukan mendatangkan keuntungan kepada semua pihak, segelintir manusia sahaja, kita terlupe bahawa soal keseimbangan ini penting. Kita tidak mahu anak-anak kita yang dilahirkan dalam tahun 2000 nanti dia buka mata. dia tidak tahu apa dia pokok rambutan macam mana, yang dia tahu makan buah rambutan sahaja. Dia tidak tahu gajah macam mana dan dia tidak tahu benda ini macam mana, kalau tahu pun dia pergi ke Zoo. Ini perkara-perkara yang palsu tetapi yang ada di Taman Negara ini ialah perkara-perkara yang original, dengan izin, yang mana boleh kita nikmati keindahan alam. Tetapi, Tuan Pengerusi, saya mintalah Kementerian ini supaya beri perhatian.

Tiap-tiap bulan saya buat lawatan ke Taman Negara, saya lihat 95% daripada pelancong-pelancong yang pergi ke Taman Negara ialah orang-orang luar, orang-orang tempatan adalah 5%. itupun terdiri daripada orang-orang situ juga. pemandu-pemandu dan sebagainya dan 2-3 kelab-ketab. Jadi ini menunjukkan bahawa Kementerian ini di samping mengawal soal-soal hidupan liar dan Taman Negara ini perlu perkenalkan kepada penduduk-penduduk tempatan betapa pentingnya kita mempertahankan Taman Negara, betapa pentingnya kita mempertahankan alam sekitar, alam semulajadi ini, dengan itu semua pihak akan memberi sokongan. Jangan kita biarkan pihak-pihak tertentu, ada satu persatuan yang selalu "claim credit", dengan izin, yang kata merekalah yang memperjuangkan, yang mempertahankan Taman Negara ini dan sebagainya. Saya tidak mahu ada mana-mana pihak yang

mempergunakan isu ini. Sebenarnya yang mempertahankan Taman Negara, yang mempertahankan alam sekitar dan seumpamanya ini ialah rakyat Malaysia secara keseluruhannya yang dipelopori oleh Yang Berhormat Menteri dan Kementerian yang berkenaan termasuk Tuan Pengerusi.

Terima kasih, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat dari Maran.

*5.18ptg.*

**Tuan Haji Mohamad bin Abdullah (Maran);** Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada Maksud Bekalan B. 46, Butiran 030000 iaitu Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara.

Sebagaimana kita maklum bahawa di Malaysia ini kita ada lebih kurang 250 jenis binatang-binatang, 600 jenis burung-burung dan 1000 jenis rama-rama. Hanya saya hendak memperkatakan di sini ialah satu jenis binatang iaitu berhubung dengan gajah. Apabila kita menyebut gajah, saya suka merujuk kepada Anggaran Belanjawan, Program dan Prestasi 1988, muka surat 89 iaitu pecahan daripada Program Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara, menyebutkan bahawa aktiviti Unit Pengurusan Gajah, tujuan untuk melindungi gajah dari bahaya kepupusan dan membantu menyelamatkan tanaman dari dimusnahkan oleh gajah.

Jadi apabila kita melihat di sini bahawa Aktiviti Pengurusan Gajah ini ada dua: pertama, melindungi gajah dari bahaya kepupusan; yang kedua, membantu petani-petani menyelamatkan tanaman mereka dari dimusnahkan oleh gajah. Apabila pembangunan telah dijalankan dengan begitu pesat, maka banyak di antara binatang-binatang ini yang telah kehilangan tempat kediaman. Jadi

dalam usaha ini perlulah kita memindahkan ataupun menempatkan binatang-binatang yang terlibat ini kepada tempat-tempat yang tertentu dan selamat. Tetapi malangnya, apabila gajah ini tidak ada tempat perlindungan, dia tidak pergi sendiri ke tempat mana yang patut dia diam ataupun dia duduk, hanya mereka pergi ke tempat yang lebih berhampiran daripada tempat asal. Maka terlibatlah kepada kampung-kampung lama yang mana petani-petani tersebut hanya mendapatkan pendapatan mereka daripada kebun-kebun mereka yang tidak begitu luas. Tetapi bagi gajah untuk memusnahkan 10 ekar tanah tanaman kelapa sawit, ataupun satu ekar tanaman pisang hanya dalam satu malam atau sekelip mata sahaja. Jadi perlu Kementerian ini mengambil tindakan segera dan tegas untuk memindahkan gajah-gajah berkenaan.

Saya merujuk perkara ini di negeri Pahang sendiri dan kawasan saya sendiri iaitu Maran. Di Pahang tidak kurang daripada 200 ekor gajah liar yang bukan di Taman Negara sahaja, ini diluar daripada kawasan Taman Negara. Gajah-gajah ini di kawasan saya tidak kurang daripada 40 ekor yang sentiasa mengganggu penduduk-penduduk di kampung-kampung lama dan memusnahkan tanaman mereka. Saya mengharapkan supaya Kementerian ini mengambil tindakan yang segera kerana kalau dibiarkan berlarutan sudah barang tentu akan menyusahkan orang-orang kampung kerana gajah-gajah ini akan memusnahkan tanaman-tanaman mereka. Juga gajah-gajah ini bukan sahaja memusnahkan tanaman orang-orang kampung lama, tetapi memusnahkan tanaman kelapa sawit di rancangan-rancangan tanah dianggarkan kerugiannya berjuta-juta ringgit.

Saya kira bagi memindahkan gajah-gajah ini belanjanya tidak begitu

banyak tetapi barang-barang yang telah dimusnahkan oleh gajah-gajah bernilai berjuta-juta ringgit. Saya harap supaya Kementerian ini memberikan peruntukan yang banyak bagi memindahkan gajah-gajah tersebut, kalau tidak terpaksa mencari jalan bekerjasama dengan Kementerian-kementerian lain supaya dapat peruntukan bagi usaha memindahkan gajah-gajah ini.

Sekarang ini pemindahan gajah di Terengganu dan di Perak sedang diusahakan. Di antara denak-denak yang digunakan ialah gajah yang dipelihara di Pusat Perhilitan Temerloh, namanya Cek Mek dan Bahodor. Saya tidak tahu mengapa di Terengganu dan di Perak dilaksanakan pemindahan ini terlebih awal sedangkan di Pahang, denak-denak ini telah ada. Sepatutnya Kementerian yang berkenaan mestilah mengutamakan di mana denak gajah itu ada, sebab tidak jauh gajah liar daripada denak yang kita ada. Saya harap supaya Kementerian ini mengambil tindakan segera untuk memindahkan gajah-gajah di negeri Pahang terutamanya di Marari. Saya menjawab kepada mereka di sana, saya kata, "akan datang, kalau hendak cepat, kena jumpalah Menteri yang berkenaan sebab saya sudah sentiasa bercakap hal ini". Saya bimbang nanti seluruh orang-orang kampung ini datang ke Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar. Jadi itu yang saya pesankan.

Masalah yang kedua, saya ingin merujuk kepada Butiran 00300 Zoo Negara. Zoo Negara kita memang sudah diketahui kawasannya tidak boleh diperluaskan lagi kerana Zoo ini terletak di kawasan bandar. Tetapi walau bagaimanapun, kedapatan, kalau tidak silap saya, beberapa ekor jenis binatang hidupan yang memerlukan kepada bapa angkat. Ini bererti banyak di antara binatang-binatang ini yang telah kurang mendapat perhatian ataupun tidak

mendapat makanan yang sempurna. Sebab itulah kita memerlukan kepada bapa-bapa angkat untuk memberi sedikit sebanyak peruntukan bagi memelihara binatang-binatang ini.

Dalam hal ini, suka saya menyarankan supaya Kementerian ini bekerja lebih gigih lagi, berjumpa dengan syarikat-syarikat kewangan yang mempunyai keuntungan yang banyak, agensi-agensi tertentu, supaya kita berterus teranglah supaya mereka ini dapat juga memperuntukkan sedikit sebanyak daripada kewangan mereka bagi menolong membantu binatang-binatang yang ada di Zoo Negara.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat dari Pontian. Minta jangan panjang sangat, selepas itu saya hendak minta Menteri menjawab.

5.25 *ptg.*

**Tuan Law Lai Heng (Pontian)** Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh beberapa perkara berkaitan alam sekitar. Saya merujuk kepada mukasurat 205, Butiran 020000—Alam Sekitar dan mukasurat 206, Butiran 00500—Kawalan Alam Sekitar.

Tuan Pengerusi, seperti mana rakan-rakan saya telah mengutarakan sebentar tadi, saya akan membawa perkara yang berlainan sedikit iaitu berkaitan dengan pencemaran di perairan antarabangsa kita iaitu Malaysia, Indonesia dan Republik Singapura di mana saya difahamkan bahawa Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar ada satu Pasukan Kapal yang dapat menyelamatkan dan membersihkan jika berlaku satu-satu kebakaran atau kebocoran minyak dari kapal-kapal yang berkenaan. Ini boleh dikatakan baik, tetapi akibat yang berlaku iaitu masih di perairan Selat Melaka dan Selat Teberau sentiasa berlaku, kerana banyak kapal-kapal yang melalui Selat Melaka

dan ada setengah-setengah kapal itu telah membuang sampah sarap dan juga sampah-sampah kekotoran itu telah dibawa ombak sampai ke pantai. Maka timbullah masalah siapa yang akan membersihkan pantai yang telah dikotorkan oleh bahan-bahan yang dibuang oleh kapal-kapal yang tertentu kerana ini kebetulan dan saya akan buktikan bahawa di kawasan pelabuhan Singapura, apabila saya dapat melawat, saya lihat kawasan Republik itu bersih tetapi apabila sampai ke Selat Teberau dan Selat Melaka, di kawasan Perairan Malaysia, airnya boleh dikatakan tercemar. Inilah saya fikir kecekapan (efficiency) ini patut dipertingkatkan lagi.

Saya difahamkan, sunguhpun kita ada Pasukan-pasukan Petugas, tetapi apabila sampai ke pantai atau sebelum sampai ke pantai, siapa yang akan membersihkan kekotoran itu kerana pencemaran itu akan mengancam kehidupan laut dan juga akan menyusahkan nelayan-nelayan pantai sepanjang pantai barat di negeri Johor.

Saya mengesyorkan kepada Kementrian yang berkenaan, selain daripada kita ada Pasukan Kapal-kapal itu, saya berharap sangat satu peruntukan mesti diberi kepada Pegawai-pegawai Daerah di pantai-pantai barat seperti Muar, Batu Pahat, khasnya Pontian dan Johor Bahru kerana keadaan Pontian ini betul-betul di antara Republik Singapura, Republik Indonesia dengan negara Malaysia kita ini.

Saya berharap sangat supaya menjaga kepentingan nelayan pantai dan juga penternak-penternak ikan di sepanjang pantai yang ada khasnya di kawasan saya. Saya fikir satu peruntukan khas kerana diperingkat Kerajaan Negeri Johor tidak ada peruntukan dan juga peruntukan tidak diberikan kepada Jabatan Pengawal

Alam Sekitar Negeri Johor. Di sini saya menyeru sangat kerana kepentingan untuk semua, saya berharap sangat Kementerian dapat memberikan peruntukan khas kepada Pegawai Daerah. Apabila mendapat aduan daripada nelayan atau sesiapa, ada peruntukan itu untuk diberikan dan juga dapat membersihkan kawasan-kawasan yang telah dicemar kerana ada kekotoran itu.

Saya tidak ragu, dari segi penguatkuasaan itu memang sedia ada. Kalau mengikut peraturan-peraturan yang sedia ada ini, cukup kuat. Tetapi setelah didenda, apakah yang berlaku kepada kawasan-kawasan yang telah dicemarkan itu? Inilah yang menimbulkan satu pandangan yang berlainan. Saya berharap sangat Kementerian yang berkenaan ini mesti mengambil berat. Jangan dapat aduan, kita hantar Pasukan menyiasat, dan kita kata, bolehlah selesai dalam seminggu dua ini. Tetapi setahu saya, sepanjang tahun, bila-bila masa, kerana Selat Melaka ini banyak kapal international yang lalu di sana dan juga ada kapal-kapal yang dibaiki di Republik Singapura. Sebelum diperbaiki itu, dia labuhkan kapal itu di kawasan perairan kita dan mereka itu juga membuang sampah-sampah. Kekotoran itu akan dibawa ombak sampai ke pantai kita juga.

Inilah saya fikir, Tuan Pengerusi, Kementerian kita dengan Kementerian Singapura itu ada perjanjian, ada perundingan tahunan. Saya berharap perkara ini dapat ditimbulkan antara rakan-rakan di Singapura dan juga di Indonesia kerana ini berkaitan semua.

Selain daripada itu, Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh satu perkara yang berlainan iaitu Jabatan Kimia, muka surat 207, Butiran 010000 Pentadbiran.

Tuan Pengerusi, Jabatan Kimia ini di mana saya ditahamkan boleh dikatakan memainkan peranan yang agak penting dan setahu saya banyak perkara-perkara yang wujud. Misalnya, kalau ada kebakaran siasatan itu bergantung kepada Jabatan Kimia, apa keputusan, apa sebabnya berlaku sesuatu kebakaran itu. Kalau ada kes bunuh, kalau ada kes tembak, peluru itu dihantarkan kepada Jabatan Kimia untuk diuji siapa yang mempunyainya.

Saya difahamkan, khasnya di negeri Johor bangunan Jabatan Kimia yang sedia ada sudah tidak sesuai lagi, tidak cukup, luas kawasan pun tidak cukup. Saya memerhatikan alat-alat itu, kalau hendak dikatakan sains dan teknologi ini, saya fikir alat-alat itu sudah beberapa tahun ketinggalan zaman. Oleh sebab itu, saya mengesyorkan kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan mengambil perhatian berat supaya Jabatan Kimia bukan di negeri Johor sahaja, di mana-mana Jabatan Kimia pun mesti dipertingkatkan dan diperalatkan dengan alat-alat yang moden supaya pegawai-pegawai yang berkhidmat di Jabatan itu dapat mempercepatkan kajian mereka itu. Kerana setahu saya kalau kita mengadakan mengenai satu-satu sungai itu. Katalah sungai itu telah dicemarkan, Jabatan Alam Sekitar sendiri mengambil air sungai itu dan air itu diserahkan untuk diuji. Inilah satu Kementerian kita sendiri pun ada dua Jabatan yang dia hendak bagi kerja ini. Jadi, saya memerhatikan ini sangat berat. Saya berseru kepada Kementerian yang berkenaan tolong berikan apa yang boleh bagi melengkapkan Jabatan Kimia supaya pegawai-pegawainya dapat mempercepatkan urusan serta ujian mereka dan sebagainya dan memberikan bantuan.

Jabatan Bekalan Air juga ada berkaitan. Air itu dihantar kepada Jabatan Kimia untuk diuji sama ada sesuai atau tidak untuk diminum.

Kementerian Kesihatan juga hantar bahan-bahan kepada mereka.

Tuan Pengerusi, saya fikir dengan ini saya menyokong peruntukan, sungguhpun ada yang sudah dikurangkan tetapi saya berharap di mana yang kami sudah sampaikan hujah-hujah mengingatkan hendak menaikkan imej Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar supaya semua rakyat sedar Kementerian ini ada memainkan peranan yang penting dalam negara kita ini.

Saya menyokong peruntukan ini, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormnt Menteri. sila jawab.

5.34 *ptg.*

**Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Datuk Amar Stephen Yong Kuet Tze):** Tuan Pengerusi, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menunjukkan minat serta mengemukakan cadangan-cadangan yang "constructive".

Izinkan saya untuk mengambil kesempatan ini bagi menegaskan bahawa salah satu daripada tugas-tugas utama Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar ialah perlindungan alam sekeliling. Dengan ringkasnya adalah menjadi hasrat Kerajaan untuk menentukan pertindungan ke atas alam sekitar yang sempurna, di samping menerima hakikat bahawa negara kita perlu pmbangunan industri serta pembukaan tanah untuk memperluaskan lagi pertanian supaya dapat membaiki kcadaan ekonomi ncgara dan kehidupan rakyat.

Dalam pada itu, kita mesti menentukan bahawa kita tidak menyebabkan kesan-kesan buruk ke atas kualiti hidup kita. Dalam usaha tersebut, kita hendaklah menentukan bahawa kita ttdak membazirkan

sumber alam semula jadi negara kini. Namun demikian, kita memperjuangkan prinsip pembangunan yang dirancang dan berterusan, dengan izin, "the pnciple of palned and sustainable development" supaya imbalan yang wajar dikekulkan di antara usaha pembangunan dan perlindungan alam semula jadi.

Ahli Yang Berhormat ctari Gopeng menyentuh perkara bunga pakma (*rafflesia*) yang wujud di Ulu Groh, Perak. Bunga ini sebenarnya tidak mempunyai nilai komersial dan tidak ada perdagangan untuknya. Buat masa ini bunga ini tidak terancam. Bunga itu dipercayai berbau busuk dan tidak digemari ramai. Maka tidak ada apa-apa rancangan untuk mcindungi bunga itu. Di smi saya menegaskan spesies ini ada di Taman Negara dan akan dipelihara.

Tentang tuntung, ini ialah satu perkara di bawah tanggungjawab Kerajaan Negeri Perak di bawah Enakmen Kerajaan Negeri. Pandangan Ahli Yang Berhormat akan menarik perhatian oleh pihak negeri yang tersebut.

Bagi pihak Jabatan Perhilitan pula, projek pembiakan tuntung telah dijalankan sejak tahun 1967 di Bota Kanan, Perak. Sebanyak lebih kurang 18,000 anak tuntung telah dilepaskan di Sungai Perak. Dengan usaha ini, saya berharap spesies ini tidak akan terpusus.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Gopeng, Gua Tempurung 'dan Kuala Gula telah dicadangkan untuk dijadikan sebagai rizab hidupan liar sejak beberapa tahun yang lalu. Hingga ke han ini pihak Jabatan Perhilitan masih berunding dengan pihak Kerajaan Negeri Perak untuk mewartakannya. Walaupun demikian, pihak Jabatan Perhilitan masih terus menjalankan aktiviti-aktiviti konservasi di kawasan tersebut.

Saya berterima kasih kepada Yang Berhormat dari Padang Terap yang telah membangkitkan perkara mengenai penyelidikan teknologi tinggi serta usaha-usaha mengenai kimia.

Saya suka memaklumkan bahawa usaha-usaha untuk meningkatkan keupayaan teknologi di peringkat kectl dan sederhana serta juga untuk perindustrian asas seperti disebutkan, teknologi tinggj termasuk teknologi kimia, usaha-usaha untuk mengatur langkah-langkah strategik bagi membantu Pelan Induk Industri atau, dengan izin, "Industrial Master Plan" sedang diatur dengan pesat oleh SIRIM. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di dalam tahun 1988 sebanyak \$5 juta adalah diperuntukan untuk penyelidikan di SIRIM supaya usaha-usaha perindustrian akan dapat dipesatkan lagi. Aktiviti-aktiviti yang melibatkan teknologi tinggi termasuklah teknologi plastik, kimia, seramik dan elektrik. Usaha-usaha untuk menambahkan tahap pendidikan di SIRIM adalah diatur dan usaha-usaha ini adalah termasuk:

- (i) Menubuhkan Jawatankuasa Penyelarasan Industri atau Industrial Co-ordination Committee, dengan izin.
- (ii) Melantikan ahli-ahli sains dari luar seperti universiti-universiti tempatan sebagai "Pellow", dengan izin
- (iii) Menambahkan usaha-usaha latihan ijazah lanjutan.

Mengenai alam sekitar yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Padang Terap, terutama pencemaran dari kenderaan, Kementerian saya sedar tentang masalah ini. Oleh itu satu peraturan baru akan digubal di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling (Pindaan) 1985 antara lain untuk mengawal dan menentukan jenis-jenis engin yang akan dibuat atau diimport ke negara

ini adalah bersih dan tidak mengeluarkan asap yang berlebihan. Langkah ini adalah perlu untuk memperkuatkan kawalan dan menguatkuasakan undang-undang yang ada sekarang iaitu Kaedah-kaedah Kawalan Asap dari Kenderaan Bermotor 1977. Soalan ini pun dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bandar Kuching.

Ahli Yang Berhormat dari Padang Terap juga membangkitkan soalan sama ada Jabatan PERHILITAN berhubung dengan Jabatan-jabatan lain dalam hal pembukaan tanah. Saya ingin menegaskan bahawa Jabatan PERHILITAN sedia memberi khidmat nasihat kepada agensi-agensi lain mengenai cara pembukaan hutan agar kekesanannya kemusnahan terhadap hidupan liar adalah minima. Namun demikian, terpolanglah kepada agensi-agensi tersebut untuk mengikut garis panduan yang diberikan oleh Jabatan PERHILITAN.

Mengenai penggunaan pagar elektrik untuk menghalang ancaman gajah dari merosakkan tanaman, sukaiah saya memaklumkan bahawa lazimnya pagar elektrik digunakan di ladang-ladang yang baru diterokai. Di samping itu juga, papan-tanda mengenai bahaya pagar elektrik juga dipasang dan diberikan kepada peneroka serta orang-orang kampung.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Sukaiah saya memberitahu bahawa setakat ini, Kementerian tidaklah menerima apa-apa aduan (report) mengenai penggunaan pagar elektrik dan tidak ada kes-kes peneroka atau orang ramai yang cedera dengan adanya pagar elektrik ini.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Bandar Kuching menyentuh kawalan bunyi bising oleh kenderaan bermotor. Di sini saya ingin menegaskan bahawa satu

peraturan iaitu Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Bunyi Bising Kenderaan Bermotor) 1987, telah dikuatkuasakan mulai 16hb Julai tahun ini. Peraturan ini menetapkan paras bunyi maksima yang dibenar dilepaskan oleh motosikal, kereta, van, bas dan lori, Walaupun begitu, kenderaan yang dipasang ataupun dikilang sebelum 1hb Januari, 1970 dan kenderaan yang digunakan bagi perlumbaan yang diluluskan adalah terkecuali dari kehendak-kehendak peraturan ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Bandar Kuching, tentang pengurusan sisa-sisa toksid yang berbahaya, satu peraturan sedang digubal untuk mengawal pembuangan sisa-sisa tersebut secara "comprehensive" dan dijangka akan dikuatkuasakan pada tahun depan. Untuk membantu pelaksanaan peraturan-peraturan sisa-sisa toksid yang berbahaya itu, satu kajian kemungkinan sedang dijalankan bagi mengenalpasti kemudahan-kemudahan perolahan dan pelupusan yang sesuai bagi sisa-sisa berbahaya yang terdapat di negara ini.

Ahli Yang Berhormat dari Bandar Kuching juga membangkitkan perkara mengenai laporan kajian pembaikan Lembah Klang. Laporan ini akan terlebih dahulu dikemukakan kepada Majlis Lembah Klang untuk kelulusan sebelum ianya dapat diumumkan.

Ahli Yang Berhormat itu di dalam menggulung ucapannya membaca satu bab dari percakapan Confucius. Dia pandai baca tetapi rasa saya beliau tidak faham bab itu oleh kerana sepatutnya percakapan itu ataupun nasihat itu diberi kepada parti mereka oleh sebab bab ini maksudnya "Jangan jalankan sikap ekstrim". Jadi saya rasa ini sesuai diberi kepada parti Ahli Yang Berhormat.

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Pontian yang menyentuh Jabatan Kimia di Johor Bahru. Di sini saya ingin menegaskan bahawa peruntukan telah pun diuntukkan, sebanyak \$1,500,000 untuk alat-alat kelengkapan yang moden dan "sophisticated", dan kerja-kerja bangunan tambahan akan mula pada bulan Disember, 1987 ini.

Berkenaan laporan analisa yang lewat disediakan, ingin saya memaklumkan bahawa laporan-laporan itu adalah untuk kegunaan mahkamah dan justeru itu, laporan-laporan tersebut mestilah tepat dan "credible", oleh kerana nyawa atau kebebasan seseorang yang tertuduh adalah bergantung kepada keputusan analisa pegawai kimia. Ini perlu dilakukan di bawah Seksyen 399 Kanun Acara Jenayah atau Criminal Procedure Code.

Pandangan Ahli Yang Berhormat dari Pontian dan syor-syor yang diberikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain itu saya terima. Kementerian saya akan mengambil perhatian dengan sepenuhnya dan beberapa program serta kerjasama mengenai Selat Melaka antara tiga negara, Indonesia, Malaysia dan Singapura telah pun diwujudkan semenjak 1977, dan terus dilaksanakan hingga masa ini.

Program kerjasama mengenai pencemaran di Selat Tebrau juga telah dijalankan antara Malaysia dan Singapura.

Mengenai soalan membersihkan kekotoran yang sampai ke pantai, saya setuju dengan pendapat Ahli Yang Berhormat dari Pontian supaya satu peruntukan diberi kepada Pejabat-pejabat Daerah berkenaan bagi membersihkan pantai masing-masing.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa

wang sejumlah \$37,077,600 untuk Maksud B. 46; \$9,338,000 untuk Maksud B. 47 dan \$17,317,700 untuk Maksud B. 48 di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$37,077, 600 untuk Maksud B. 46; \$9,338,000 untuk Maksud B. 47 dan \$17,317,000 untuk Maksud B. 48 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$18,667,400 yang disebutkan dalam Maksud P. 46; \$1,110,000 untuk Maksud P. 47 dan \$4,587,000 untuk Maksud P. 48 dalam Anggaran Pembangunan, 1988 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$18,667,400 untuk Maksud P. 46; \$1,110,000 untuk Maksud P. 47 dan \$4,587,000 untuk Maksud P. 48 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1988.

*Maksud B. 49 dan B. 50 (Jadual)—*

*Maksud P. 49 dan P. 50 (Anggaran Pembangunan 1988)—*

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Ahli-ahli Yang Berhormat, Kepala Bekalan B. 49 dan B. 50 dan Kepala Pembangunan P. 49 dan P. 50 di bawah Kementerian Pengangkutan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat dari Bukit Bintang.

5.57 ptg.

**Tuan Lee Lam Thye (Bukit Bintang):** Tuan Pengerusi, yang pertamanya saya ingin merujuk kepada muka surat 217 Maksud

Pembangunan P. 49, Butiran 00800—Pembaharuan Landasan untuk Keretapi.

Tuan Pengerusi, saya mendapati daripada Anggaran Pembangunan tahun 1988 bagi Kementerian Pengangkutan yang menerima peruntukan berjumlah \$160.7 juta dan dari jumlah itu sebanyak \$96.7 juta telah diperuntukkan bagi perbelanjaan KTM.

Saya perlu menyatakan di sini bahawa jumlah ini memang tidak mencukupi bagi pembangunan KTM, terutamanya untuk pembaikan ataupun pembaharuan landasan keretapi yang begitu penting bagi memastikan keselamatan perkhidmatan rel di negara kita.

Saya juga mendapati bahawa selain daripada pembelian 10 unit rel bas dalam Butiran 00200 dan 26 lokomotif baru, kini terdapat hanya satu peruntukan yang berjumlah \$73.8 juta untuk pembaharuan landasan dalam bentuk pinjaman daripada Perbendaharaan dan ini tidak boleh dibelanjakan tanpa kelulusan Perbendaharaan.

Saya ingin menggunakan kesempatan ini untuk menyeru Perbendaharaan supaya jangan memberi layanan yang sambil lewa kepada KTM, tetapi untuk memberikan lebih banyak peruntukan bagi pembaikan dan pembaharuan landasan keretapi dan pembelian lebih banyak coach bagi membolehkan KTM memberi perkhidmatan yang lebih baik, selamat kepada orang ramai.

Daripada jawapan yang diberi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan pada 25hb November, Dewan yang raulia ini diberitahu bahawa sejak tahun 1981 sehingga baru-baru ini telah berlaku 556 kejadian kegelinciran atas beberapa sebab. Semalam satu lagi kegelinciran berlaku dekat Kajang dan

mengakibatkan lebih kurang 1,000 orang penumpang KTM dari selatan ke utara tergendala dekat Seremban.

Saya ingin menitikberatkan di sini mengenai masalah tentang kecacatan landasan. Yang sebenarnya Yang Berhormat Timbalan Menteri pun ada menyebut perkara ini dalam Soal-Jawab dua hari yang lalu kerana saya berpendapat bahawa sekiranya masalah ini tidak dapat di atasi dengan pemberian lebih banyak peruntukan daripada Perbendaharaan, maka saya nampak masalah kegelinciran rel ini akan berlaku pada masa depan.

Seramai 7 juta orang yang bergerak menggunakan keretapi setiap tahun perlu diberikan jaminan bahawa mereka akan terselamat dan merasa selesa apabila menggunakan keretapi dan setiap langkah pencegahan mestilah diambil untuk mengurangkan bahaya kegelinciran. Trajedi kegelinciran rel di Sengkang yang berlaku dalam bulan Februari, tahun ini yang mana 4 orang terbunuh dan 32 orang lagi cedera jelas menunjukkan betapa pentingnya pembaikan dan peningkatan landasan. Lebih banyak wang diperlukan untuk membina semula landasan keretapi, terutamanya dua bahagian landasan iaitu bahagian di antara Paloh ke Singapura dan Slim River ke Seremban. Dalam hubungan ini saya menyeru Perbendaharaan untuk memenuhi permintaan KTM untuk mendapatkan \$180 juta lagi di bawah Rancangan Malaysia Kelima bagi membina semula dua bahagian landasan itu. Landasan yang ada sekarang panjangnya 1,667 km di seluruh Semenanjung Malaysia tetapi setakat ini hanya lebih kurang 1,000 km rel atau landasan ini telah dibina semula atau diperkuatkan.

Tuan Pengerusi, sekarang izinkan saya merujuk kepada mukasurat 216, Butiran 040200 mengenai Pendaftaran dan Pclesnan Kenderaan dan juga 040400 Pengujian dan Pelesenan

Pemandu. Berhubung dengan perkara pemeriksaan kenderaan, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk membangkitkan perkara tentang pemeriksaan kenderaan berkomputer yang telah diluluskan oleh Kabinet dua tahun yang lalu.

Saya difahamkan bahawa ada rancangan untuk menswastakan pemeriksaan kenderaan berkomputer.

Yang sebenarnya saya difahamkan juga bahawa beberapa syarikat telah menyampaikan cadangan mereka untuk melaksanakannya, malangnya sehingga ke hari ini kita tidak mengetahui apakah sudah berlaku kepada cadangan berkomputer ini. Diharap bahawa Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan dapat memberikan penjelasan dalam hal ini. Sistem pemeriksaan kenderaan motor perlu diperbaiki melalui sistem komputer kerana sistem yang ada sekarang yang mana setiap kenderaan perdagangan dikehendaki dihantar ke pemeriksaan Jabatan Pengangkutan Jalan tiap-tiap 6 bulan adalah tidak memuaskan. Sistem yang ada sekarang menimbulkan banyak masalah. Masalah yang terbesar ialah kenderaan lambat dipelksa dan terpaksa menunggu giliran yang lama. Dalam hubungan ini amalan rasuah mustahil dapat dihindarkan juga. Oleh itu, saya berpendapat bahawa sistem pemeriksaan kenderaan berkomputer ini haruslah dilaksanakan dengan segera.

Satu lagi perkara yang saya ingin timbulkan di sini ialah mengenai alat amaran had laju. Sungguhpun Kabinet telah meluluskan bahawa sistem amaran had laju ini hendaklah dilaksanakan, tetapi pelaksanaannya masih belum berkesan dan nampaknya sering menjadi masalah antara pengusaha-pengusaha tori dan pegawai-pegawai Jabatan Pengangkutan Jalan. Saya ingin meminta Yang Berhormat Timbalan Menteri

memberitahu Dewan ini kedudukan perkara ini setakat ini dan apakah halangan besar terhadap pelaksanaannya.

Sekarang saya ingin merujuk kepada masalah Butiran 030200 Pengurusan dan Operasi Lapangan-terbang, terkandung dalam muka surat 216.

Berhubung dengan lapangan-terbang, saya ingin juga mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri tentang cadangan untuk mengemaskinikan peralatan-peralatan yang digunakan oleh Menara Kawalan Lapangan-terbang ataupun Control Tower, dengan izin, ekoran dari cadangan untuk memodenkan lapangan-terbang dan memperbesarkannya. Langkah-langkah ini harus diambil untuk memastikan Menara Kawalan mempunyai peralatan yang cukup dan moden untuk tujuan kawalan penerbangan di udara. Di samping itu, saya juga ingin membangkitkan sistem radar penerbangan.

Saya difahamkan bahawa penerbangan-penerbangan yang berlepas dari Lapangan-terbang Antarabangsa Subang pada ketinggian dan jarak jauh tertentu, misalnya ialah 200 kaki dari tanah akan terputus hubungan kawalan radar dengan Menara Kawalan Lapangan-terbang Antarabangsa Subang dan seterusnya ia dikawal oleh sistem radar Singapura meskipun kapal terbang berada di dalam angkasa Malaysia. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk memastikan sama ada perkara ini benar dan sekiranya benar, bagaimana hal ini terjadi dan apakah rancangan Malaysia untuk mengatasi masalah ini supaya kita mempunyai kawalan radar sendiri dan tidak perlu bergantung kepada radar Singapura.

Satu perkara yang akhir saya ingin menimbulkan, iaitu mengenai penguatkuasaan Akta Pengangkutan

Jalan 1987 yang baru telah diluluskan oleh Parlimen yang mewajibkan semua kenderaan sama ada ia digunakan di atas jalan raya ataupun tidak digunakan, sebaliknya di simpan mesti mempunyai pelekat cukai jalan. Hal ini termaktub dalam Fasal 15 (1) Akta Pengangkutan Jalan 1987 yang berbunyi, saya quote di sini, dengan izin:

"Tiada seorang pun boleh menggurikan atau menyebabkan atau membenarkan digunakan sesuatu kenderaan motor yang berkenaan dengannya, tiada sesuatu lesen kenderaan motor yang berkuatkuasa diberi di bawah Akta ini."

Peruntukan Akta ini akan mula dikuatkuasakan pada awal tahun depan yang melibatkan pelbagai pihak, iaitu mereka yang mempunyai banyak kenderaan di rumah mereka ataupun peniaga-peniaga kereta terpakai yang menyimpan banyak kenderaan terpakai untuk dijual, tetapi kenderaan tersebut tidak dijalankan di atas jalanraya. Pihak yang benar-benar menerima kesan hebat di atas pelaksanaan peruntukan ini ialah syarikat-syarikat kereta terpakai, syarikat-syarikat ini biasanya menyimpan kereta untuk dijual yang tidak berjalan di atas jalan raya sebanyak setiap kali, mungkin 40 hingga 50 buah kereta terpakai. Kereta-kereta ini pula terbiar untuk dipamerkan selama beberapa bulan sebelum ia boleh dijual kepada para pembeli. Jika mereka dikenakan membayar cukai jalan untuk semua kenderaan yang disimpan dan tidak digunakan bagi sesuatu tempoh, maka ini merupakan satu beban berat ke atas perniagaan mereka. Ini kerana dalam keadaan kemelesetan ekonomi pada masa kini kenderaan mereka tidak laris dijual dan oleh sebab ini sesebuah kereta terpakai terpaksa disimpan selama beberapa bulan sebelum dapat dijual.

Oleh yang demikian, saya ingin mencadangkan supaya syarikat-syarikat kereta terpakai ini diberikan pengecualian bagi kenderaan yang dijual dan tidak digunakan di jalan raya. Kenderaan-kenderaan seumpama ini hanya perlu diwajibkan membayar cukai apabila ia telah dibeli oleh pembeli-pembeli, iaitu sepertimana biasa apabila permohonan penukaran hakmilik dibuat di Jabatan Pengangkutan Jalan. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat dari Arau. Saya harap Ahli Yang Berhormat tidak berucap sebagaimana Ahli Yang Berhormat main bola.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Terima kasih, Tuan Pengerusi, Di sini kawan saya tanya apa maksud Tuan Pengerusi. Sebenarnya dia tak faham saya partner dengan Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi, saya tak payah sebutkan nombor Butiran, sebab kita sedia maklum MAS dan pelabuhan ini memang di bawah Kementerian Pengangkutan.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Mesti disebutkan, Yang Berhormat termasuk muka suratnya.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Ya, di bawah Maksud Pembangunan P. 50, muka surat 222, mengenai MAS Pembayaran kepada Penerbangan Awam untuk Projek-projek Pembangunan. Tuan Pengerusi, yang pertama saya hendak sebut sebab di sini ada peruntukan khas bagi penerbangan udara di Sabah dan Sarawak saya hendak sebut mengenai Semenanjung, kerana ini saya percaya tidak dimasukkan dalam peruntukan \$2 juta di bawah Butiran 00100 Maksud Pembangunan 50, Jabatan Penerbangan Awam. Saya hendak sentuh masalah pendaratan.

Saya rasa Tuan Pengerusi telah pun menghadapi masalah yang sama, Ahli-ahli Parlimen dan juga pegawai-pegawai Kerajaan menghadapi masalah yang sama, iaitu MAS pada musim kemarau ataupun "musim timur", kapal terbang jarang boleh mendarat di Lapanganterbang Alor Setar pada masa yang ditetapkan.

Seperti, Tuan Pengerusi sedia maklum, adalah menjadi masalah fasal kabus ataupun awam ini biasanya berdempak kepada bumi kalau ada tempat yang tinggi ia akan berdempek ke tempat yang tinggi, kalau tempat yang rendah dia akan turun rendah. Jadi, di Lapanganterbang Alor Setar ini oleh kerana tidak ada bukit dia ada satu gunung tetapi sebenarnya bukit yang dipanggil Gunung Keriang Kabus dan awan di pagi-pagi hari terpaksa turun ke bawah, apabila awan turun ke bawah dan jadi kepalterbang susah hendak mendarat.

Sebab-sebab utamanya oleh kerana alat pendaratan di peringkat bawah itu tidak dapat memberikan panduan yang tepat kepada kapal terbang untuk mendarat setepat-tepatnya. Macam saya sekarang ini, saya akan balik pagi esok ke Alor Setar. Saya berani gerenti, saya tak akan sampai pada jam 7.20 pagi sebagaimana yang dijadualkan dan kapal terbang ini akan terbang ke Pulau Pinang, pukul 10-11 pagi barulah boleh turun di Alor Setar.

Jadi, kepada Menteri yang berkenaan, saya minta tolong bagi perhatian. Yang Berhormat Timbalan Menteri pun pernah menghadapinya. Beliau ada mesyuarat pukul 9.00 pagi pada satu kali, beliau terpaksa hadir pukul 11.00 pagi dan pada masa itu orang pun sudah balik, habislah! Jadi, demikian jugalah pegawai-pegawai Kerajaan yang lain yang sibuk, saya rasa mereka menghadapi masalah yang sama. Sila buat sesuatu supaya kita dapat keadaan yang sesuai seperti yang terdapat di Subang, macam mana

cuaca pun kita boleh mendarat. Jadi saya mintalah kepada Yang Berhormat Menteri berkenaan supaya memberikan perhatian.

Saya tengok peruntukan ini \$2 juta, saya tak tahu tentang bahagian mana dia boleh masuk untuk pembangunan, tetapi peruntukan \$2 juta ini saya percaya tak cukup untuk menyediakan alat-alat kelengkapan untuk memastikan supaya kapal terbang dapat mendarat tepat pada masanya.

Kita tak mahu perkara-perkara macam ini berlaku pada tiap-tiap tahun, malahan bukan sahaja setiap tahun, setiap hari datam musim ini, musim kemarau ini. Sebab di musim kemarau ini, musim timur ini kita menghadapi kabus di pagi hari dan kabus seperti juga manusia dia suka berdempek dengan bumi. Jadi, apabila kabus berdempek dengan bumi, oleh kerana kawasan itu kawasan sawah, dia turun ke bawah. Jadi, kapal terbang menghadapi masalah dan kadang-kadang kalau orang yang ada penyakit jantung macam kebanyakan kawan-kawan kita di sini, akan menghadapi lebih banyak masalah. Kapal terbang itu turun dan naik balik. Jadi, tergoncang-goncang kita dibuatnya.

Saya sendiri, saya rasa kalau boleh kapal terbang itu supaya jangan turunlah, kalau boleh saya macam hendak pergi bagi tahu kepada pilot, gilirlah mendarat di Pulau Pinang ataupun di Haadyai untuk membolehkan kawasan itu clear, lepas itu kita balik mendarat di Ator Setar. Tetapi kadang-kadang nasihat kita tak didengar, dia turun juga.

Ada sekali itu, dia turun sampai berdentum apabila mendarat. Jadi ini semua perkara yang boleh menambahkan penyakit dan juga masalah untuk kita fikirkan. Jadi kalau untuk kita sampai cepat dan mendapat penyakit, lebih baiklah kita

sampai lambat tetapi kita sihat. Jadi, saya mintalah Yang Berhormat Menteri berkenaan bagi perhatian, tak payah jawab pun tak mengapalah, tetapi bagi tahulah bahawa ini akan dilaksanakan pada tahun hadapan. Itu cukup. Saya ingat, kalau setakat hendak bagi perhatian, dua-tiga tahun lagi, saya ingat tak selesai masalah ini.

Di Kelantan atau tempat-tempat lain tak menghadapi masalah sebab ada tempat-tempat yang tinggi yang kabus itu boleh berdempek, tetapi di Alor Setar ini saya hairan, kabus ini dia sangat suka pergi ke bahagian landasan. Kadang-kadang tempat lain semua clear, kita tengok daripada bawah, kita tengok clear, tetapi tentang landasan itu dia suka sangat. Mungkin ada sesuatu yang boleh menyebabkan kabus gemar sangat menutupi kawasan landasan. Tolong bagi perhatian, sebab contohnya macam besok ada mesyuarat pada pukul 9.00 pagi dan saya gerenti saya tak boleh hadir, sebab saya rasa kabus akan menunggu untuk kita mendarat di Haadyai ataupun di Pulau Pinang.

Lagi satu perkara, fasal MAS ini, Tuan Pengerusi, sedikit sahaja saya hendak sentuh. Mungkin ini tak termasuk di bawah maksud Butiran ini tetapi di bawah MAS Penerbangan Awam. Ini boleh disebut secara keseluruhan, fasal ini walaupun di bawah "Committee Stage", Tuan Pengerusi, saya hendak sentuh fasal MAS. MAS ini bagus, saya tak sebut yang lain-lain seperti pengangkutan laut-darat dan sebagainya, sebab saya rasa itu baguslah dan saya puji Kementerian ini yang telah menjalankan perkhidmatan yang cukup cemerlang. Hal ini saya sentuh untuk menambahkan kecemerlangannya.

Tuan Pengerusi saya ingat pernah berpengalaman dengan saya dan mungkin banyak orang berpengalaman dengan saya, kalau

kita terbang ke luar negeri. Dalam negeri tak mengapalah, sebab kita dalam jangka masa pendek, 45 minit boleh sampai ke Alor Setar atau Pulau Pinang ataupun dalam masa 2 ½ jam ke Sabah dan Sarawak, tetapi kalau kita pergi ke luar negeri, ia mengambil masa 16 jam. Jni kita hendak tegur sedikit, supaya Yang Berhormat Timbalan Menteri tolong bagi teguran kepada MAS. Saya ini bukanlah hendak kata apa, tetapi kadang-kadang kakitangan dalam penerbangan itu, saya tak tahulah apa yang ada dalam kepala-otak mereka. Saya tidak tahu, tetapi saya tulis setiap orang itu. Bukan kita berkehendakkan dia layan kita macam raja, tidak, tetapi patutlah dia bagi layanan yang sama rata di antara penumpang dalam negeri dan juga penumpang dari luar negeri Orang Putih antara penumpang tempatan dan juga penumpang luar. Dia itu kalau boleh dengan Orang Putih atau penumpang luar, dia lebih istimewa layanannya. Pada hal kita membayar tiket yang sama, tetapi dalam banyak keadaan yang tertentu kita membayar harga yang lebih daripada penumpang luar.

Contohnya tambang kapal terbang daripada Sidney ke London, sebagai perbandingan, lebih mahal pula tambang kapa) terbang dari Kuaia Lumpur ke London. Itu kalau saya tak silap, kalau silap pun dari segi angka sahaja. Jadi, dalam hal ini, kalau betul makna kata, sudahlah layanan mereka itu dapat lebih, tambang mereka murah. Jadi, kita ini jadi apa? Jadi penyokongkah?

Itulah sebabnya, kadang-kadang terdapat kawan-kawan kita, mungkin termasuk Tuan Pengerusi, dia suka naik penerbangan lain seperti Air India atau PIA. Saya sendiri suka naik PIA.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, itu tak betul. Saya suka MAS.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Maaf, Tuan Pengerusi, kadang-kadang kita suka penerbangan lain, sebab apa, kadang-kadang kita rasa kecil hati dengan layanan yang diberikan.

Oleh itu kita minta supaya layanan diberikan sama rata. Kadang-kadang pramugari itu, oleh sebab kita pun kadang-kadang kalau duduk lama-lama kita teringin juga hendak bersembang, kadang-kadang kita hendak tidur sebab penumpang di depan itu katalah Orang Putih ataupun penumpang luar, dia bersembang sampai ke siang. Kita hendak tegur dia kata cemburu. tak tegur kepala kita pening.

**Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad:** Tuan Pengerusi, saya hendak minta penjelasan sedikit daripada Ahli Yang Berhormat dari Arau itu. Adakah Ahli Yang Berhormat itu menghadapi satu-satu peristiwa atau satu-satu cerita tertentu sehingga perkara ini ditimbulkan?

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Yang Berhormat ustaz, kalau bendak dikira cerita ini saya tak larat ceritalah. Saya rasa tahun ini sahaja telah 10 kali saya pergi ke luar negeri itu, saya ingat 10 kalilah saya menghadapi perasaan kecewa ni. Mungkin sebab saya tidak handsome (*Ketawa*) kalau dibandingkan dengan kawan-kawan lain. Tetapi saya rasa tidak adillah dari segi tambang yang saya bayar itu. Saya perlukan iayanan yang sama. Dia pun manusia biasa seperti juga Jururawat. Doktor-doktor yang kita sebut Perkhidmatan Kesihatan kelmarin. Jadi berilah layanan yang sama. Kalau hendak buat perkara-perkara yang lain, sila, ada tempat yang lain. Dalam kapal terbang beri layanan yang sama. Saya mempunyai bukti-bukti yang cukup, malah saya tulis nama,

Baru-baru ini saya sudah hantar satu surat kepada Timbalan Menteri berhubung dengan layanan buruk yang diberikan. Saya tidak mahulah

tunjuk saya ini Ahli Parlimenkah atau pegawai Kerajaan, saya tidak mahu. Biarlah dia beri layanan saya sebagai orang biasa, sama seperti orang yang lain. Ini tidak termasuk perkhidmatan ke Jeddah dan sebagainya. Kadang-kadang maaf cakaplah, kalau ke Jeddah itu kalau orang yang pakai macam ini, macam ini sedikit layanannya. Kalau yang pakai macam saya ini, lebih sedikit. Kita tidak mahu macam itu. Biar diberi layanan yang sama ataupun kadang-kadang kalau orang itu boleh minum minuman keras dia beri layanan yang macam ini. Yang tidak boleh minum macam ini. Jadi ada pula perbezaan. Adakah MAS ini diajar supaya orang yang diberi minuman keras itu layanan lebih sedikitkah ataupun yang minum kopi "O" macam Yang Berhormat Kuala Kedah ini dia beri layanan yang kurang sedikit.

Jadi, saya rasa ini perkara-perkara yang harus diberi perhatian. Walau bagaimanapun, pada keseluruhannya layanan yang diberikan oleh MAS itu memuaskan, kecuali kepada sektor-sektor tertentu, Itu yang kita minta perhatian. Yang lain-lain itu bagus.

Dan kita tahu bahawa siapa yang naik kapal terbang; Yang Berhormat Tuan Pengerusi dia selalu naik 1st class, tidak tahulah. Tetapi yang duduk bahagian ekonomi itu kadang-kadang menghadapi masalah. Yang 1st class itu dia tidak kira siapa dia beri layanan yang sama sebab orang tidak ramai. Yang ramai ini kita minta diberi layanan yang sama. Senyumannya, biarlah senyuman yang sama jangan dipaksa. Jangan dipilih, yang ini senyuman lebih sedikit dan ini terpaksa beri sebab kita beri teguran dan sebagainya. Ini cerita betul, Tuan Pengerusi.

Yang Berhormat dari Sungai Petani sedia maklum itulah di antara ceritanya.

Yang kedua, Tuan Pengerusi.....

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, sila gulungkan.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Ini saya tidak sebut jeti Kuala Perlis. Ini penting, Tuan Pengerusi. Ini di bawah.....

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Satu minit Yang Berhormat.

**Tuan Shadidan bin Kassim:** Dua minit, saya minta ampun! (*Ketawa*) Butiran 04300 Pembangunan Jeti Kuala Perlis, Anggaran \$74,950,000. Kemudian peruntukan 1986-1990 \$12 juta. Sampai 1987, token \$10.

Tuan Pengerusi, saya hendak sebutlah. Selama ini saya duduk di dalam Parlimen ini saya tolong bercakap bagi pihak kawan-kawan saya yang lain, pembangunan negeri-negeri yang lain. Saya jarang sangat menyentuh Perlis sebab saya tahu bahawa orang akan memberi perhatian kepada Perlis. Walau pun tidak diberi perhatian pun saya diam. Tetapi sampai kepada perkara jeti ini saya naik marah. Marah sesungguhnya marah. Sebab apa, Tuan Pengerusi? Tuan Pengerusi selalu pergi ke Langkawi, semua orang dalam Dewan ini pernah pergi ke Langkawi. Siapa yang tidak pergi pendek umur! Langkawi mesti kita pernah pergi. Kalau pergi mesti melalui pelabuhan Kuala Perlis. Siapa yang pergi melalui pelabuhan Kuala Kedah dia terpaksa melalui perjalanan yang panjang. Dia terpaksa menghadapi ombak yang kuat, pelabuhan yang cetek, yang mengambil masa 100 tahun lagi baru sama dengan Kuala Perlis. Saya minta maaf kepada Yang Berhormat dari Kuala Kedah.

Saya menyokong pelabuhan Kuala Kedah tetapi berilah perhatian kepada jeti Kuala Perlis. Bukan pelabuhan,

ini jeti! Pengkalan! Jangan tulis token \$10 kecil hati saya walau pun saya tidak pernah sentuh tentang Perlis seumur hidup saya jadi Ahli Parlimen. Tetapi sampai ke sini beri \$10.

Kita tahu kita hendak bangun Langkawi. Ada berbilion-bilion ringgit untuk Langkawi tetapi apa gunanya kita membuat pembangunan di Langkawi kalau tempat kita hendak bertolak dari tanah besar Semenanjung ini hendak pergi ke Langkawi kita tidak berbuat apa-apa. Orang yang pernah pergi Langkawi terasa sangat bila sampai Kuala Perlis tidak tahu mana hendak pergi. Hendak pergi makan laksa, laksa itulah. Hendak pergi makan makanan, makanan itulah. Tidak ada tempat kita hendak berlindung langsung. Oleh kerana pengkalan terlampau kecil dan pengkalan itu pula ialah pengkalan untuk mendaratkan ikan-ikan. Jadi Pengerusi MAJUIKAN dia tahu bahawa ini untuk kemudahan nelayan-nelayan. Tetapi untuk kemudahan pelancong-pelancong, pekerja-pekerja yang hendak pergi ke Langkawi yang menghadapi masalah. Pelabuhan ini semakin bertambah cetek dari setahun ke setahun.

Kita tahu bahawa peruntukan telah diperuntukkan \$12 juta. Jangan tulis \$10. Tahun depan kita mulakan pembangunan dan beh perhatian. Dan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Perdana Menteri pun telah meminta supaya Langkawi diberi perhatian. Kalau sebut Langkawi adalah juga tidak sah, tidak cukup syarat kalau sekiranya dia tidak sebut Kuala Perlis. Termasuk juga yang Berhormat Timbalan Menteri kalau hendak kata pembangunan Langkawi dia tidak akan cukup syaratnya kalau dia tidak sebut pembangunan di Kuala Perlis. Sebab Kuala Perlis dengan Langkawi ini macam Kuala Lumpur dengan Petaling Jaya dia tidak boleh dipisahkan. Kalau kita pisahkan maknanya kita membuat kesilapan

yang paling besar dalam sejarah perancangan negara, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat dari Lembah Pantai.

6.25 *ptg.*

**Tuan Haji Abdul Ra/ak bin Abu Samah (Lembah Pantai):** Tuan Pengerusi, saya ingin mengambil kesempatan sedikit sahaja menyentuh berhubung dengan Kementerian Pengangkutan, muka surat 216. Butiran 030200, Pengurusan dan Operasi lapangan terbang yang dianggarkan perbelanjaan \$36.3 juta. Dan izinkan juga saya cantumkan muka surat 218, P. 46 Keretapi Tanah Melayu, Butiran 01100, Pembelian Kereta-kereta Rel: 26 buah lokomotif \$10,075.000 juta iaitu di bawah pinjaman.

Tuan Pengerusi, berhubung dengan penerbangan dan juga operasi lapangan terbang. Saya tidaklah hendak bercanggah dengan Yang Berhormat sebenar tadi yang menyentuh perkhidmatan MAS dan sebagainya. Tetapi bagi saya perkhidmatan ini, rasa saya dulu juga ada saya sentuh iaitu berhubung dengan penerbangan ataupun Lapangan terbang Antarabangsa Kuala Lumpur. Tetapi akhir-akhir ini saya nampak telah pun ada baiknya sedikit demi sedikit. Tuhan pun tahu dan saya mengharapkan yang benar dibenarkan, yang salah disalahkan. Oleh itu saya demi kebenaran yang saya sebutkan pada hari ini.

Bila kita pergi naik kapal terbang saya rasa pernah saya bertanya kepada orang-orang luar mahupun dalam negeri menyatakan keadaan MAS sekarang ini lebih baik daripada yang dulu perkhidmatannya. Dan saya rasa juga baru-baru ini dua tiga hari yang lepas saya pergi ke London dan balik. Pergi tidak dapat naik MAS tetapi

saya naik British Airways. Bukan hendak memburukkan British Airways itu tetapi saya rasa terkilan membayar 1st class kerana layanan begitu buruk. Pramugaranya lelaki dah tua-tua pula. Layanan daripada sini ke Dubai, ambil endah tak endah, bukan saya seorang sahaja semuanya, penuh. Makanan hanya sekali sahaja dia beri. Dan sampai ke London. Begitulah layanannya kalau hendak dikatakan buruk negeri orang, susah juga. Tetapi apabila saya balik dengan Mas, nampaknya layanan makanan sampai tak habis-habis. Sekejap makan-sekejap makan. Dan layanan juga saya rasa nampaknya begitu memuaskan di kapal terbang itu.

Oleh itu dalam keadaan ini sepatutnya kita memberikan tahniah juga dan kita harap layanan seumpama ini dapat diteruskan. Dan saya bertanya juga kepada penumpang-penumpang yang lain dia kata hendak balik dengan apa? Kalau naik kapal terbang ini, lebih baik kita

naik kapal terbang MAS. Masing-masing mengatakan lebih MAS sekarang ini dari segi layanannya.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat boleh sambung esok.

**Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah:** Sedikit sahajakah\*<sup>1</sup>

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Tidak ada masa lagi, masa sudah cukup.

**Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah:** Terima kasih.

*Majlis Mesyuarat bersidang semula.*

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Ahli-ahli Yang Berhormat. mesyuarat ditangguhkan hingga pukul 2.30 petang, hari Isnin, 30hb November. 1987.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.*